

**Bil. 16**

**Khamis  
6 Ogos 2020**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 8)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 32)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 31)
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 32)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. “ Menteri Kewangan, YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – PPBM
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] – PAS
10. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri – Senator
11. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. “ Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titawangsa] – PPBM
17. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. “ Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO
19. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
21. “ Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM

22. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
23. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
24. “ Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
25. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM
27. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
29. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS
30. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
31. “ Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator
2. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM
6. “ Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato’ Dr. Mah Hang Soon, - Senator
7. “ Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRIS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS
12. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB

14. Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator
15. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM
17. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS
18. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM
19. “ Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM
20. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM
22. “ Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM
23. “ Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS
24. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM
29. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
30. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
36. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau] – STAR
37. “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato' Sri Ti Lian Ker – Senator
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

**AHLI-AHLI (PN)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jejebu] – UMNO
18. “ Datuk Mohamad bin Alamin [ Kimanis] - UMNO
19. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
20. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
21. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
22. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
24. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
25. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
26. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
27. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
28. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
29. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
31. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM

32. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
33. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
34. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
35. “ Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu] – PAS
36. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS
37. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM
38. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM

#### AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
6. “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR
9. “ Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
19. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
20. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
21. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
22. “ Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
23. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
24. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
25. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
26. “ Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
28. “ Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR

31. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. “ Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. “ Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
39. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. “ Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. “ Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. “ Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. “ Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] - WARISAN
54. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. “ Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. “ Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. “ Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. “ Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
68. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN
71. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
72. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP



73. Yang Berhormat Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. “ Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. “ Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. “ Dato’ Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
97. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. “ Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. “ Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. “ Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

#### **AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. “ Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. “ Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. “ Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. “ Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

**AHLI-AHLI (PBB)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. “ Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
5. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. “ Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

**AHLI-AHLI (PDP)**

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

**AHLI-AHLI (PSB)**

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. “ Tuan Baru Bian [Selangau]

**AHLI-AHLI (SUPP)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P.[Serian]

**AHLI-AHLI (PRS)**

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Nizam Mydin bin Bacha Mydin

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS**  
**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Halijah binti Mat Sin  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad  
Noraidah binti Manaf  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juara  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Khamis, 6 Ogos 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, dalam seksyen 23, Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan semua mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai dan kepada wakil akhbar. Namun perkara ini tidak menjadi amalan biasa dalam masyarakat dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk meningkatkan hebahan tentang peruntukan ini kepada orang ramai serta menggalakkan pihak berkuasa tempatan untuk uar-uarkan dengan lebih meluas tentang notis mengenai mesyuarat kepada orang awam.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah.* Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rompin kerana prihatin daripada segi untuk memberdayakan, memperhebatkan lagi pihak berkuasa tempatan dan pada masa yang sama cuba mengangkat agenda pihak berkuasa tempatan di kalangan masyarakat setempat agar mereka menghadiri mesyuarat-mesyuarat ini agar mereka tahu perkembangan pembangunan dalam kawasan masing-masing.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Rompin, ketika ini KPKT telah menggalakkan PBT-PBT untuk mengadakan mesyuarat *council* ini secara terbuka. Namun demikian, pada tahun 2017 sehingga 2020, ada sebanyak 16 PBT sahaja yang telah mengamalkan *live streaming* ini kepada masyarakat untuk menonton atau menyaksikan mesyuarat *full council* di PBT masing-masing. Jadi, di antara 16 PBT ini termasuk dari Johor ada empat PBT, Kedah satu PBT, Kelantan dua PBT, Melaka dua PBT, Pahang dua PBT, Perak satu, Perlis satu, Pulau Pinang satu dan Terengganu dua.

So, untuk menyediakan *live streaming* ini, KPKT harus mengeluarkan perbelanjaan kepada semua PBT. So, untuk fasa pertama, kita memulakan dengan enam PBT, fasa kedua 10 PBT. Pada puratanya, setiap PBT kita perlukan belanja sebanyak RM80 ribu untuk membuat *setup for this live streaming*.

Jadi sebaiknya, memandangkan bahawa *local government is the third level government*, kita sepatutnya mengadakan mesyuarat- *council* itu, seperti kita ada *sitting* dalam Parlimen ini yang mana dibuka ke televisyen dan orang ramai boleh datang, boleh lihat dan boleh menyaksikan perbahasan. Jadi, ini satu langkah yang, *insya-Allah*, kami akan ambil kaedah ini untuk memasyarakatkan mesyuarat-mesyuarat- *council*, agar rakyat setempat tahu apa PBT itu laksanakan dan apa perkembangan dalam kawasan mereka, apa pembangunan yang harus diperhatikan, dan memberi komen dan sebagainya. Jadi, ini antara langkah-langkah yang kita boleh laksanakan.

Namun demikian, walaupun kalau KPKT juga mewajibkan PBT untuk mengadakan mesyuarat ini secara terbuka, ia juga tertakluk kepada pihak berkuasa negeri untuk memberikan kelulusan kepada PBT sama ada hendak melaksanakan mesyuarat ini secara terbuka dan menjemput rakyat biasa dan juga media untuk turut hadir. Saya lihat ada beberapa PBT yang mengamalkannya. Akan tetapi, kerana dewan mesyuarat itu kecil, agak sempit, maka kadang-kadang tidak boleh memuatkan pemberita untuk hadir dalam dewan itu.

Jadi, ini perlukan satu reformasi yang, *insya-Allah*, kita akan ambil selepas ini untuk memperhebatkan lagi pihak berkuasa tempatan daripada segi keberkesanan mereka melaksanakan kerja dan daripada segi menguar-uarkan dan memberi pengetahuan dan maklumat kepada rakyat setempat. Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi majlis bandar raya, majlis perbandaran yang mempunyai kemampuan bagi menyemarakkan lagi sistem demokrasi dalam negara, seharusnya majlis bandar raya, majlis perbandaran yang berkemampuan harus membina sebuah dewan khusus untuk persidangan mereka sebagai lambang menyuburkan, memperkasakan sistem demokrasi juga di peringkat-peringkat ini. Mungkin langkah pertama kita boleh menjemput persatuan-persatuan peniaga kecil, persatuan-persatuan teksi, persatuan kontraktor, persatuan pengguna sebagai pemerhati-pemerhati. Digilirkan pemerhati-pemerhati untuk menghadiri mesyuarat majlis perbandaran, majlis bandar raya mahupun Majlis Kerajaan Tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Satu cadangan yang baik yang, *insya-Allah*, dalam langkah-langkah kecil yang KPKT akan ambil dalam meningkatkan pendemokrasian di peringkat PBT memandangkan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional tidak akan melaksanakan *local government election* yang saya juga lihat satu perkara yang drastik memandangkan masyarakat dan PBT kita tidak bersedia untuk melaksanakan *local government election*.

Maka, KPKT akan mengambil langkah-langkah kecil untuk meminda Akta 171 agar membolehkan PBT melaksanakan perkara-perkara pindaan ini ataupun polisi-polisi yang diangkat oleh KPKT dan harus di-*endorse* oleh pihak berkuasa negeri di Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang mana dihadiri oleh Menteri-menteri Besar dan CM.

#### ■1010

Jadi, kalau dalam mesyuarat MNKT yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar, mereka meluluskan cadangan-cadangan sedemikian dan mereka harus gazet, *endorse* ataupun *adopt* dan maka mereka wajib untuk melaksanakan. Namun demikian, ada juga *most of the time*, mereka tidak dapat melaksanakannya atau mereka tidak ada *political will* untuk melaksanakannya. Jadi, ini menyulitkan kerajaan tempatan dan KPKT untuk melaksanakan pindaan-pindaan yang kita hendak buat.

Contohnya, ada dua perkara yang besar yang saya hendak bawa di sini. Pertama, perkara melantik Ahli Majlis. Saya melihat pergi ke luar negara iaitu negara-negara *Southern Africa* yang *third world countries* iaitu Rwanda dan Uganda. Mereka telah melaksanakan *local government elections* pada 20 tahun yang lalu. Akan tetapi, *I'm not saying that kita have to follow their model. But what I'm trying to say is that*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *when there is a local government election, the Counselor's standard* yang saya lihat standard seorang Yang Berhormat Menteri yang boleh berhujah dalam forum-forum *international*.

Akan tetapi, kalau saya bandingkan dengan pelantikan ahli majlis yang ada sekarang ini dalam parti-parti politik dalam negara kita, saya ingat tidak sampai 10 percent daripada seramai 3,000 orang Ahli Majlis yang mempunyai kualiti yang sedemikian. Jadi, daripada segi lantikan juga itu, KPKT meletakkan syarat-syarat bagaimana mesti penduduk setempat, mesti ada *qualifications* dan sebagainya. Ini pun tidak mampu untuk mereka melaksanakannya- untuk menaikkan taraf memperhebatkan atau memperdayakan kerajaan tempatan.

Perkara kedua yang menjadi isu juga cukai taksiran, yang mana kerajaan tempatan tidak dapat menaikkan cukai taksiran kerana tertakluk pada keputusan kerajaan negeri. Jadi, bila tidak ada duit, kerajaan negeri tidak akan menampung dan mereka akan berharap dengan Kerajaan Persekutuan. Kadang-kadang ada kerajaan negeri yang meminjamkan duit kepada kerajaan tempatan dan harus dibayar dengan *interest* lagi.

Kita lihat contohnya; di Ipoh, Majlis Bandaraya Ipoh kali terakhir menaikkan cukai adalah pada 38 tahun dahulu iaitu pada tahun 1982. Terengganu pada 35 tahun dahulu iaitu Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada 35 tahun yang lalu. Kalau saya lihat rata-rata seluruh negara, PBT-PBT ini tidak menaikkan cukai mereka hampir 20 tahun ke bawah. Jadi, bagaimanakah PBT hendak berdikari untuk melaksanakan kerja-kerja mereka?

Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri contoh iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam. Ketika mereka membuat penilaian kepada harta dalam kawasan mereka yakni pegangan dalam kawasan mereka didapati pada tahun 2006 dengan sejumlah 263,000 pegangan, mereka mampu menaikkan pendapatan mereka sebanyak RM34 juta. Begitu juga, Majlis Perbandaran Kulai pada tahun 2008. Kali terakhir mereka menaikkan cukainya, mereka dapat meningkatkan pendapatan sebanyak RM8.7 juta.

Majlis Daerah Kuala Pilah pada tahun 1985 kali terakhir menaikkan cukai mampu untuk meningkatkan pendapatan sebanyak RM3 juta. *Just imagine*, dengan izin-Kalau mereka dapat melaksanakannya dalam lima tahun sekali seperti apa yang tertera dalam akta, maka PBT-PBT ini akan lebih mampu untuk membuat pembangunan dalam kawasan masing-masing dan membuat keputusan dalam kawasan masing-masing. Terima kasih.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membawa perbincangan kita kembali kepada menyiarkan lintas langsung atau *live streaming* mesyuarat PBT ini. Kalau kerana alasan dewan sempit ia merupakan jawapan yang saya rasa tidak memberangsangkan. Ini kerana, kita pada hari ini mempunyai pelbagai teknologi media untuk menyiarkan perjalanan perbincangan mesyuarat PBT di lokasi-lokasi mereka. Apakah Yang Berhormat Menteri perasan? Adakah di sana ada alasan-alasan lain kenapa pihak PBT rasa kekok dan tidak berminat untuk menyiarkan sebagaimana kita pada hari ini bersidang, rakyat menyaksikan kita dan kehadiran pun mereka menyaksikan kita di sini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih Hulu Langat. KPKT berhajat untuk melaksanakan ini dan ia perlukan perbelanjaan. Sekiranya semua PBT ataupun dipihak berkuasa negeri bersetuju untuk melaksanakan ini, KPKT mampu untuk mengeluarkan peruntukan agar ia menjadi sebuah platform untuk semua. Akan tetapi, sama ada hendak digunakan ke tidak adalah terpulang kepada kerajaan negeri.

Jadi, sebab itu saya rasa langkah kecil yang boleh diambil sebagai ujian kepada negeri-negeri yang kononnya sudah bersedia untuk membuat *local election*. Ini langkah-langkah yang mereka harus belajar untuk menepati atau mematuhi. Selepas itu barulah kita maju ke hadapan untuk memikirkan langkah-langkah lebih besar untuk memberdayakan pihak berkuasa tempatan. Memang kita boleh gunakan skrin, kita boleh guna macam-macam. Kita boleh gunakan itu.

Jadi, saya amat berharap langkah-langkah kecil yang KPKT akan laksanakan dalam memperkasakan PBT akan dapat sokongan daripada kerajaan negeri. Maka, ia akan dapat dilaksanakan dengan baik dan ia akan juga meningkatkan pendemokrasian di peringkat PBT dan juga membolehkan mereka berdaya, untuk lebih berkesan membangunkan kawasan PBT masing-masing. Saya tidak mahu kita lewat dan lambat. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *we have missed 2020 and I don't wish we all to miss 2030. Thank you.* Terima kasih.

**2. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, mengenai status kes COVID-19 di Kedah dan di Kuching dan langkah-langkah Kementerian untuk mencegah gelombang seterusnya termasuk jumlah saringan yang telah dibuat.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Kuching. Sehingga 5 Ogos, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak 9,023 kes. Daripada jumlah tersebut negeri Kedah telah melaporkan sebanyak 125 kes positif dan Sarawak sebanyak 678 kes. Terbaharu terdapat peningkatan kes di negeri Kedah dan Sarawak. Ini susulan daripada kluster baharu yang dikesan di negeri-negeri tersebut.

Di negeri Kedah kluster baharu yang dilaporkan ialah kluster *Patient Under Investigation* Sivagangga sehingga 5 Ogos seramai 1,647 orang telah disaring. Daripada jumlah tersebut sebanyak 24 kes positif COVID-19 dan kadar *positivity* ialah 1.46 peratus. Di Kuching, Sarawak terdapat sembilan kluster aktif yang dilaporkan. Sehingga 5 Ogos seramai 2,541 orang telah disaring. Daripada jumlah tersebut sebanyak 67 kes positif COVID-19 dilaporkan kadar *positivity* 2.64 peratus.

Perincian bagi kluster tersebut ialah seperti berikut.

Kluster	Jumlah Disaring	Bilangan Kes Positif
Pusat Perubatan Kuching	28	3
Sentosa	1,064	31
PUI Melbourne	23	3
Satok	372	4
Kejuruteraan Kuching	189	8
Mambong	198	7
Stutong	586	7
Jeti Kuching	25	2
Syarikat Pembinaan Kuching	56	2

Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang disaring sebanyak 2,541 manakala jumlah kes positif ialah sebanyak 67 kes. Malaysia telah mengalami gelombang pertama bermula 2 Januari hingga 15 Februari. Gelombang kedua sejak kes pertama dilaporkan pada 27 Februari 2020. Sejak itu, pelbagai tindakan bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan respons dalam menangani wabak ini. Antara langkah yang diambil ialah 'penglibatan pelbagai jentera kerajaan' atau '*whole-of-government approach*' untuk memastikan kita dapat menangani COVID-19.

Kedua, memperkasakan kerjasama di setiap peringkat dan lapisan masyarakat dalam memainkan peranan masing-masing seperti mengendalikan *standard operating procedure* pada mereka.

Ketiga, pengurusan kejadian kluster jangkitan COVID-19 secara berkesan dan komprehensif seperti melakukan pengesanan kes secara aktif di kalangan konteks rapat dan dibendung dengan pantas untuk mengelak rebakan.

#### ■1020

Kita mengadakan *targeted approach* ataupun cara bersasar untuk mengesan dan juga menyingkir mereka yang dijangkiti COVID-19 dan kontak rapat. Apa yang terpenting adanya Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan sejak 18 Mac yang dilanjutkan sebagai PKP 1, 2, 3, 4 dan seterusnya PKP Bersyarat dan sekarang, PKP Pemulihan. Pintu masuk keluar antarabangsa negara diketatkan dan saringan kesihatan dibuat untuk mengesan COVID-19.

Akhir sekali ialah kita juga mengawal rapi pintu masuk antarabangsa seperti kawalan antara negeri di Malaysia dan kawalan terhadap penganjuran aktiviti berkumpulan. Apa yang paling penting ialah inisiatif memperkasakan komuniti melalui pendekatan '*Cegah dan Didik, Amal, Patuh dan Pantau*'. Terima kasih.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Soalan saya sebenarnya, apakah pendekatan yang diambil kerajaan dan bagaimana sebenarnya kerajaan mengklasifikasikan satu kes sebagai kes positif? Kita tahu *gold standard test* tersebut RT-PCR dan RT-PCR kita sebenarnya nak *test* tiga *gene*. Satu, *N gene*, *E gene* atau RdRp. Jadi, bagaimanakah kerajaan mengklasifikasikan satu kes positif apabila satu *gene* ditemui atau kena sekurang-kurangnya dua *gene* tersebut?

Ini penting kerana saya mendapat laporan dan ini telah disahkan oleh kenyataan Pengarah Kesihatan di Kuching. Ada beberapa pihak yang telah disaring secara rawak di Kuching, mereka mendapat panggilan dari hospital. Kena masuk ke hospital, kena kuarantin, kontak rapat dan ahli keluarga mereka juga disaring tetapi kes mereka tidak timbul dalam laporan rasmi harian tersebut. Jadi, saya minta penjelasan daripada kerajaan. Bukan nak menimbulkan sebagai panik tetapi kita tak nak ada persepsi bahawa ada data yang telah disembunyikan. Terima kasih. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuching. Selepas kita menguji semua kontak, jadi *positivity* setakat ini di negara kita hanya 0.96 peratus menggunakan *test* yang dipanggil RT-PCR. Ia merupakan *gold standard* sepertimana yang Yang Berhormat beritahu dan kita juga menggunakan satu lagi *test* yang dipanggil RTK Antigen iaitu *Rapid Test Kit Antigen* di mana ia boleh buat dalam masa yang pantas tetapi *positivity* dia dan sensitiviti dia mencukupi untuk kita mengadakan *test*.



Untuk RT-PCR, *interpretation* yang salah sebenarnya boleh berlaku sekiranya pihak makmal tidak mengikuti prosedur sebenar seperti kalau kita *detect* satu *gene* ini sahaja, seeloknya tidak boleh dianggap sebagai atau *presumptive* sebagai positif. Ia perlu dibuat semula dan diulang *swab* untuk dapatkan yang kedua iaitu *confirmatory gene* seperti RdRp, barulah kita boleh menganggap dia sebagai positif. Untuk itu, seperti mana yang Yang Berhormat maklum, bahawa setakat yang kita laksanakan di negeri Sarawak, di Kedah baru-baru ini dan juga 9,003 kes dikesan positif dan ini sangat *reliable* untuk masa ini.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, difahamkan bahawa kematian yang kelapan di Sabah adalah daripada kalangan warganegara Filipina yang berada di Sabah. Saya tidak tahu, mungkin juga PTI. Dalam hal yang demikian, apakah *tracing system* kita yang ada pada hari ini dapat mengawal supaya tidak ada nanti kluster baharu pula di kalangan mereka ini dan akan menyebabkan gelombang baharu di negara kita? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Kita lihat bahawa sejak gelombang pertama hingga gelombang kedua yang berlaku sehingga kini, kes-kes yang berlaku di setiap negeri memang dipantau dengan dan juga dikatakan *surveillance* ya, iaitu *surveillance* yang kuat. Kita bukan sahaja dapat mengesan kes-kes yang berkisarkan kepada kluster keagamaan, kluster kontak rapat dan juga *patient under investigation*, kita juga ada kumpulan *surveillance* dan juga kumpulan yang dipanggil pengembara, masyarakat Malaysia yang datang dari luar yang balik ke negara kita.

Kes yang berlaku di Sabah sebenarnya pelbagai kerana pintu masuk di Sabah adalah di Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan juga pintu masuk di pantai-pantai tertentu dalam negeri Sabah. Ia melibatkan kemasukan mereka yang datang ke negara kita. Untuk itu, pelaksanaan *tracing system* yang dilakukan ialah dengan mengenal pasti pemantauan yang kita laksanakan secara *enhanced* atau kita membuat *enhancement* ataupun mempertingkatkan *surveillance* di kalangan mereka yang bergejala. Ini kerana penyakit COVID-19 ini, 80 peratus tidak bergejala dan 20 peratus bergejala.

Mereka yang bergejala kita saring dan kita dapatkan mereka dikesan dan dirawat. Akan tetapi mereka yang tidak bergejala, mereka dimintalah untuk supaya sekiranya mereka ada kontak rapat dengan mana-mana yang kes positif untuk tampil dan kita boleh buat saringan.

**3. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, tujuan pelaksanaan Program Penyeragaman Harga dan bagaimanakah kaedah penyampaian program tersebut kepada rakyat. Sepanjang pelaksanaannya, sejauh mana program ini telah membantu rakyat yang berada di kawasan pedalaman.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Rajang. Jawapannya, Program Penyeragaman Harga bertujuan untuk membantu penduduk di kawasan luar bandar mendapatkan bekalan barangan keperluan asas pada harga yang sama seperti di kawasan bandar. Ini berikutan terdapat penduduk di kawasan luar bandar yang terpaksa membeli barangan keperluan asas pada harga yang lebih tinggi, selain kesukaran mereka untuk mendapatkan bekalan tersebut secara berterusan.

Barangan keperluan ini turut melibatkan barangan bersubsidi yang seharusnya dijual pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Perbezaan harga barangan keperluan asas antara kawasan bandar dan luar bandar adalah disebabkan oleh kos pengangkutan yang tinggi kerana perlu melalui jarak yang jauh ke kawasan terpencil dan jalan yang sukar seperti jalan tidak berturap, jalan balak, sungai atau laut. Keadaan laluan sedemikian menyebabkan penduduk luar bandar mendapat akses ataupun sukar mendapatkan akses kepada bekalan barangan asas.

Menyedari hakikat ini, sejak tahun 2009, kerajaan melaksanakan Program Penyeragaman Harga iaitu satu inisiatif untuk menampung kos pengangkutan bagi membawa bekalan barangan keperluan asas daripada pembekal hingga ke kedai runcit atau *point of sale*, dengan izin, di kawasan luar bandar. Kriteria minimum kawasan yang layak di bawah program ini kawasan yang berada pada jarak melebihi 15 kilometer daripada punca bekalan dengan peratusan perbezaan harga sebelum dan selepas program melebihi 15 peratus.

Pada tahun ini, kerajaan telah melantik 163 *transporter* iaitu syarikat yang bertanggungjawab untuk membeli bekalan daripada pembekal atau punca bekalan sebelum menghantar dan menjual bekalan tersebut kepada *point of sale* di kawasan pengedaran.

Terdapat tujuh jenis bekalan barangan asas yang dihantar menerusi program ini iaitu beras, gula putih bertapis kasar, minyak masak paket satu kilogram atau botol satu liter, tepung gandum kegunaan am, gas petroleum cecair atau LPG, petrol RON95 dan diesel. Seramai 1.1 juta orang penduduk di 691 buah kawasan pengedaran di luar bandar dan pedalaman negeri Sarawak, Sabah, Kedah dan Kelantan telah mendapat manfaat daripada program ini. Sebagai contoh, sebelum program ini dilaksanakan, penduduk di Belaga perlu membeli bekalan satu buah silinder LPG pada harga RM55 atau lebih.

#### ■1030

Jadi dengan adanya program ini penduduk Belaga dapat membeli LPG pada harga yang dikawal iaitu RM26.60 sahaja. Berdasarkan tinjauan Kementerian, kebanyakan penduduk bersetuju bahawa program ini telah membantu meringankan beban kos sara hidup memandangkan mereka boleh membeli barangan keperluan asas pada harga yang sama di kawasan bandar. Mereka juga menyatakan program ini telah memberikan kemudahan akses untuk mendapatkan barangan keperluan asas dan berharap inisiatif kerajaan ini diteruskan pada masa akan datang.

Jadi, kawasan Belaga ini adalah dalam kawasan Hulu Rajang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan untuk soalan tambahan pertama.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang baik, bernas dan jelas sekali. Hulu Rajang minta, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan peruntukan Program Penyeragaman Harga kepada penduduk di Sarawak terutamanya di kawasan Parlimen Hulu Rajang? Adakah peruntukan itu mencukupi Yang Berhormat Menteri, meliputi semua kawasan di pedalaman Sarawak? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Pada tahun 2020, Program Penyeragaman Harga dilaksanakan di kawasan pedalaman di negeri Sarawak, Sabah, Kedah dan Kelantan. Pelaksanaan ini melibatkan peruntukan sejumlah RM150 juta dan sebanyak RM83.2 juta diperuntukkan kepada negeri Sarawak. Daripada itu RM19.5 juta pula khas bagi kawasan Parlimen Hulu Rajang. Secara amnya peruntukan ini yang diterima adalah terhad dan tidak dapat meliputi keseluruhan kawasan pedalaman di Sarawak.

Berdasarkan batasan peruntukan, kementerian memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang amat sukar dihubungi seperti kawasan di hulu-hulu sungai dan di kawasan yang tiada atau kurang kemudahan infrastruktur yang baik seperti di Sungai Mujong, Sungai Gat, Sungai Merirai. Semua ini sungai-sungai dan hulu Batang Boleh dalam kawasan Hulu Rajang. Juga dalam kawasan saya di Hulu Sungai Ketibas, Sungai Tekalit, Sungai Musah mendapat peruntukan ataupun layanan yang sama.

Pada masa ini, Program Penyeragaman Harga barang ini meliputi 451 buah kawasan di seluruh Sarawak. Kementerian akan mempertimbangkan perluasan kawasan pengedaran di pedalaman Sarawak berdasarkan kepada peruntukan yang kementerian ini dapat atau terima. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan kedua berikan saya berikan...

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Baram.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada, silakan Yang Berhormat Baram.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan tambahan.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Soalan saya ialah berkenaan dengan pengangkutan ini. Kita dengar bahawa memang ada, kerajaan memang tanggung kos pengangkutan.

Namun apabila ia sampai ke peringkat kawasan pedalaman, kita dengar bahawa kos ada yang kata ini tidak cukup. Tahun dulu dia kata RM100 misalnya satu perjalanan. Akan tetapi tahun ini mungkin dia kurang lagi.

Jadi, adakah kementerian hendak menetapkan ataupun memaklumkan kepada kawasan-kawasan berkenaan supaya kos pengangkutan ini tidak akan menjadi satu isu di kalangan yang terlibat dalam kos pengangkutan ini. Tentukan ia punya kos ini. Maklumkan kepada orang ramai sebab saya percaya ramai yang hendak terlibat dalam pengangkutan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, terima kasih atas saranan ataupun saya ambil sebagai satu maklum balas yang baik daripada Yang Berhormat Baram yang meminta kementerian memastikan apa sahaja makluman yang perlu diketahui oleh umum, diberikan keterangan kepada umum supaya mereka faham apa sebenarnya peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

Jadi, bagi saya itu bukan satu soalan tapi satu saranan daripada Yang Berhormat Baram yang baik. Kami ambil perhatian dan saya akan memastikan program ini dijalankan dengan sebaiknya supaya golongan sasaran kita dalam program ini mendapat manfaat sepenuhnya daripada program ini. Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ketiga, maaf saya terlepas pandang tadi.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan pandemik COVID-19, adakah pihak kementerian akan memastikan supaya program seragamkan harga ini juga akan memastikan supaya harga *face mask*- pelitup muka ini juga diseragamkan? Bolehkah harga silingnya diturunkan lagi?

Memandangkan hari ini kerajaan ingin melaksanakan supaya semua orang memakai *face mask* di kawasan awam dan jika tidak pakai, mereka akan dikenakan RM1,000 denda. Jadi kita tak nak oleh sebab terutamanya kepada golongan B40 yang tidak mampu hendak membeli *face mask* ini dan terpaksa menerima saman tersebut.

Jadi, apakah langkah-langkah kementerian untuk memastikan harga tersebut diturunkan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Walaupun ini jauh sedikit daripada soalan asal tetapi saya boleh jelaskan sedikit kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ringkas.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, sebenarnya memang kementerian sedang mengambil langkah, sudah diumumkan pula akan diturunkan harga siling 3 *ply* satu unit topeng muka atau pelitup muka ini daripada had yang RM1.50 harga runcit sekarang kepada satu tahap yang sudah diumumkan RM1.20.

Akan tetapi sekarang memandangkan maklum balas daripada umum termasuk Yang Berhormat Kota Melaka sendiri pada pagi ini, kami sudah berbincang mungkin kita akan turunkan lagi ke bawah daripada RM1.20. Ini kerana kita prihatin *and we are sensitive*. Kita tidak ada masalah, maklum balas daripada pihak sebelah sana, sebelah sini di semua seluruh negara kita ambil maklum dan kita sensitif. Kita akan buat. *We are going to reduce it from what we proposed* RM1.20 kepada yang rendah lagi. Dalam dua tiga hari kami buat keputusan. Jadi terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat yang Berhormat semua sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih semua.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama sebenarnya akan ditanya sepatutnya oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Jazlan Yang Berhormat Machang tetapi Yang Berhormat Machang meminta maaf kerana tidak dapat berada di Dewan pada pagi ini kerana berada di Istana Kayangan untuk menghadap Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Selangor. Jadi dengan itu saya menjemput Yang Berhormat Tuan Noor Amin untuk soalan yang kedua.

*[Soalan No. 1 - Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang) tidak hadir]*

**2. Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, senarai barang makanan import yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan apakah kesan daripada segi jumlah bekalan dan harga jualannya.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat yang bertanya. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang bertanya, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sebenarnya bekalan makanan sentiasa dalam keadaan yang mencukupi dan barang makanan yang import *alhamdulillah* tidak terjejas.

Jadi, mengikut data daripada pihak kementerian, terdapat pengurangan import pada daging lembu, kerbau, kambing, bebiri dan juga keratan ayam serta daging babi pada bulan April dan Mei. Ini kerana empat buah produk pertanian ini sebenarnya didapati kurang import disebabkan oleh- ia telah mencatat angka sampai 72 peratus terutamanya pada daging lembu dan kerbau. Pengurangan import ini disebabkan oleh penutupan hotel, kedai-kedai makan dan juga majlis-majlis keraian yang tidak dibenarkan.

Selain itu, pengimportan daging lembu dan kerbau pada tiga bulan pertama tahun 2020 berupaya untuk menampung bekalan untuk perayaan hari raya dan juga bulan Ramadan.

■1040

Hal ini secara tidak langsung telah menstabilkan bekalan harga untuk tempoh enam bulan pertama dalam tahun 2020. Kementerian juga untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sentiasa memantau secara harian tentang pergerakan bekalan makanan dan melaporkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) sejak PKP yang bermula pada 18 Mac 2020. Kementerian dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa memantau harga sepanjang tempoh PKP dan didapati harga barangan makanan utama adalah sentiasa terkawal. Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya maklum tadi daripada jawapan Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa kecukupan bekalan kerana kurangnya permintaan semasa PKP oleh sebab sebahagian daripada sektor ekonomi kita tutup, jadi tidak wujud permintaan yang besar. Cuma apabila kita membuat keputusan, telah membuka sedikit demi sedikit sektor ekonomi kita, pada masa akan datang ini permintaan akan kembali meningkat.

Jadi, apa usaha kementerian bagi memastikan dalam keadaan kita buka, negara lain ini masih tutup, jadi import itu masih kurang? Saya bercakap ini kerana selama ini pergantungan kita kepada import makanan cukup tinggi, lebih daripada RM50 bilion. Jadi, apakah usaha-usaha kementerian bagi memastikan pengeluaran makanan kita untuk yang ke depan ini cukup pada kadar harga wajar? Apakah bentuk insentif serta bantuan kepada peladang dan petani kita yang terpaksa berjuang untuk mengembalikan pengeluaran mereka?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini sebenarnya adalah satu daripada matlamat utama kementerian bagi memastikan supaya bukan sahaja kita dapat mengekalkan makanan pada tahap yang mencukupi, bahkan kita mahu pastikan supaya peladang, penternak dan petani dapat mengeluarkan barang dan produk mereka yang secukupnya dan berkualiti.

Kerajaan pada ketika ini melalui MAFI telah menjalankan beberapa langkah bagi memastikan supaya semua sekali, apa juga kita punya pendekatan bagi memastikan pengeluaran makanan dapat dipertingkatkan dengan memberikan pelbagai insentif kepada ketiga-tiga kumpulan ini bagi memastikan tidak ada sekatan ataupun larangan dan juga kekurangan daripada keluaran produk mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jempol, silakan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebergantungan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapakah selalu Yang Berhormat Jempol ini? Sarawak tidak bagikah?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Bukan, dia baru masuk Tuan Yang di-Pertua. Saya masuk pukul 8.45 pagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, kita cuba...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jadi, saya *register*, dapat ini. Mahu cepat soalan, datang pagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita cuba selepas ini.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** [*Ketawa*] Kebergantungan Malaysia terhadap import makanan harus dikurangkan kerana kebergantungan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini memang kongkalikung ini [*Ketawa*]

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Dia ganggu Tuan Yang di-Pertua. Kebergantungan import makanan lebih daripada RM17.4 bilion. Jadi, RM17.4 bilion pada 2019, masa Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah insentif apa yang diberitahu tadi, jangkaan pengurangan daripada RM17.4 bilion ini, zaman Kerajaan Perikatan Nasional ini mampu tak kita mengurangkan import barang makanan daripada RM17.4 bilion mungkin kepada RM10 bilion? Apakah rancangan Yang Berhormat Menteri untuk dapat mengurangkan kebergantungan kepada negara-negara luar? Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini soalan sudah keluar asal [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini kita sebenarnya barangan makanan yang mencukupi untuk negara kita ayam, telur, yang mencukupi lebih daripada permintaan. Selain itu, daging sama ada lembu, kerbau, kambing dan juga daging babi terpaksa kita import dari luar kerana ia kurang daripada SSL kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa kita menghadapi PKP, kita dapati bahawa barangan yang kita import berkurangan kerana kurang permintaan tetapi kita pastikan selepas PKP perkara ini tidak akan berlaku. PKP sebenarnya telah mengajar kita untuk sentiasa membuat persediaan awal dalam memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi untuk kegunaan dalam negara. Dalam masa yang sama, kita hendak pastikan apa juga SSL yang berkurangan, terutamanya seperti beras, kita hanya berkeupayaan untuk mengeluarkan 70 peratus. Berkenaan dengan lembu dan juga kambing, lembu hanya 23 peratus dan kambing hanya 15 peratus.

Jadi, kita sentiasa mempertingkatkan usaha kita bagi memastikan supaya pengeluaran kita sentiasa terjamin, dapat memenuhi apa juga keperluan oleh rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, jumlah projek untuk menaik taraf di kaki Gunung Jerai sebagai salah sebuah pusat pelancongan yang menjadi tumpuan negara.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MoTAC) telah melaksanakan empat projek pembangunan pelancongan di sekitar kaki Gunung Jerai dengan peruntukan berjumlah RM4.9 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Projek-projek pembangunan tersebut adalah:

- (i) peningkatan kemudahan pelancongan di Gunung Jerai, Kedah yang membabitkan antaranya pembinaan laluan trek konkrit dan titi, pembesaran tempat letak kereta, papan tanda ataupun papan maklumat baharu serta kedai cenderahati dan pusat jualan hasil Gunung Jerai;
- (ii) menaik taraf kemudahan *homestay* Kampung Raga, Yan, Kedah melibatkan antaranya menambahkan keluasan dewan *homestay*, membina wakaf rehat dan membaik pulih wakaf di tebing Sungai Raga di bawah RMKe-10 iaitu di antara 2011 sehingga 2015;
- (iii) peningkatan kemudahan pelancongan di Pantai Murni, Yan, Kedah; dan
- (iv) kerja-kerja pembaikan kecil di *homestay* Kampung Raga, Yan, Kedah di bawah RMKe-11 pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MoTAC juga telah memperakukan dua buah projek pembangunan pelancongan di kaki Gunung Jerai berjumlah RM7.6 juta untuk pertimbangan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah *Rolling Plan I* iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas. Projek-projek tersebut adalah:

- (i) cadangan pembangunan *ecotourism* di Kompleks Jeti Semeling, Kuala Muda, Kedah; dan
- (ii) cadangan pembangunan *ecotourism* di Pulan Songsong, Yan, Kedah.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan soalan tadi. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk mewujudkan peluang-peluang kerja untuk penduduk tempatan? Oleh sebab kehadiran pelancong seluruh Malaysia ke Gunung Jerai semakin bertambah. Sekian.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di Kedah ini sahaja, di Jerai sahaja ada lima tarikan utama di Jerai. Kita ada *Jerai Resort*, kita ada cuaca yang dingin, tempat bersejarah Jerai *Geopark*, *homestay*-nya dengan aktiviti kebudayaan penduduk tempatan dan juga *Kedah Tour*. Jadi, penggiat industri ini Yang Berhormat, penggiat industri pelancongan adalah saling berkait. Rakyat kita memang kreatif, apatah lagi dengan adanya *artificial intelligence*, *internet of things*, *Industry Revolution 4.0* juga akan boleh membantu untuk mempercepatkan, membantu mereka untuk menaik taraf ekonomi di sana. Ramai rakyat kita menjadi lebih bijak menggunakan sumber setempat juga untuk menghasilkan produk mereka.

Apabila ada produk, maka lebih mudah dan lancar untuk MoTAC dan agensi di bawah kita untuk *pick up*, dengan izin, dan juga menjual ataupun mempromosi produk dan secara tidak langsung boleh membawa, dengan izin, *spillover effect* yang positif kepada pembangunan ekonomi dan pelancongan yang merangkumi industri hulu dan hiliran.

#### ■1050

MOTAC melalui *Tourism Malaysia* sentiasa menyokong dan membantu dalam mempromosikan Gunung Jerai dan aktiviti pelancongan di sekitarnya. Sebagai contoh, membantu dalam penganjuran program atau acara-acara sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa seperti mana yang telah dilakukan sebelum ini penganjuran acara larian *Estate Run* yang bertaraf antarabangsa diadakan pada tahun lalu dan telah menarik penyertaan lebih 800 orang peserta dari dalam dan luar negara.

Jadi, kalau Yang Berhormat hendak kita bantu, sila buat cadangan, bagaimana kita boleh mengadakan program bersama secara kolaborasi dengan kerajaan negeri. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar Yang Berhormat Menteri telah menyebut beberapa kali tentang *homestay*.

Saya ingin mendapat satu maklum balas, apakah usaha perancangan untuk draf satu polisi *homestay* ataupun *short-term residential accommodation* (STRA) yang telah diusahakan oleh MoTAC sebelum ini? Bukan sahaja di Gunung Jerai tetapi juga Utara Malaysia dan seluruh Malaysia. Usaha untuk draf garis panduan untuk *regulate Airbnb* ataupun *short stay* yang telah diusahakan sebelum ini tetapi belum lagi siap garis panduan itu. Apakah *progress*?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *homestay* itu memang sudah diiktiraf. Kita sudah ada dasarnya, ada polisinya. Cuma, mungkin kita akan membawa perkembangan lanjut mengenai Dasar Homestay ini kerana *homestay* mengikut keadaan yang terkini, mungkin ia perlu diubahsuai, ada pindaan tertentu. *Insyallah*, mungkin. Sebab saya baru sahaja membawa perkara ini kepada pihak pengurusan supaya kita *brainstorm* lagi, dengan izin. Akan tetapi untuk *homestay*, memang sudah diwujudkan dasarnya.

Cuma, daripada segi *Airbnb* itu, Yang Berhormat, sebenarnya ia bukan di bawah kita. Ia di bawah- semua ini termasuk hotel pun adalah di bawah bidang kuasa KPKT. Jadi, bukan untuk kita menganjurkan dasarnya, Yang Berhormat. Kalau adapun, mungkin pihak KPKT boleh berbincang bersama dengan penggiat industri kalau mereka mahu meneruskan aktiviti-aktiviti *Airbnb* ini, Yang Berhormat. Jadi, sekali lagi saya hendak ulangan di sini, *Airbnb* itu bukan di bawah kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Libaran tadi...

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi mengenai Gunung Jerai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat Libaran minta dahulu.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Tadi ini fasal *homestay*. Kalau boleh saya hendak bertanya soalan mengenai Gunung Jerai. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas ya.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab soalan asalnya mengenai Gunung Jerai, jadi saya dari Kedah hendak tanya juga dua perkara. Satu ialah *Jerai Geopark*. Ketika ini pengiktirafan *geopark* di Jerai ini adalah di peringkat kebangsaan. Setahu saya, kerajaan memang berhasrat untuk memohon pengiktirafan *geopark* di peringkat antarabangsa dengan UNESCO. Jadi, setakat manakah tindakan itu?

Keduanya mengenai Lembah Bujang. Yang Berhormat Menteri menyebut mengenai Kedah Tua sebentar tadi. Projek untuk menyediakan satu kemudahan awam untuk tujuan menerima pelancong di kawasan Lembah Bujang itu sebenarnya diusahakan oleh Kementerian MoTAC. Jadi saya ingin tahu, apakah perkembangan terkini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya mengenai *geopark* itu, kalau saya tidak silap, Yang Berhormat, daripada segi sudut UNESCO itu ia masih- kita masih juga menunggu. Kita sudah kemukakan dari segi- sebab tadi saya pun cuba hendak mencari isu-isu mengenai Gunung Jerai ini, Yang Berhormat, *geopark* tadi. Sebenarnya kita telah membincangkan perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, saya mengharapkan pihak kerajaan negeri juga membincangkan perkara ini selanjutnya. Sebab, ia perlu dibincangkan bersama dengan pihak kerajaan negeri. Kami telah mengemukakannya kepada, kalau tidak silap saya, kepada pihak Warisan. Untuk UNESCO ini, Yang Berhormat, kalau tidak silap, kita masih lagi menunggu keputusan seterusnya.

Jadi, untuk jawapan secara spesifik, Yang Berhormat, saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Untuk Lembah Bujang juga. Sama, Yang Berhormat, sebab ini saya tidak mendapat jawapan daripada segi Lembah Bujang dan juga secara spesifik... [*Menerima nota daripada pegawai kemeterian*] Okey, terima kasih. Ada juga yang memberi saya ini.

Pertama, iaitu Sungai Batu, kumpulan arkeologi, Yang Berhormat- tetapi saya rasa untuk maklumat selanjutnya, baik saya beri secara bertulis supaya ia lebih tepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Apa yang saya dapat di sini ialah Lembah Bujang ini masih dalam proses reka bentuk akhir oleh JKR. Itu yang saya dapat baru terkini ya, Yang Berhormat. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandram [Kuala Langat]** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam proses konservasi biodiversiti pokok-pokok hutan asli daripada ancaman kepupusan serta nyatakan jumlah liputan hutan simpan kekal di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Tuan Ali anak Biju]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah melaksanakan langkah-langkah dalam memulihara dan memelihara kawasan hutan melalui program-program berikut.

Majlis Perhutanan Negara ke-20 pada 26 September 2016 telah memutuskan supaya 32 spesies pokok buah-buahan hutan berkepentingan kepada fauna dalam kawasan hutan simpanan kekal tidak boleh ditebang semasa aktiviti pengusaha hasilan hutan. Di samping itu, Majlis Biodiversiti Negara Kedua pada 4 Jun 2015 telah membuat keputusan yang sama di mana kerajaan negeri bersetuju untuk memelihara dan memulihara 32 spesies pokok buah-buahan tersebut dalam kawasan hutan kerajaan yang hendak diusaha-hasilkan.

Kedua, melaksanakan usaha bagi menyelamatkan spesies-spesies hutan daripada ancaman kepupusan dengan menubuhkan Bank Germplasma Negara di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Ketiga, menjadikan kawasan FRIM sebagai habitat kepada 66 daripada 92 spesies dipterokarpa- *dipterocarpaceae* yang terancam. Senarai 92 spesies dipterokarpa terancam ini telah didokumentasikan dalam buku terbitan FRIM tahun 2010 iaitu *Malaysia Plant Red List* yang menyenaraikan semua spesies flora yang terancam.

Kemudian, melaksanakan pemeliharaan dan pemuliharaan spesies dipterokarpa yang terancam atau *critically endangered species* yang berada dalam hutan simpanan kekal dan tersenarai dalam *International Unions for Conservation of Nature Red List of Threatened Species* secara *in-situ* dan *ex-situ*.

Kaedah *in-situ* yang dilaksanakan melalui penubuhan hutan mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi- *high conservation value forest*. Pelaksanaan konservasi secara *ex-situ* juga dijalankan dengan penubuhan *arboretum species* pokok hutan yang terpilih terutamanya spesies dipterokarpa terancam bagi mengelakkan kepupusan spesies tersebut. Sehingga kini, 12 peta arboretum pelbagai spesies telah ditubuhkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu dengan keluasan keseluruhan 666 hektar.

Bagi spesies dipterokarpa sangat terancam yang berada di luar hutan simpanan kekal, Majlis Biodiversiti Negara ketiga pada 9 Ogos 2016 telah memutuskan supaya kerajaan-kerajaan di negeri Semenanjung Malaysia memelihara dan memulihara 10 spesies dipterokarpa yang dikategorikan sangat terancam dalam hutan tanah kerajaan dengan mewartakan hutan tersebut sebagai mana-mana satu yang berikut:

- (i) Tapak Perlindungan berdasarkan Perintah Pemeliharaan Pokok di bawah seksyen 35A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];
- (ii) Tapak Warisan di bawah seksyen 24 Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]; atau
- (iii) Hutan Simpanan Kekal di bawah seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

Menubuhkan hutan mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi atau *high conservation value forest* bagi spesies *Shorea kuantanensis* atau damar hitam di Kompartmen 47, Hutan Simpan Pelagat, Terengganu.

#### ■1100

Spesies ini telah dilaporkan telah pupus dalam *Research Pamphlet, No. 129 Malaysia Plant Red List: Peninsular Malaysian Dipterocarpaceae*, dan ditemui semula pada tahun 2014.



Pelaksanaan *Central Forest Spine* yang bertujuan untuk membentuk satu rangkaian hutan perlindungan yang bersambung melalui pembentukan koridor ekologi bagi kepentingan pemeliharaan, kepelbagaian biologi hidupan liar dan alam sekitar. Projek ini juga melibatkan restorasi dengan pelbagai pokok hutan termasuk pokok nadir khususnya yang berkepentingan kepada fauna, sekali gus ini dapat memperkayakan kepelbagaian ekologi, menyediakan laluan bagi hidupan liar terutamanya di kawasan yang telah dikenal pasti sebagai rangkaian ekologi CFS.

Jawapan ini agak panjang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa yang selebihnya boleh bertulis.

**Tuan Ali anak Biju:** Okey, boleh. Selebihnya saya akan bagi jawapan bertulis ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato'.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya di sini satu-satunya ialah nyatakan jumlah liputan hutan simpanan kekal di seluruh negara. Tidak apalah, *you* jawab saya dengan bertulis, saya terima.

Akan tetapi soalan saya sekarang ini ialah, sampai sekarang negeri Sarawak belum lagi bagi data-data hutan simpanan mereka. Oleh sebab itu, itu kita ada sedikit masalah untuk kita kutip dan dapatkan *figure* yang tetap untuk tahun 2020. Juga Akta Hutan Negara sekarang dan yang lama, kita telah minta untuk kita senaraikan sebagai Akta Hutan Negara dengan liputan ia ada dari Sarawak, Sabah dan Malaysia di dalam satu buku. Itu pun negeri Sarawak tidak setuju. Apakah sebabnya? Kalau boleh Yang Berhormat dari Sarawak boleh buat sesuatu untuk kita dapatkan data ini dan untuk kita ada satu buku ataupun satu rekod yang mana rekod itu untuk Semenanjung, Sarawak dan Sabah di dalam satu buku untuk Akta Hutan Negara. Kalau boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Ali anak Biju:** Okey. Yang pertama tadi mengenai keluasan kawasan hutan negara yang saya belum sempat jawab tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Malaysia masih mengekalkan kira-kira seluas 18.27 juta hektar ataupun sebanyak 55.3 peratus kawasan tanah di bawah liputan hutan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11.67 juta hektar atau 35.3 peratus dikategorikan sebagai hutan simpanan kekal.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk negeri Sabah dan Sarawak, *compilation* ataupun kandungan data-data tersebut kita boleh dapatkan di negeri Sarawak sebab hutan ini adalah di bawah bidang kuasa negeri Sarawak.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa ini bukan sesi perdebatan. Maaf Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Akan tetapi I...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, *I have to correct him.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, maaf.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *I have to correct him.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Kita buat secara bertulis. Ini bukan sesi perdebatan maaf.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *I have to correct him. That's all.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, maaf. Teruskan. Masa pun sudah tidak ada Yang Berhormat. Sudah habis? Okey.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab pada pagi ini. Negara kita dirahmati dengan 54 peratus permukaan bumi kita hijau yang kita bersyukur ke hadrat Allah SWT. Perlembagaan Persekutuan kita juga menggariskan pengurusan sumber asli serta penjagaan dan perlindungan alam sekitar sebagai tanggungjawab bersama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri khususnya melalui mana konservasi dan pengurusan hutan lestari (SFM).

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri- kalau boleh jawab, tidak boleh, bagi bertulis tidak apa. Apakah usaha kementerian dalam terus memelihara kawasan hutan terosot dan sehingga kini adakah ia telah mencapai standard dan sasaran yang ditetapkan oleh kementerian? Ini kerana kawasan saya di Baling, saya ada lebih seluas 3,000 hektar. Secara kebetulan hari ini kita ada bekas Yang Berhormat Menteri iaitu Yang Berhormat Kuala Langat dan bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada Jerlun, semua ada.

Kawasan saya ini yang jadi banjir pada hari ini, ini kawasan hutan kayu balak telah ditebang waktu zaman mereka memerintahlah. Secara kebetulan mungkin— telah ditebang dan arahan dalam kontrak tersebut mesti ditanam semula spesies pokok kayu balak. Akan tetapi mereka telah tanam Musang King. Beribu hektar ini. Jadi, itulah menyebabkan banjir....

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua ini satu dakwaan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Banjir dan juga naik air..

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tuduhan.....

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa bagi peluang Yang Berhormat Baling menanyakan soalan.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Saya minta Yang Berhormat Baling tarik balik dakwaan yang tidak berasas itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Ini satu penipuan dalam Dewan Rakyat.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, selama 22 bulan kita memerintah, Kedah memerintah tidak pernah pun tebang hutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Ali anak Biju:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Selama 22 bulan sudah tidak tebang... *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini sesi jawab lisan. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Kalau ingin memperbetulkan apa-apa fakta, sila buat soalan bertulis. Maka saya rasa mestinya Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab. Silakan.

**Tuan Ali anak Biju:** Memandangkan soalan tersebut terlalu spesifik di sebuah kawasan, saya tidak ada jawapan yang tersedia. Maka, saya akan menjawabnya secara bertulis. Boleh Yang Berhormat Baling?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Ali anak Biju:** Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Boleh, terima kasih.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menyiasat- betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Baling sebelum jawab dengan...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukan tempat Yang Berhormat untuk memerintahkan Timbalan Menteri ya. Yang Berhormat Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi, silakan.

**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri,

*Enak sungguh buah delima;  
Sayang tak tahu siapa yang punya;  
Soalan saya nombor lima;  
Mohon dijawab sejelas-jelasnya.*

**5. Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, secara terperinci mengenai perkembangan projek sekolah daif di Sarawak. Berapakah jumlah sekolah daif sudah dibaik pulih atau dibina menggunakan bajet kontra RM1 bilion yang dipersetujui Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat setakat ini. Nyatakan secara terperinci sekolah terbabit dan kos yang terlibat bagi setiap sekolah berkenaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi, *ta chia zao shang hao, kaalai vanakkam*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 2016 sehingga tahun 2020, sebanyak 291 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di Sarawak telah dinaik taraf dan dibangunkan semula melibatkan peruntukan berjumlah RM1.388 bilion. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 20 Februari 2019, kerajaan telah bersetuju terhadap tawaran dana sebanyak RM1 bilion oleh Kerajaan Negeri Sarawak disalurkan bagi membaik pulih bangunan sekolah daif di Sarawak.

Projek baik pulih ini dilaksanakan mengikut mekanisme khusus yang telah dipersetujui secara bersama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kerajaan Negeri Sarawak. Projek ini dilaksanakan melalui tiga fasa. Fasa 1 melibatkan sejumlah 41 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta. Fasa 2 melibatkan sebanyak 52 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta juga dan Fasa 3- sedang dimuktamadkan senarai dan skop projek oleh KPM bersama Kerajaan Negeri Sarawak melibatkan kos projek sebanyak RM300 juta.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 93 projek daripada Fasa 1 dan Fasa 2 dengan kos sebanyak RM700 juta telah diluluskan melalui peruntukan pembangunan di bawah *Rolling Plan*, dengan izin, tahun 2019 dan tahun 2020. Pelaksanaan projek adalah merangkumi pelbagai skop seperti pembinaan bilik darjah, blok pentadbiran, asrama, rumah guru, kuarters, dewan makan, pusat sumber, bilik sains, tandas dan kemudahan lain.

Bagi Fasa 1, sehingga 5 Ogos 2020, sebanyak 21 projek berada di fasa pembinaan dan 20 projek lagi berada di fasa pra bina. Daripada sejumlah 20 projek ini empat projek telah diiklankan pada 25 Julai 2020 dan akan ditutup tender pada 10 Ogos 2020. Sebanyak 10 projek sedang dalam proses dimuktamadkan. Lantikan di Lembaga Perolehan dan baki enam projek dijangka akan ditender pada penghujung September 2020.

#### ■1110

Bagi pelaksanaan fasa 2, semua projek berada dalam fasa pra bina. Pihak JKR Sarawak sedang dalam pelaksanaan kerja ukur, penyediaan lukisan terperinci, serta penyediaan dokumen tender. Projek ini dijangka akan ditender mulai 22 Ogos 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat empat projek di bawah *Rolling Plan* Keempat, RMKe-11 tahun 2020 di Parlimen Igan dengan kos projek berjumlah RM98.5 juta. Sekolah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) SMK Matu;
- (ii) SK. Kampung Tebaang;
- (iii) SK. Kampung Pergau; dan
- (iv) SK. Bawang Tian.

Keempat-empat projek ini di bawah agensi pelaksana, JKR Sarawak dan berada dalam peringkat pra bina iaitu penyediaan lukisan terperinci dan dokumentasi tender. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, atas jawapan yang diberikan khususnya berita yang amat menggembirakan pembinaan SMK Matu yang amat ditunggu-tunggu oleh rakyat di kawasan saya.

Yang Berhormat Menteri, negeri Sarawak ada sebanyak 1,024 buah sekolah daif yang amat kritikal keadaannya, termasuk sebanyak 14 buah sekolah di kawasan Parlimen saya iaitu Parlimen Igan. Kalau dilihat melalui pendahuluan bayaran kontra RM1 bilion Kerajaan Negeri Sarawak tahun lepas, secara puratanya hanya dapat membina sebanyak 130 buah sekolah sahaja. Ini bermakna sebanyak lebih kurang RM6.8 bilion masih diperlukan untuk menyelesaikan masalah sekolah daif di Sarawak.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat Menteri, saya hendak ingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa pada masa Kerajaan Barisan Nasional, Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk sekolah daif di mana RM500 juta sepatutnya diberi pada tahun 2018 dan RM500 juta lagi diberi pada tahun 2019.

Akan tetapi peruntukan ini telah dibatalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan Perikatan Nasional sekarang ini yang prihatin rakyat akan mengkaji semula atau, dengan izin, *reconsider* untuk memberi semula peruntukan RM1 bilion seperti yang pernah dijanjikan ini demi mempercepatkan pelaksanaan projek sekolah daif di negeri Sarawak? Terima kasih.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Igan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Igan, untuk negeri Sarawak, bagi RMKe-12 telah diunjurkan sebanyak 529 buah sekolah lagi akan dibangunkan atau akan dinaik taraf. Untuk makluman kepada Yang Berhormat Igan, daripada peruntukan yang lalu, daripada fasa pertama yang melibatkan sebanyak 41 buah sekolah dengan kos projek sebanyak RM350 juta, sejumlah 21 buah sekolah berada di peringkat pembinaan telah melantik kontraktor. Dua dalam pembinaan iaitu SK Abang Amin, Maradong, sebanyak 16 peratus berjumlah RM7.5 juta dan SK Abun Matu, Belaga sebanyak RM6 juta sudah dalam enam peratus pembinaan. Sebanyak 20 buah sekolah lagi berada dalam pelbagai peringkat pra bina.

Jadi untuk makluman selanjutnya, untuk RMKe-12, dari tahun 2021 hingga tahun 2025, sebagai mana yang saya nyatakan tadi untuk Sarawak sahaja, pertambahan sebanyak 529 daripada 1,240 sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Daripada unjuran yang telah dibuat dalam RMKe-11, dalam unjuran daripada Kementerian Pendidikan untuk sekolah negeri Sarawak ada sebanyak 616 buah sekolah. Jadi, jika dicampurkan keseluruhannya hampir 1,200 buah sekolah dalam proses unjuran daripada Kementerian Pendidikan untuk dibangunkan.

Jadi, saya hendak berkongsi Tuan Yang di-Pertua sedikit dengan semua Ahli Parlimen bahawa di Kementerian Pendidikan kita ada satu *dashboard*. Kita tahu di setiap tempat Ahli-ahli Parlimen ada mungkin sekolah-sekolah daif. Daripada sebanyak 140 PPD ada 222 Parlimen. Kita yakin ada sekolah-sekolah daif. Jadi yang ini saya hendak kongsi bolehlah sama-sama kita buka *Google*, kita punya URL, projek daif@moe.gov.my. Jadi andai kata ada kesempatan, boleh buka, di situ kita *scroll*, kita tengok. Kalau PPD Sabak Bernam, Parlimen Sungai Besar, apa sekolah daif di situ, memang kita nyatakan.

Di Sarawak dan di Sabah kita boleh tengok, tengoklah daripada kita punya URL, saya sebut saya ulang Projek daif@moe.gov.my. Kita boleh tengok sama-sama sambil kita duduk, apa sekolah daif yang berada di kawasan Parlimen kita, sama ada sudah siap ataupun sedang dibina ataupun belum bermula ataupun dalam perancangan. Semuanya dalam *dashboard* Kementerian Pendidikan Malaysia yang boleh diakses oleh rakyat ataupun *public*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah ada satu projek bernilai RM1.25 bilion. Projek ini ialah untuk membekal dan memasang *solar energy panel* kepada sebanyak 369 buah sekolah luar bandar di pendalaman Sarawak.

Saya tidak mahu sebut fasal kes yang sedang berlaku di mahkamah. Saya hendak *zoom in* terus, apa jadi kepada sebanyak 369 projek pemasangan *solar energy panel* di kawasan pedalaman Sarawak ini yang bajet yang diperuntukkan adalah sejumlah RM1.25 bilion? Apakah statusnya sekarang? Sekolah ini dapat atau tidak? Kalau dapat, berapa yang dapat? Berapa lagi yang belum?

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih, kepada Yang Berhormat. Berkaitan dengan projek solar di Sarawak, saya mohon saya tidak ada dapatan di sini, saya mohon daripada segi pengkhususan secara spesifik, kita akan bagi jawapan secara bertulis supaya lebih jelas dan lebih tepat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Soalan tambahan sekolah daif.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kulai, wanita pula.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Ringkas kah?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ringkas sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya jumlah sekolah daif di Sarawak kerana yang disebut tadi sebanyak 1,020 buah sekolah. Akan tetapi kalau ikut skala, skala tujuh ialah sebanyak 56, skala enam sebanyak 569 iaitu jumlahnya sebanyak 625 buah sekolah yang berskala enam dan tujuh di bawah definisi sekolah daif.

Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jumlah sekolah daif di Sarawak, dan sama ada tahun ini negeri Sarawak akan dapat bajet tambahan untuk memperbaiki lebih banyak sekolah daif di negeri mereka. Terima kasih.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai. Okey, berkaitan dengan sekolah daif di Sarawak, skala tujuh skala enam. Skala tujuh ini sebenarnya ditentukan oleh peringkat JKR. Skala enam ditentukan di peringkat JPN ataupun PPD. Daripada sekolah-sekolah daif yang telah diunjurkan oleh pihak kementerian, tahun untuk RMKe-12 sebanyak 529 buah sekolah daif ini akan dilaksanakan antara tahun 2021 hingga 2025.

Sebelum itu, dalam lingkungan sebanyak 773 buah sekolah memang terdapat sekolah-sekolah daif yang sedang dilaksanakan. Ini termasuk daripada peruntukan secara memorandum persefahaman antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan Kementerian Pendidikan sebanyak RM1 bilion dan yang selebihnya sebanyak RM3,880,388 juta daripada Kementerian Pendidikan memang sedang dalam proses pelaksanaan sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta Menteri Kewangan menyatakan:**

- (a) jumlah nilai wang kertas bank atau nota bank- *bank notes*, telah dikeluarkan dan diedarkan oleh Bank Negara atau dalam rekod Bank Negara setakat akhir tahun 2019; dan
- (b) jumlah nilai wang kertas atau nota bank dalam pasaran atau terapung di pasaran dan dalam simpanan di negara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labis.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2019, jumlah nilai wang kertas yang telah dikeluarkan dan diedarkan oleh Bank Negara Malaysia adalah sebanyak RM120.7 bilion berbanding dengan RM113.2 bilion yang telah didepositkan oleh institusi kewangan dalam masa yang sama.

Pada akhir tahun 2019 Yang Berhormat jumlah mata wang dalam edaran adalah sebanyak RM114.1 bilion yang terdiri daripada wang kertas bernilai RM110.5 bilion, duit syiling bernilai RM3.5 bilion dan duit peringatan yang bernilai RM82.6 juta.

#### ■1120

Peningkatan penggunaan mata wang dalam edaran adalah seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Namun sejak tahun 2015 Tuan Yang di-Pertua, kadar peningkatannya semakin perlahan disebabkan penerimaan dan penggunaan e-Pembayaran, *e-Payment*, dengan izin, yang progresif. Walau bagaimanapun, pertumbuhan mata wang dalam edaran kembali meningkat pada separuh tahun 2019.

Walaupun mata wang masih digunakan secara meluas, Malaysia bukanlah antara negara dengan penggunaan mata wang yang tinggi di dunia seperti yang diukur berdasarkan nisbah mata wang dalam edaran, *currency in circulation*, dengan izin, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada nisbah 6.6 peratus, penggunaan mata wang di Malaysia adalah kurang intensif berbanding dengan beberapa buah negara maju seperti Jepun 21.1 peratus, Switzerland 12.4 peratus dan Singapura 10 peratus.

Walau bagaimanapun, beberapa buah negara lain seperti Korea Selatan 6.1 peratus dan *United Kingdom* 3.4 peratus dengan Sweden pada kadar 1.3 peratus mempunyai nisbah yang lebih rendah daripada negara kita Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Labis.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa sejumlah nilai wang besar wang kertas telah disimpan dengan sengaja oleh pihak tertentu. Jadi pada saya, apakah impak negatif kepada ekonomi negara kita ketika ini?

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan wang kertas baharu untuk menggantikan wang kertas yang lama itu? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Labis. Berkaitan impak bagaimana ada dakwaan Yang Berhormat Labis tadi ada simpanan wang tertentu tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita mempunyai nilai-nilai tertentu hanya untuk disimpan di Bank Negara Malaysia, kita mempunyai- Sekiranya institusi kewangan *financial institution*, dengan izin, mempunyai lebih pada setiap hari, itu sahaja wang yang akan didepositkan ke dalam Bank Negara. Akan tetapi dakwaan Yang Berhormat nanti saya akan kaji dan siasat dan saya akan beri jawapan secara bertulis.

Kedua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labis dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kos untuk kita *reprint*, dengan izin, mencetak semula wang-wang kertas ini cukup tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, anggaran yang mungkin saya boleh maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk setahun lebih kurang RM250 juta ke RM340 juta kos untuk kita mencetak semula wang-wang yang lusuh.

Namun demikian Ahli Yang Berhormat, kita sentiasa memikirkan tentang penggunaan kos yang optimum dalam kita memastikan wang yang kita gunakan untuk edaran wang yang selamat. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri, belum Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya satu soalan kadar penting. Sedar atau tidak Yang Berhormat, saya teliti jawapan daripada Kementerian Kewangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang lambakan atau pengedaran wang kertas di seluruh negara.

Akan tetapi Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat, tengok tidak pemantauan tentang bekalan kita, bekalan wang kertas ini di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar yang selalunya kita kekurangan bekalan Tuan Yang di-Pertua terutamanya ketika waktu-waktu perayaan besar.

Apabila kita tanya kepada bank, kenapa tidak boleh *supply* wang kertas dia kata tidak ada bekalan daripada Kementerian Kewangan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kemudian yang kedua Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas, nasib baik soalan ini timbul. Oleh sebab itu saya bangun lebih awal untuk cop soalan tambahan ini Tuan Yang di-Pertua. Minggu lepas hari Ahad saya pergi pasar malam. Apabila pergi pasar malam saya dapat lebih atau wang pulangan duit *note* RM50. Duit ini wang palsu kerana saya hendak guna balik kepada premis yang lain tidak boleh kerana wang palsu.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua pengedaran wang palsu di dalam negara semakin berleluasa. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak perkara ini? Kementerian atau kerajaan masih boleh pantau atau tidak dan kita tidak dengar sebarang tangkapan kepada pengedaran wang palsu sampai hari ini.

Adakah langkah-langkah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengekang pengedaran wang palsu dan apakah tindakan kepada *culprit* yang mengedar wang palsu yang merosakkan *national security* tentang kewangan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Ahli Parlimen Jelevu yang dahsyat. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, terdapat dua persoalan pokok. Pertama yang melibatkan pengedaran wang palsu dan yang kedua, ketidakcukupan wang di premis-premis *ATM machine* dan juga di bank-bank kecil terutamanya yang berada di pedalaman.

Izinkan saya Yang Berhormat untuk pergi kepada perkara yang pertama iaitu mata wang palsu dahulu. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada satu kadar untuk menentukan wang palsu ini yang kita lihat secara PPM, *pieces per million*. Untuk makluman Yang Berhormat, di negara kita ini betul saya akui ada kes-kes terpencil seperti mana Yang Berhormat alami tetapi melalui Bank Negara, pemalsuan mata wang di negara kita ini Tuan Yang di-Pertua agak rendah iaitu satu kepada satu juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2016 hanya nisbah PPM 1.4 dan pada tahun 2019, 1.2 sahaja. Sehingga separuh tahun 2020, kadar pemalsuan 1.0 kepada satu juta. Untuk makluman Yang Berhormat, kita sudah pasti meletakkan mata wang negara ini mempunyai nilai ciri-ciri keselamatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita ada 10 ke 15 ciri-ciri keselamatan yang kita wujudkan dalam wang ringgit kita dan *insya-Allah* Yang Berhormat sekiranya perkara-perkara Yang Berhormat bangkitkan nanti sila kemukakan kepada saya dan saya akan minta Bank Negara Malaysia untuk menyiasat dan wang RM50 Yang Berhormat ada sila bagi kepada kita dan kita akan tukar kepada wang ringgit yang benar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dalam banyak-banyak, dia yang kena ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Diamlah. Ganti dua kali- ganda Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Kedua Ahli Yang Berhormat, berkaitan ketidakcukupan wang. Ini perkara yang sentiasa berlaku dan ....

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah, saya tanya. Sekejap, sekejap tolong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan dahulu. Saya bagi soalan tambahan tiga. Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Seorang Ahli:** ...Menyamun kah?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Bukan menyamun, menyambung. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Jelevu tadi adalah berkaitan ketidakcukupan atau kekurangan wang. Kita akui Tuan Yang di-Pertua memang ada di sesetengah pihak kita ada masalah kekurangan wang. Akan tetapi Bank Negara Malaysia sentiasa mengekalkan inventori.

Saya yakin ada perkara-perkara yang terpencil ini yang sedang kita menambah baik dan untuk makluman Yang Berhormat, kita ada had transaksi simpanan pada setiap bank dan kita yakin, kalau kita dapat memberi maklumat yang tepat ke Bank Negara kita akan melakukan penambahbaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Kuala Langat, soalan ya, soalan.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Saya hendak tahu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata minta Yang Berhormat Jelevu untuk bagi balik kalau RM50 palsu itu dia akan tukar. Adakah itu satu kenyataan yang betul ataupun Bank Negara terima kah untuk tukar semua wang yang palsu? Kalau itu betul, *you better correct your statement just now. Thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak kata secara Bank Negara ataupun secara peribadi. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi satu perkara yang saya beritahu secara personal saya. Saya kira... [*Dewan riuh*]

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Mana ada personel punya *view* di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul dia tidak cakap tadi. Kita kena adil. Dia tidak cakap tadi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Saya tidak sebut pun. Itu sebab saya rasa Ahli Yang Berhormat Kuala Langat dia ingin bertanya berkaitan prosedur Bank Negara. Apabila saya beritahu sudah pastinya saya bertanggungjawab apa yang saya sebut Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat Kuala Langat pun bertanggungjawab apa yang disebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Pengundi Jelebu marah dekat Yang Berhormat Jelebu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Padang Terap untuk soalan yang seterusnya.

**7. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, apakah mekanisme dan langkah konstruktif yang dirangka bagi meningkatkan sekuriti makanan dalam negara agar sentiasa bersedia bagi menghadapi kejutan krisis seperti wabak pandemik, peperangan dan kemarau di samping mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan agar negara berupaya mencapai tahap kemandirian bekalan makanan.

#### ■1130

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya wabak pandemik COVID-19 satu pengajaran yang terbaik untuk kita terus membuat persediaan terawal untuk menghadapi apa juga kemungkinan. Kita bersyukur semasa wabak ini berlaku bekalan makanan negara berada pada tahap yang stabil dan juga terkawal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan stok beras kita di peringkat kilang, borong dan runcit di seluruh negara masih berada pada tahap yang konsisten dan puratanya sebanyak 400 ribu metrik tan ke 500 ribu metrik tan pada setiap bulan berbanding dengan keperluan bulanan kita sebanyak 200 ribu tan metrik. Manakala bekalan daging, ayam, telur, telur ayam, susu segar, bekalan daging lembu dan juga kerbau yang kebanyakannya dihasilkan secara tempatan dan juga import dari luar negara adalah mencukupi untuk keperluan semasa.

Mekanisme dan juga langkah konstruktif yang telah dirangka oleh MAFI bagi meningkatkan sekuriti makanan dalam negara supaya sentiasa berada dan bersedia apabila menghadapi krisis seperti pandemik dan bencana-bencana adalah seperti berikut. Pertama, merencanakan aktiviti pengeluaran makanan dan meningkatkan produktiviti dengan pemberian subsidi, insentif input dan penyediaan khidmat nasihat teknikal.

Kedua, untuk meningkatkan keberkesanan pengeluaran dengan menambah baik infrastruktur dan kemudahan seperti jalan dan juga fasiliti ladang. Terutamanya kita berikan perhatian kepada bidang pengairan dan juga saluran kawasan sawah padi serta kompleks dan juga jeti pendaratan ikan.

Ketiga, meningkatkan kecekapan rantai bekalan dan juga logistik melalui kemudahan pusat pengumpulan, penyimpan, pemprosesan dan pengedaran dan memperluaskan akses pemasaran. Seterusnya, kita mahu melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing.

Seterusnya, kita mahu meremajakan sektor pertanian dengan menggalakkan penyertaan golongan muda melalui Program Agropreneur Muda dan juga Geran In-kind dan juga skim pembiayaan serta latihan teknikal yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Laporan Buletin Suku Tahunan Ketiga 2019, Bank Negara Malaysia, Malaysia kekal sebagai pengimport makanan dengan kadar 24 peratus dan pada tahun 2018 import makanan negara bernilai RM54 bilion.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kita mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang ataupun apa-apa jugalah yang berkaitan dengan bagaimana hendak memperkukuhkan stok bekalan makanan negara? Saya tahu ada kolaborasi dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan juga agensi di kementerian-kementerian yang lain. Akan tetapi adakah agensi ini buat program ataupun buat program itu ia *success*, dipanggil *success story* terhadap program dia buat. Dia boleh tunjuk jumlah laporan program dia buat.

Akan tetapi yang kita hendak sekarang membantu sektor swasta bagi membolehkan peningkatan kepada stok bekalan makanan negara. Soalannya, adalah bagaimana kolaborasi antara agensi-agensi kerajaan dan juga swasta untuk jangka pendek dan jangka panjang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bertanyakan tentang inisiatif dan kolaborasi di antara agensi-agensi yang lain. Inisiatif jangka pendek kita untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada simpanan yang kita ada melalui pemborong dan juga pembekal, kita juga ada mempunyai *iron stockpile* yang berjumlah sebanyak 150 ribu metrik tan yang kita simpan di beberapa buah lokasi, mengikut zon masing-masing. Zon utara, zon selatan, zon tengah, zon timur, zon Sabah dan zon Sarawak, ini untuk beras sahaja. Bagi memastikan supaya kita berada dalam keadaan yang siap siaga dalam apa juga kemungkinan.

Seterusnya, kita ada mempunyai kerjasama serantau di antara negara-negara ASEAN Plus Three. Negara ASEAN dan negara China, Korea dan juga Jepun kerana dalam apa juga kemungkinan yang berlaku di negara-negara yang dalam ASEAN ini mereka akan datang membantu. Kita pernah membantu negara Philippines suatu ketika dahulu. Seterusnya kita sentiasa memeriksa dan memastikan supaya jelapang-jelapang padi yang membekalkan makanan kita dan kawasan-kawasan yang bukan jelapang supaya berada dalam keadaan yang terbaik dan memastikan kita dapat membuat penambahbaikan apa juga keperluan mereka.

Jadi inisiatif jangka panjang pula, kita hendak meningkatkan produktiviti padi melalui penggunaan benih padi yang berkualiti, itu yang pertama. Keduanya, kita melaksanakan *soil profiling*. Ini fasal makanan ruji kita padi sebab itu kita berikan keutamaan dan pendekatan sawah yang berskala besar, kita hendak membuka sawah-sawah baru dan pastikan pengairan yang terbaik dan penggunaan sistem dan juga teknologi moden.

Tentang kolaborasi kita dengan kementerian-kementerian untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang bertarikh, bermula pada 25 Mac yang lalu. Untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bukan sahaja keselamatan makanan dan kita hendak ambil kira semua sekali elemen-elemen, yang pertamanya elemen ketersediaan kita untuk membekalkan makanan.

Kedua, tentang kemampuan ataupun *affordability*. Ketiga, *utilization* terutamanya tentang keselamatan dan juga nutrisi makanan dan keempatnya tentang kelestarian rantaian untuk membekalkan makanan dan kemampuan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Pulai silakan.

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada MAFI, dulu MOA- tukar kepada MAFI. Tadi jawapan yang diberikan *iron stockpile* kita 155 ribu metrik tan. Kita faham bahawa ketika COVID menyerang dunia ataupun negara kita, kita bernasib baik kerana *iron stockpile* ataupun stok beras itu telah ada.

Saya ingin berkongsi kebimbangan Yang Berhormat mengenai isu sekuriti makanan. Semasa COVID itu kita telah mendengar berita bahawa Vietnam telah membuat arahan demikian juga Thailand untuk tidak mengekspor beras mereka. Jadi sekiranya mengunjurkan COVID ini berlaku lagi contohnya, tidak salah kita mengunjurkan. Maka berapa lama ketahanan *iron stockpile* kita itu? Kalau *in case* bulan Disember akan datang Vietnam dan Thailand menghentikan eksport sebab kita bergantung SSL kita masih 30 peratus beras import.

Jadi apakah MAFI telah bersedia dengan keadaan itu dan kalau itu berlaku berapa bulan ketahanan *iron stockpile* kita? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pulau. Satu pertanyaan yang dikira terbaik sekalilah bagi memastikan supaya kita sentiasa berada dalam keadaan yang bersiap siaga bagi memastikan supaya bekalan makanan kita sentiasa terbaik. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika tahun 2019, SSL kita untuk padi hanyalah sebanyak 69 dan kita menjangka pada tahun 2020 ini SSL kita akan sampai kepada 72 peratus. Sasaran kita untuk lima tahun akan datang sebanyak 75 peratus.

■1140

Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang berlaku sebelum ini sebenarnya untuk sementara waktu ketika COVID-19. Bahkan Vietnam sebenarnya selepas itu terus membekalkan kita makanan ataupun terus membekalkan kita padi. Ini kerana, seperti yang saya sebut awal tadi, kita sebenarnya mempunyai satu kerjasama serantau di antara negara *ASEAN Plus Three*. Kerjasama ini sebenarnya yang mengikat kita. Kita pernah membantu lain-lain negara dan kalau sekiranya kita menghadapi apa juga masalah- untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya sebut awal tadi, kita mempunyai simpanan 400 ribu, ke-500 ribu metrik tan yang disimpan oleh pembekal-pembekal dan juga ejen-ejen kita dalam seluruh negara. Jadi, kita sekurang-kurangnya dalam masa dua bulan setengah, itu bekalan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Mohon satu soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Muar. Ya, ringkas sahaja.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Mohon jasa baik. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sambil kita bicarakan soal *food security*, penting juga untuk kita bicarakan soal untuk memerangi orang tengah. Persoalan saya, adakah inisiatif-inisiatif baharu oleh pihak kementerian untuk memerangi orang tengah yang mengaut keuntungan luar biasa sampai kepada satu tahap kos makanan asas itu meningkat bagi *consumer* dan juga membunuh syarikat-syarikat kecil ataupun, dengan izin, *small farmers*?

Saya ingin mencadangkan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk lihat jalan baharu iaitu penggunaan *e-commerce*. Kalau kita lihat, *OURFARM* yang telah pun ditubuhkan oleh dua orang anak muda yang sebelum ini- anak muda yang berada dalam Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), *two of the youngsters members of MTEM* telah pun menubuhkan *OURFARM* yang dengan niat *could disrupt the food industry market, business-to-business and business-to-consumers*, dengan izin.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh lihat platform ini yang digerakkan oleh dua orang anak muda yang berwawasan supaya akhirnya kita dapat memerangi orang tengah untuk menurunkan harga makanan mentah dan pada masa yang sama untuk memastikan bahawa *small farmers* itu dapat *profit* yang terbaik.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Muar. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya MAFI telah memperkenalkan sejak tahun 2016 *e-commerce* iaitu jualan secara digital. Bukan sahaja kita mendidik petani-petani kita, bahkan kita mahu kalau boleh meremajakan sektor pertanian.

Jadi, apa yang Yang Berhormat Muar sebut tadi telah diambil kira dan telah kita buktikan semasa PKP. Bukan sahaja jualan kita meningkat melalui sistem digital, bahkan sudah terbukti sekarang telah menjadi satu daripada norma hidup baharu sekarang. Kita mahu kalau boleh bukan sahaja kita meremajakan sektor pertanian dengan teknologi-teknologi terkini bahkan kita mahu menarik golongan muda untuk bersama-sama untuk terlibat dalam sektor pertanian yang boleh memberikan bukan sahaja pendapatan yang lumayan bahkan menjanjikan masa depan yang lebih cemerlang lagi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. **Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, sama ada kementerian menyalurkan bantuan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang banyak menyertai dalam perkhidmatan urutan dan refleksologi di mana mereka kehilangan sumber pendapatan kerana tidak dibenarkan beroperasi sepanjang pandemik COVID-19 ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau atas kepekaan terhadap golongan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan golongan OKU dalam perkhidmatan urutan dan refleksologi bersedia sepenuhnya untuk memulakan perniagaan masing-masing dalam bidang perkhidmatan urutan dan refleksologi dengan kadar segera, JKM telah membantu pihak NCBM iaitu badan gabungan pertubuhan bukan NGO OKU penglihatan untuk menyediakan draf prosedur SOP pembukaan perkhidmatanurut dan refleksologi kendalian juruurut kurang upaya penglihatan dalam fasa PKP.

Walaupun kementerian tidak menyediakan bantuan yang khusus kepada golongan OKU penglihatan yang bekerja, kementerian telah menyediakan Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM400 sebulan di mana golongan OKU penglihatan yang terlibat dengan perkhidmatanurut dan refleksologi ini dan mempunyai pendapatan di bawah RM1,200 layak dipertimbangkan untuk mendapat elaun EPC ini.

Begitu juga selain daripada Bantuan Bakul Makanan yang disediakan, kerajaan telah memperkenalkan insentif khusus berbentuk bantuan khas melalui Pelan Penjana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang turut memberikan fokus kepada OKU di mana sebanyak RM300 diberikan kepada penerima bantuan di bawah skim bantuan kewangan bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar ataupun pesakit kronik terlantar.

Bantuan ini memberi manfaat kepada seramai 190,00 orang OKU. Sehingga 5 Ogos 2020, bagi fasa satu, seramai 185,770 orang ataupun 97 peratus telah menerima bantuan khas ini dengan jumlah peruntukan yang disalurkan sebanyak RM55.7 juta.

JKM kini sedang memproses bagi pembayaran fasa dua kepada seramai 4,230 orang penerima baharu bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2020 dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta. Bayaran akan diterima selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2020.

Kerajaan juga telah memperkenalkan insentif Penjana Kerjaya *Hire Malaysia* di bawah kategori insentif pengambilan pekerja yang mengajikan pencari kerja tempatan di kalangan golongan mudah terjejas termasuk OKU dan peserta Program *Return to Work PERKESO*. Melalui insentif ini, bayaran RM1,000 dibayar kepada majikan sekiranya mereka mengambil OKU bekerja dan menepati syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Pada bulan Jun 2019, mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, menyatakan bahawa terdapat seramai 550,000 OKU yang berdaftar dengan jabatan dan kebanyakan mereka ini datang daripada golongan B40. Jumlah 550 ribu ini bersamaan dengan dua peratus daripada jumlah rakyat Malaysia.

Jadi, pertanyaan saya, kalau disebutkan tadi berjuta-juta dan saya difahamkan sebanyak RM25 juta diperuntukkan oleh kerajaan untuk membantu golongan OKU ini, berapa ramaikah daripada 550 ribu orang ini mendapat manfaat khusus daripada RM25 juta insentif yang telah pun dikeluarkan oleh kerajaan?

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau atas soalan tambahan.

Sebenarnya negara kita sepatutnya, dalam kajian, mempunyai 15 peratus penduduk OKU. Akan tetapi setakat ini, yang berdaftar dengan JKM hanya 567,435 orang. Setakat ini di bawah bantuan khas penerima bantuan OKU dan perbelanjaan di mana di fasa satu, didapati seramai 87,910 orang iaitu yang mendapat manfaat di bawah Elaun Pekerja Cacat ini telah menerima bantuan PENJANA ini. Melalui bantuan ini juga untuk golongan OKU tidak bekerja, seramai 75,722 orang telah mendapat manfaat. Dan bantuan kepada OKU terlantar ataupun pesakit kronik memberi manfaat kepada seramai 26,368 orang.

Jumlah kesemuanya seramai 190 ribu orang yang mana daripada fasa satu ini, kita dapat lihat bagaimana kita telah membayar kepada mereka ini seramai 185,770 dan baki RM1.29 juta ini akan dibayar pada 31 Ogos 2020 selewat-lewatnya, *insya-Allah*.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan golongan kurang upaya atau OKU ini turut menikmati manfaat daripada PRIHATIN, saya hendak tanya, berapa ramai, dalam bantuan ini yang dimanfaatkan oleh golongan OKU?

Selain daripada itu, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan pakej bantuan yang lebih menyeluruh dan fokus buat golongan OKU? Ini memandangkan mereka berdepan kesukaran hidup yang lebih mencabar berbanding dengan kita.

#### ■1150

Umpamanya ketika pasca COVID-19, kerajaan dapat memberi bantuan yang mesra OKU kepada golongan OKU yang terkesan dengan kehidupan seharian atas komitmen perbelanjaan, pemakanan dan kesihatan mereka. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Libaran. Di bawah Kementerian, kita sentiasa prihatin atas keperluan dan kita memahami tekanan hidup terutama yang dialami oleh golongan OKU. Oleh sebab itulah, dalam bantuan PENJANA ini kita telah memberi bantuan sasaran kita kepada seramai 190 ribu orang iaitu sebanyak 33.5 peratus daripada jumlah keseluruhan OKU yang berdaftar di bawah JKM.

*Alhamdulillah*, setakat ini, daripada peruntukan yang sedia ada di bawah Kementerian, kita telah menyediakan pelbagai elaun dan peruntukan untuk membantu-terutama elaun pekerja cacat, elaun OKU yang tidak bekerja termasuk juga bantuan penjagaan OKU yang terlantar dan pesakit kronik yang terlantar. Jadi, dengan pelbagai bantuan dan insentif yang telah disediakan di bawah JKM ini, kita mengharapkan *insya-Allah* dapat meringankan beban OKU terutama keluarga-keluarga yang berdepan dengan memelihara anak-anak OKU. Semoga ia dapat meringankan beban mereka, *insya-Allah*.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Saya cuma ingin bertanya secara ringkas. Pada Disember 2019, Majlis Tindakan OKU Selangor telah menyampaikan enam buah resolusi teras kepada KPWKM bagi melindungi kebajikan golongan OKU ini. Soalan saya, sejauh manakah komitmen KPWKM untuk melaksanakan undang-undang yang telah diketengahkan oleh MTOS ini? Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Kementerian sentiasa meneliti di atas pelbagai cadangan, terutama berkaitan dengan penambahbaikan untuk memastikan golongan sasar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus dijaga dan terpelihara. Setakat ini, kita sedang meneliti beberapa rang undang-undang yang berkaitan dan *insya-Allah* akan dikemukakan di masa akan datang, *insya-Allah* untuk kelulusan.

**9. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, status rancangan pembinaan Kolej Komuniti Bachok yang telah dirasmikan pada tahun 2018.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Bachok yang sentiasa prihatin berkenaan dengan isu-isu pembangunan modal insan yang berhubung kait rapat dengan pembangunan setempat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua *human resource development in relation to local development*.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sesebuah universiti awam, politeknik atau kolej komuniti mengambil kira pelbagai aspek seperti pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah serta keperluan guna tenaga. Dalam konteks negeri Kelantan, telah wujud empat buah universiti awam, dua buah politeknik dan lima buah kolej komuniti.

Kesemua institusi ini telah menawarkan program-program akademik yang berdaya saing dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, kejuruteraan, teknologi, perdagangan, perkhidmatan, pendidikan dan sebagainya.

Program-program yang ditawarkan ini dapat menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi setempat dan negara.

Mengenai status pembinaan Kolej Komuniti Bachok, ia telah dibatalkan oleh kerajaan terdahulu melalui surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 29 hari bulan Jun 2018. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil inisiatif dengan mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) agar projek pembinaan ini dapat dipertimbangkan semula dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Mungkin ini sebagai sedikit maklumat tambahan kepada Yang Berhormat Bachok. Pada masa ini, sebanyak 104 buah kolej komuniti sedang beroperasi di seluruh negara dengan *enrolment* pelajar sepenuh masa sejumlah 26,111 orang dan program Pengajian Sepanjang Hayat (PSH) pula sejumlah 222,675. Selain itu, kolej komuniti menawarkan 68 program pengajian sepenuh masa di peringkat sijil, diploma dan sijil kemahiran khas yang khusus di negeri Kelantan.

Seperti yang disebutkan tadi terdapat dua buah politeknik dan lima buah kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti di Kok Lanas, Kolej Komuniti di Jeli, Kolej Komuniti di Pasir Mas, Kolej Komuniti Cawangan Tanah Merah dan Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang dengan jumlah *enrolment* setakat ini seramai 1,010 orang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan maklum balas yang diberikan. Saya sebenarnya rasa terkilan apabila kolej komuniti yang telah pun dirasmikan pada tahun 2018 ini dibatalkan oleh kerajaan yang terdahulu. Akan tetapi, saya ucap terima kasih kerana ada usaha balik untuk menghidupkannya dan melaksanakannya dalam RMKe-12 nanti.

Jadi, saya harap supaya pada tahun hadapan ia dapat ditubuhkan dengan segera, *insya-Allah*. Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi bahawa, negeri Kelantan ini ada lima buah kolej komuniti dan saya bertanya kepada kawan-kawan pensyarah di Kelantan dan mendapati bahawa kolej komuniti menerima sambutan yang agak memberangsangkan di Kelantan. Jadi soalan saya, adakah ada rancangan kerajaan hendak tambah lagi kolej komuniti di negeri Kelantan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bachok. Seperti yang saya sebutkan di peringkat awal tadi cukup prihatin dengan pembangunan setempat dan pembangunan modal insan ini. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, akan kita bawa kepada pengetahuan pihak atas. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita di kawasan Parlimen Gopeng memang ada sebuah kolej komuniti yang kejayaan kolej komuniti ini bukan setakat berapa lepasan daripada kolej tetapi *employability* iaitu sama ada mereka yang lepasan kolej komuniti ini dapat kerja atau tidak selepas mereka habiskan kursus tersebut.

Kita jarang tengok ada lepasan kolej komuniti yang dapat pekerjaan di pasaran. Jadi, setakat mana kementerian ada buat kajian, berapa peratus dapat kerja dalam setahun atau enam bulan dan apakah tahap gaji pendapatan mereka. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih, Yang Berhormat Gopeng. Kalau kita bandingkan graduan politeknik, kolej komuniti dengan universiti awam, kebolehpasaran graduan kolej komuniti dan politeknik adalah lebih tinggi iaitu sekitar 90 peratus ke atas. Itu satu pencapaian yang cukup memberangsangkan malah *currently, to be exact is 96.7 percent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Ini sehubungan dengan khidmat dan juga program yang ditawarkan di kolej komuniti dan juga politeknik. Ini kerana, ia khusus kepada penghidupan seharian dan keperluan masyarakat.

Lagi satu yang agak lebih menarik di kolej komuniti khususnya ialah satu program yang kita beri nama Program Pengajian Sepanjang Hayat kerana dalam Program Pengajian Sepanjang Hayat ini mana-mana peserta boleh mengikut program ini sampai dia dapat kemahiran yang dia mahu. Ini merupakan satu program yang cukup baik.

Baru-baru ini juga pihak kerajaan telah memperkenalkan satu lagi program Pengajian Sepanjang Hayat iaitu Program Pengajian Islam Sepanjang Hayat, khusus untuk pelajar-pelajar tahfiz di seluruh negara. Ini merupakan satu lonjakan, satu perkembangan yang baik untuk memberi khidmat kepada masyarakat setempat khususnya dalam aspek pembangunan insan dan pembangunan setempat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1200

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya rasa saya...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Satu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Beri peluang kepada yang di belakang.

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas ya, ringkas.

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]:** Soalan saya nombor 10.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, bukan soalan tambahan ya? Saya minta maaf.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]:** Bukan soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendek sahaja. Ringkas.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan pada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkembangan ataupun *development*, dengan izin, terakhir berkaitan usaha-usaha untuk membuka lebih ruang pembelajaran TVET kepada golongan OKU melalui kolej-kolej komuniti. Ini telah kita inisiatif kan dahulu cuma kita hendak tahu perkembangan kini, apakah perkembangan mutakhir? Kebetulan tadi saya nampak Senator OKU kita juga lalu, mungkin beliau juga ingin mendapatkan perkembangan terkini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas ya.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Simpang Renggam. Memang betul seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi. Sekarang ini perhatian yang khusus diberikan kepada golongan OKU. Ini merupakan sebuah teras di samping kumpulan sasar lain seperti belia, miskin tegar, ibu tunggal, warga emas dan Orang Asli. Kedudukan terperinci mungkin kita dapat berikan kepada Yang Berhormat Simpang Renggam, dalam perkembangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mansor bin Othman:** *In fact*, kalau hendak sebut sedikit, boleh jugalah. Ini dia sedikit saya baru dapat Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Kalau setakat hari ini Yang Berhormat, jumlah keseluruhan yang mengikuti program ini sejumlah 632 orang peserta. Banyak UA kita yang menawarkan ini seperti di UIAM, UITM, UUM, UKM, USM, UniSZA, UniMAP, UPM, UTHM, USM dan beberapa buah universiti lagi. Kedudukan terperinci akan kita berikan kepada Yang Berhormat Simpang Renggam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan jawab lisan pada hari ini. Terima kasih semua.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]**

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Peraturan mesyuarat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Parit Buntar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya pun hendak bangkitkan peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Saya juga dari Batu Sapi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapakah dahulu?

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya pun ada hendak bangkitkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak Yang Berhormat Jerlun dahulu.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Okey.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 36(6), seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.

Oleh sebab Yang Berhormat Baling sebentar tadi menyebut bahawa bekas menteri Pakatan Harapan. Saya agak mungkin maksudnya Yang Berhormat Kuala Langat dan bekas Menteri Besar Kedah Pakatan Harapan iaitu saya sendiri ada di dalam Dewan ini dan Yang Berhormat Baling telah mendakwa tanpa sebarang asas bahawa banjir yang berlaku di Baling adalah akibat daripada pembalakan yang berlaku dan kerja-kerja penanaman pokok-pokok durian Musang King agaknya di Gunung Inas Baling yang dimaksudkan. Walhal kelulusan itu iaitu kelulusan untuk membalak secara cuci mangkuk untuk tujuan ladang hutan dibuat zaman Kerajaan PAS Kedah.

Maka saya menuntut Yang Berhormat Baling menarik balik tuduhan jahat itu dan memohon maaf kepada Yang Berhormat bekas menteri iaitu Yang Berhormat Kuala Langat dan saya sendiri selaku bekas Menteri Besar Kedah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun tidak tahu sama ada perkara itu benar atau tidak. Bolehkah Yang Berhormat menulis kepada saya dengan butir-butir sama ada itu benar atau tidak supaya saya boleh memohon jawapan dan saya boleh membuat keputusan dengan seadil mungkin. Ya, terima kasih. Yang Berhormat...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Sapi dahulu.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Batu Sapi ya. Ini Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 36(12)

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Di mana Ahli-ahli Parlimen yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan disifatkan menghina Majlis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** ...Oleh sebab itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Akan tetapi diberikan Notis Usul kepada saya atau belum?

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Belum. Saya hanya hendak bangkitkan pada sekarang ini. Kerana pada sesi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada Notis Usul, macam mana hendak bangkitkan?

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Belum lagi tetapi saya hanya hendak mendapatkan arahan daripada pihak Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara ringkas ya.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Pada sesi penggulungan Kementerian Dalam Negeri iaitu Yang Berhormat Larut yang telah pun mengeluarkan satu kenyataan yang mengelirukan Majlis. Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menerima *Hansard* yang bertarikh 4 Ogos tahun ini. Pagi ini saya terima *Hansard* itu. Di mana pada muka surat 122, kenyataannya berbunyi seperti berikut.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin telah pun mengatakan, "*Saya hendak jelaskan IMM13 ini tidak pun kita keluarkan lagi. Hal ini hanya masalah di negeri Sabah. Apa yang menjadi masalah yang berderet-deret orang hendak berdaftar ini bukan IMM13 tetapi dokumen lain yang kita tidak tahu siapa yang ingin keluarkan dalam zaman Kerajaan Warisan, Tuan Yang di-Pertua*".

Jadi kenyataan seperti ini kenyataan palsu. Tidak benar kerana bukan daripada fakta. Daripada kenyataan yang benar Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Warisan- *Warisan lead government* tidak pernah mengeluarkan kad IMM13. Tidak pernah mengeluarkan Kad Burung-Burung dan tidak pernah mengeluarkan kad banci. Kad banci, Kad Burung-Burung ini telah pun dikeluarkan pada zaman PBS, pada zaman BERJAYA. IMM13 juga pada zaman USNO, dalam tahun 70-an dan juga 80-an.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Daripada kenyataan ataupun laporan daripada seorang mantan Ahli Dewan Negara iaitu Dr Chong Eng Leong, yang sebenarnya telah pun mengatakan pada tahun 90-an, mantan Ketua Menteri Sabah iaitu Musa Aman telah pun mempengerusikan satu Jawatankuasa untuk mengeluarkan kad IMM13 ini. Jadi itu pada masa zaman Barisan Nasional.

Jadi sebagai *the art of the matter*, Tuan Yang di-Pertua ialah Kerajaan Warisan tidak pernah mengeluarkan IMM13 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Jadi saya minta Yang Berhormat Larut menarik balik kenyataan ini dan meminta maaf kepada Dewan ini atas kesalahan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh saya, boleh saya...

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Saya...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Yang di-Pertua. Kuala Krau sebelum Tuan Yang di-Pertua bagi *ruling*.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Ini Menteri...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Sebagai Timbalan Menteri KDN.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri ini tidak tahu peraturan. Menteri tidak boleh berdiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, maaf. Boleh saya tangani masalah ini? Terima kasih. Tidak apa Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tunggu gulung, Menteri tunggu gulung.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Menteri tidak boleh menjawab Batu Sapi..  
[Dewan riuh]

[Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa.



**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** ...Apabila ditujukan kepada Menteri KDN...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri tunggu gulunglah. Boleh gulung.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Untuk hal saya, untuk memberikan penjelasan sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat *ruling*. Saya faham *ruling* Tuan Yang di-Pertua akan berikan. Akan tetapi kenapa Yang Berhormat Batu Sapi rasa makan cili ini, pedas kah? Saya hendak sebut perkataan yang – saya hendak kongsi perkataan yang disebut. Nanti Yang Berhormat Batu Sapi.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Sapi, saya telah beri peluang kepada Yang Berhormat. Walaupun usul belum diberikan notis, saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk bercakap tadi. Sebenarnya tidak ada usul pun. So, saya berikan peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum saya buat keputusan. Okey, seminit.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Pertama, Yang Berhormat Batu Sapa sudah baca *Hansard*. Rujuk kepada patah-patah perkataan yang telah ditulis, yang dikeluarkan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Pertama, disebut, saya- tetapi dokumen lain yang kita tidak tahu. Dokumen lain ia tidak merujuk kepada mana-mana dokumen. Dokumen lain yang pertama yang kerajaan tidak tahu, itu pertama. Kedua, siapakah yang ingin dikeluarkan dalam zaman Kerajaan Warisan? Belum lagi dikeluarkan mana-mana dokumen oleh Kerajaan Warisan.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Yang ingin...

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Yang Berhormat..

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk. Tolong duduk. Tolong duduk. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak apa, tidak apa. Oleh sebab kita ada banyak senarai Menteri yang ingin menggulung hari ini.

■1210

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu Yang Berhormat, nak ajar saya... *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Biar saya buat keputusan sekarang. Maaf ya sebab dah tak ada masa.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Oleh sebab itu Yang Berhormat- beberapa kali Yang Berhormat, beberapa kali Yang Berhormat!...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Sudahlah, sudah. Sudah beberapa kali Speaker suruh duduk.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, maaf, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Yang di-Pertua dah bagi tahu, Yang Berhormat bekas Menteri Undang-undang. Yang Berhormat telah bawa... *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Yang Berhormat Kuala Krau. Terima kasih, terima kasih. Sila duduk.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Peraturan Mesyuarat 36(12), 36(12)... *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat. Baik, baik. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Banyak masa dah kita buang ini. Sila failkan... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]:** Menteri ini tak ada standardlah!

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, maaf. Yang Berhormat Kuala Krau. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Amaran pertama. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ingin meneruskan perkara ini, maka saya nasihatkan dalam...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Simpang Renggam ajak saya keluar.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, biar saya buat keputusan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Apa maksud Yang Berhormat, ajak saya keluar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar saya buat keputusan

**Seorang Ahli:** Halau keluarlah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, amaran nombor dua. Amaran nombor dua, amaran nombor dua. Yang Berhormat, kalau hendak diteruskan perkara ini, maka mengikut Peraturan 36(12), apa-apa yang mengelirukan itu boleh dirujuk ke jawatankuasa. Maka, silalah membuat usul sedemikian secara bertulis dan berikan kepada pejabat saya ya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada untuk bangkitkan peraturan mesyuarat juga. Saya mohon untuk mendapat panduan. Berkenaan peraturan yang sama iaitu 36(12). Ini berpandukan kepada kenyataan yang dibuat dalam jawapan Timbalan Menteri di JPM iaitu bahagian agama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, serupa. Jawapan saya serupa. Tak nak lagi, tak nak lagi. Oleh sebab kadang-kadang itu kita bercakap di sini tapi usul tak dibuat pun. Jadi, saya nasihatkan beri usul itu kepada saya...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya habiskan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, tak.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Usul telah dibawa, usul telah dibawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak nak dibaca. Kalau usul itu belum dibuat dan belum dibenarkan. Maaf.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya cuma ingin mendapat apakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada. Tak ada pendapatan, tak ada petua. Buat usul itu, saya akan tangani usul itu apabila dibuat.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Dah ada dah. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bawa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, sila buat nanti.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tak, bukan nanti. Dah serahkan, tolong *check*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya akan *check*. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya dah serahkan. Saya nak minta bagaimana jawapan kepada 36(12) yang mengelirukan Dewan kerana ini...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah. Kalau usul dah dibuat, saya akan lihat satu persatu. Saya ada 11 mesyuarat satu hari, so saya akan perhatikan usul itu dan akan memberi jawapan yang sepatutnya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Bilakah perlu diberi jawapan? Oleh sebab perkara ini adalah merupakan...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, secepat mungkin saya akan beri jawapan.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ini berkaitan dengan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu, saya tahu. Saya tahu. Duduk. Terima kasih. Usul Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua...

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.14 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan seperti yang tertera di No. 21 hingga No. 26 dalam susunan giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Titah Diraja dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 10 Ogos 2020".

Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA  
BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN  
(PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sementara yang berhubungan dengan pembiayaan kerajaan untuk mengurangkan kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dengan menaikkan had amaun bagi jumlah amaun wang yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan jumlah amaun wang yang boleh diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], untuk menubuhkan suatu Kumpulan Wang COVID-19 untuk membenarkan wang diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan wang yang diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dibayar ke dalam Kumpulan Wang COVID-19, untuk membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diutukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL**

**USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas.” [5 Ogos 2020]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sambung dengan perbahasan oleh Jawapan-jawapan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Silakan.

12.17 tgh.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mewakili Kementerian Kesihatan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan. Terdapat 58 isu yang dibangkitkan oleh 32 orang Ahli Yang Berhormat yang merangkumi sembilan kategori isu iaitu pandemik COVID-19, hal ehwal sumber manusia, farmaseutikal, kawalan penyakit, penyampaian perkhidmatan kesihatan, pembangunan dan naik taraf hospital serta pembangunan taraf klinik kesihatan, menaik taraf hospital usang dan juga infrastruktur di hospital.

Untuk pandemik COVID-19, isu berkaitan pandemik COVID-19 dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Bandar Kuching. Kapasiti ujian COVID-19 untuk makluman Yang Berhormat Port Dickson, tadi ada. Sehingga 2 Ogos 2020, seramai 983,417 orang individu telah disampel untuk COVID-19 di Malaysia. Kapasiti makmal untuk pensampelan di Malaysia terkini 37,100 buah sampel sehari dengan kadar positif adalah hanya 0.9 peratus. Ini bermakna, hampir 99 peratus keputusan ujian COVID-19 yang telah dijalankan adalah negatif.

Dalam tempoh yang sama, jumlah ujian yang telah dijalankan di Malaysia sebanyak 1.689 juta ujian, termasuk RTPCR dan RTK Antigen iaitu bersamaan dengan 30.35 ujian bagi setiap 1,000 populasi. Terdapat juga individu yang memerlukan ujian ulangan. Bilangan ujian yang dijalankan oleh beberapa buah negara lain sebagai *comparison* bagi setiap seribu populasi adalah seperti berikut.

NEGARA	BIL. UJIAN (1,000 POPULASI)
Vietnam	4.9
Jepun	6
Korea Selatan	30
Singapura	225
Australia	173
New Zealand	94

#### ■1220

Mutakhir ini, kes harian COVID-19 di Malaysia adalah rendah. Namun demikian, bagi memastikan kes-kes COVID-19 dalam komuniti terus dipantau, Kementerian Kesihatan akan sentiasa mempergiatkan aktiviti-aktiviti yang dipanggil *surveillance*. Untuk ujian RTK-PCR dan RTK-Antigen, yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Bandar Kuching, *rapid test kit antigen*, (RTK-Antigen), mempunyai kelebihan mengesan jangkitan COVID-19 dalam jumlah yang besar dan dalam waktu yang singkat.

Kit ujian RTK-Antigen, yang sedang digunakan telah melepasi penilaian teknikal Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan peningkatan tahap sensitiviti daripada 84 peratus kepada sebanyak 90 peratus manakala tahap *specificity* kekal sebanyak 100 peratus. Ujian RTK-Antigen mempunyai sensitiviti sebanyak 90 peratus. Terdapat insiden di mana pesakit dikatakan *false negative*. Ini bermakna daripada seramai 100 orang yang disaring, mungkin terdapat sebanyak 10 orang yang menerima keputusan *false negative*.

Kemungkinan besar individu yang mendapat keputusan *false negative* berada dalam tempoh inkubasi di mana kandungan bilangan virus iaitu RTK-Antigen terlalu rendah untuk dikesan dengan ujian RTK-Antigen. Justeru itu, setiap individu yang disaring masih perlu menjalani tempoh selama 14 hari kuarantin seperti yang ditetapkan dalam polisi pengurusan COVID-19. Sekiranya dalam masa selama 14 hari didapati bergejala, perkara ini perlu dimaklumkan kepada pejabat kesihatan daerah yang terdekat untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, ujian kali pertama ataupun ujian pertama kali, tidak bermaksud individu tersebut bebas daripada jangkitan COVID-19. RTK-Antigen adalah berbeza dengan pengujian secara *reverse transcription- polymerase chain reaction* (RT-PCR). RT-PCR melibatkan teknik ujian molekular dan implikasi virus yang mana jangkitan COVID-19 boleh dikesan walaupun dengan jumlah *viral copy* yang rendah berbanding dengan RTK-Antigen.

Daripada ujian penilaian yang telah dijalankan, had pengesanan adalah sehingga *cycle threshold* iaitu, *city value* 30 yang bersamaan dengan sebanyak 300 hingga 400 *viral copy numbers* berbanding dengan RT-PCR yang boleh mengesan serendah empat hingga enam *viral copy numbers*. Walau bagaimanapun, tempoh pengujian RTK-Antigen mengambil masa yang lebih singkat untuk dijalankan sekurang-kurangnya selama 45 minit kesatu jam berbanding selama enam ke lapan jam bagi satu ujian RT-PCR.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Maaf Yang Berhormat...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Gopeng.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan jumlah *test*, walaupun jumlah *test* itu terpulung kepada *prevalence* penyakit tersebut. Jadi, yang paling penting adalah *surveillance* yang dibuat secara berkala. Jadi, walaupun Yang Berhormat Menteri ada katakan ada buat *surveillance*, adakah *targeted population*, populasi yang dibuat *surveillance* mengikut apa yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan? *Target group* yang buat *surveillance*. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita mempunyai aktiviti *surveillance* untuk dilaksanakan terhadap kes COVID-19 yang berlaku sekarang ini yang menggunakan *targeted approach* supaya kita dapat mengesan mana-mana mereka yang mungkin tidak dapat dikesan. Contoh, kita mengesan kumpulan-kumpulan sasar yang didapati ataupun dikatakan telah dijangkiti dengan COVID-19 sebelum ini atau kontak rapat iaitu kita mengesan kluster peserta tabligh. Itu satu.

Kedua, kita membuat *surveillance* ke madrasah ataupun ke pusat-pusat tahfiz di seluruh negara. Kemudian, kita juga telah membuat *surveillance* kepada petugas perubatan dan kakitangan kesihatan KKM dan juga *frontliners*. Keempat, kita membuat *surveillance* di kawasan penduduk di mana lokalitinya di bawah jenis Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan ataupun *targeted MCO*.

Kelima, kita membuat *surveillance* kepada pengembara yang tiba dari luar negara terutama rakyat Malaysia yang balik ke negara kita. Keenam, kita mengambil *surveillance* untuk kumpulan peniaga-peniaga pasar ataupun *malls* yang didapati ada kaitan dengan kluster positif seperti pasar borong. Ketujuh, kita mengambil *surveillance* juga kepada pekerja bukan warganegara terutama dalam sektor pembinaan dan juga sektor keselamatan. Kelapan, kita juga mengambil *surveillance* untuk penghuni dan pekerja di pusat jagaan warga emas dan tahanan dan anggota yang bekerja di depot tahanan. Ini merupakan *targeted approach* yang kita laksanakan untuk memantapkan *surveillance* di kalangan rakyat dan ia tentu sekali menjadi satu keutamaan bagi kita.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mohon sedikit untuk tambah sedikit. Ini sebab antara *targeted approach* ini yang *targeted group* yang lepas. Akan tetapi *in future*, adakah *targeted group* yang kita perlu buat *surveillance* secara berkala seperti mereka yang ada *flu*, SARI dan sebagainya ataupun mereka yang duduk di tempat yang agak *crowded* seperti di kawasan setinggan, di *apartment* dan sebagainya? Jadi, adakah kementerian bercadang untuk membuat *surveillance* berkala untuk *targeted groups* demikian? Sekian, terima kasih.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit. Saya Cuma tanya penjelasan, adakah pihak kementerian ada melihat pertukaran, dengan izin, *characteristic of the diseases*? Kalau kita di USA dan di *Europe*, gelombang pertama, kebanyakan ia menjangkiti orang yang lebih tua. Jadi, median umur tersebut dalam gelombang kedua, telah menurun. Jadi, saya hendak tanya, adakah kita melihat perubahan ini juga di Malaysia? Jika ada memang ada perubahan tersebut, apakah strategi seterusnya kerajaan untuk memantau mereka yang terkesan ini?

Ini kerana kalau median umur lebih rendah, bermaksud orang muda, kemungkinan besar mereka *asymptomatic* sebab imuniti mereka lebih kuat. Jadi, macam mana kita hendak *targeted* untuk memantau seperti golongan ini tidak ada *hidden cluster* dalam kalangan mereka? Minta penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Untuk Yang Berhormat Gopeng, kita mengenal pasti COVID-19 ini daripada tiga kaedah. Pertama, kes dijangkiti COVID-19, kita mengesyaki dulu, sama ada mereka datang dengan gejala pernafasan *acute* seperti gejala infeksi di paru-paru, kesukaran bernafas, batuk, sakit tekak dan sebagainya. Demam atau tanpa demam.

Mereka yang melancong atau menetapkan di luar negara dalam tempoh selama 14 hari sebelum berulung gejala berjangkitan atau kita kesan kontak rapat dalam tempoh 14 hari sebelum bermulanya gejala jangkitan dengan satu atau kes yang sah dijangkiti positif COVID-19 atau mereka yang menghadiri acara yang berkaitan dengan wabak COVID-19 yang diketahui. Ini langkah-langkah untuk mengenal pasti mereka yang kita patut pertama sekali buat *active case detection* dan kita terus merawat mereka sekiranya mereka mempunyai gejala dan positif COVID-19 dirawat.

Untuk Yang Berhormat Bandar Kuching, kita sentiasa melihat perkembangan atau *flow* kemasukan wabak ini. Daripada Januari, gelombang pertama hingga Februari dan Februari hingga sekarang, kita tidak nampak perubahan karakter sebenarnya dalam kalangan mereka yang dijangkiti. Seramai 9,003 orang yang dijangkiti itu. Cuma, kita ada terpendang bahawa kes-kes yang import, datang dari luar negara, mereka yang dilihat belum masuk *incubation period*. Apabila tiba di pintu masuk antarabangsa, mereka diuji dengan RTK-Antigen dan negatif.

Oleh sebab itu, kita buat selama 14 hari kuarantin dan dalam masa 14 hari, ada yang sebenarnya *developed the symptoms* dan diuji dengan RT-PCR, mereka positif. Semasa mereka kuarantin di rumah, ada kes-kes yang menjangkiti keluarga mereka dan ini ialah *strains* yang kita dapati berasal dari luar negara. Kebanyakan luar negara yang kita dapati adalah pelbagai ya.

Jadi, kalau kita lihat keseluruhan karakter virus ini, ia masih belum diketahui sepenuhnya, macam mana kita boleh nyatakan secara spesifik. Akan tetapi *coronavirus* ataupun COVID-19 ini mempunyai jangkitan yang dikatakan melalui *droplet* ataupun cecair pernafasan yang patut kita elak. Oleh sebab itu kita amalkan penjarakan fizikal satu meter untuk kita mengelak dan membendung wabak ini.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, untuk saringan COVID-19 di negara kita, kita telah pun membuat saringan kepada hampir kesemua mereka yang bergejala dan mereka yang dikesan secara *contact tracing*. Untuk memastikan setiap ujian tepat, pemilihan makmal yang dijalankan mestilah mematuhi standard yang ditetapkan dan lulus penilaian oleh Jawatankuasa Pasukan Khas Makmal COVID-19.

Antara yang diambil supaya ia betul-betul bertepatan dengan kehendak Jawatankuasa Khas Makmal ini ialah mereka mesti lulus penilaian oleh Jawatankuasa Teknikal Makmal Kebangsaan. Kedua, setiap makmal yang akan memulakan perkhidmatan ujian COVID-19 mestilah berkongsi keputusan yang dicapai untuk lima kes positif yang pertama dengan pakar daripada IMR ataupun *National Institute of Health* (NIH). Kemudian, Kementerian Kesihatan Malaysia akan sentiasa menjalankan audit dari semasa ke semasa ke atas premis yang menjalankan ujian COVID-19 dan setiap makmal perlu mengambil bahagian dalam program kualiti luaran yang terdapat untuk ujian COVID-19 dan lulus ujian *provision* tersebut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, tadi saya tertarik dengan Yang Berhormat Menteri mengatakan ada membuat *surveillance* kepada beberapa kluster dan juga Yang Berhormat Menteri menerangkan tentang perlunya kita mematuhi penjarakan sosial.

Jadi, saya ingin bertanya, adakah *surveillance* juga akan dibuat kepada- tak tahu lah sama ada akan ada berlakunya kluster baharu. Kita tahu baru-baru ini ada satu perhimpunan besar-besaran di depan mahkamah. Saya tak tahulah sama ada lepas ini dikatakan kluster 'bossku' kah, tak tahulah. Akan tetapi, saya hendak katakan, adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengadakan satu *surveillance* ataupun mengadakan satu proses untuk memastikan mereka yang berhimpun itu tidak membawa gejala-gejala yang kita takut akan merebak kepada pihak-pihak lain? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Sepang, kewujudan kluster-kluster ini datang secara *sporadic* ataupun mereka yang datang daripada kes yang *confirm* dijangkiti. Mana-mana kluster baharu, ia akan bergejala atau tidak bergejala dalam masa 14 hari *incubation period*.

Setakat hari ini, kita selalu membuat keputusan supaya mana-mana yang melanggar peraturan Akta 342 terutama berhimpun ataupun mereka yang boleh mendatangkan merebaknya wabak COVID-19 perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa dan pihak berkuasa perlu mengambil tindakan. Antara yang kita laksanakan ialah, contohnya kluster Sivagangga yang mana walaupun kluster itu kecil tetapi mereka yang tidak mematuhi peraturan ataupun SOP yang dibuat, denda dikenakan.

Ya, mantan Menteri Kesihatan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ya, saya tekun mendengar penjelasan-penjelasan tadi. Cuma ada beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan.

Pertama istilah *sporadic* dan kluster itu agak berbeza. *Sporadic* adalah *cases* yang berlaku tanpa ada *index cases*. Kita tidak bercakap tentang- kluster, sama ada Melbourne, sama ada Hyde Park, Sivagangga dan sebagainya. Itu kluster, dia ada *index case*-nya. Akan tetapi kalau *sporadic*, berlaku seumpama di Kuala Langat yang mana seorang yang mengalami kemalangan sebelum menjalani pembedahan di OT, sebagai satu protokol *pre-operative*, mereka dikenakan membuat ujian COVID-19 ataupun RT-PCR itu. Didapati ketika itu beliau adalah positif. Begitu juga pada kes di Gombak, kalau tak silap saya, *another sporadic case yang- this is of course related to influenza-like illnesses* (ILI) dan itu pun protokol yang sama, SARI dan sebagainya. Itu adalah juga *cases* yang menunjukkan bahawa ini berlaku *sporadic*. Justeru, kerana itu, tambah-tambah pentingnya untuk kita menekankan tentang *testing*.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, mutakhir ini mengetahui bahawa- dan saya yakin Kementerian Kesihatan Malaysia lebih tahu bahawa *asymptomatic* atau orang yang tidak bergejala itu, *viral load* nya *is maximum two days* sebelum- dua hari sebelum bergejala adalah diketahui secara *scientific research*-nya, *viral load is maximum*. Itulah ketika mana paling *infectious*, *infectibility*-nya sangat paling maksimum. Justeru, kerana itu, amat mustahak untuk kita sentiasa *do a lot of testing, to intensify testing*.

Saya hendak tanya, kebelakangan ini saya difahamkan agak kurang kita dari sudut keprihatinan kita untuk *testing*. Tak silap saya pada 5 Julai yang lalu, satu laporan menunjukkan bahawa *we are only at 13 percent*, dan sebahagian besarnya dilakukan oleh makmal-makmal swasta.

Saya ingin tanya, dengan unjuran gelombang ketiga dan sebagainya- saya menjangka tidak akan ada gelombang. Kita kena faham antara gelombang dan *cluster outbreak*; epidemik dan pandemik. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang peratus ujian yang dilakukan mutakhir ini? Adakah bersama-sama swasta dan awam bergandingan untuk *to intensify*, untuk mempergiatkan lagi persoalan *testing*? Kerana itu adalah penting untuk mengenal pasti. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Panjangnya mencelah ini.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Siapakah Menteri ini?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akui Yang Berhormat ada maklumat tentang beberapa *test* yang dibuat setakat ini. Daripada awal gelombang pertama hinggalah gelombang kedua, *average* kita membuat *testing* bermula dengan 6,000 pada peringkat awal, sekarang keupayaan makmal kita sudah menjangkau 37 ribu *test per day*. Ia merangkumi hospital KKM, MKAK, MKA, IMR dan juga ATM serta MOSTI dan dibuat oleh universiti-universiti awam dan swasta serta juga makmal swasta.

Saya akui mutakhir ini kebanyakan ujian dibuat oleh makmal swasta kerana mereka yang diuji, *surveillance*, ialah mereka yang untuk masuk bekerja. Mereka membuat saringan wajib terutama kepada pekerja-pekerja yang masuk ke dalam sektor pekerjaan. Untuk itu, yang terkini kalau kita lihat 5 Ogos, kita buat 9,800 *test per day* dan *average around* 8,000 hingga 12,000 sehari kita buat *test*.

Ujian-ujian ini tentu sekali diteruskan kepada empat aspek ini iaitu ILI seperti yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu *influenza-like illness*, dan kita ada 46 *sentinel clinic* satu Malaysia yang kita sediakan. Kedua, *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) iaitu 100 peratus diambil untuk sampel COVID-19 sekiranya mereka datang ke hospital dalam gejala dan kita *test*. SARI sahaja kita sudah uji 23,970 dan 87 positif. Untuk ILI, kita *test* 5,234 dan 15 positif, yang lain negatif.

Yang paling penting ialah *healthcare worker* sendiri, KKM dan juga *frontliners*. Kita telah uji hampir 23,183 ujian dan 116 positif. Yang kita buat hari ini ialah mereka yang datang ke operasi seperti Yang Berhormat sebut tadi, ada *accident* kah, mereka datang ke hospital. Kita panggil *pre-op*. Kita uji sejumlah 83,287 *test* dibuat dan kita dapati 46 positif. Keseluruhan *surveillance* COVID-19 yang kita buat sepanjang gelombang kedua ini ialah 135,674 dan kita dapati 264 positif. Ini menunjukkan 0.2 peratus *infectivity* nya. Kes-kes *sporadic* seperti dalam komuniti terus dipantau melalui *surveillance* yang diperkukuhkan. Seperti yang saya sebut, kita sudah saring 135,674 kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua...



**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, bersedia kah Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa kita agak- saya tidak kata cuai tetapi kita sudah mula *lapse*. Kesungguhan kita pada awal, pada peringkat 26 ribu *test* untuk 100 ribu *at its maximum*, sekarang kita sudah mula nampaknya kendur dan ini kecuai yang saya- bukan kecuai tapi ini satu yang kita *observe* yang kita perhatikan yang perlu dipertingkatkan oleh KKM.

■1240

Kami di Selangor dan STFC- *task force* di Selangor menekankan persoalan *testing* kerana itu a pendekatan yang paling baik untuk kita kesan dan mengelakkan penularan yang lebih parah. Jadi, saya hendak tekankan supaya KKM mengambil sikap yang sama. *It's because* atas sebut-sebutan tentang *third wave* dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan Yang Berhormat. Soalan, bukan ceramah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Menteri. Sekejap- saya rasa soalan ini sudah terlalu panjang, banyak lagi benda-benda yang kita tanya. Takut sudah habis masa. COVID-19 itu kita nampak- yang lain bertulis lah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Saya ambil maklum apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, hasil lawatan pasukan perubatan China yang dimaklumkan dan ditanya oleh Yang Berhormat Lumut pada 18 April hingga 3 Mei yang lepas- satu lawatan pasukan pakar perubatan COVID-19 dari Republik Rakyat China telah hadir.

Antara yang mereka telah kongsi ialah apa yang berlaku seperti di wilayah Wuhan yang mana pengurusan pesakit positif COVID di fasiliti kesihatan, cara mengawasi kawasan berkepadatan tinggi termasuk hub pengangkutan, hospital dan kawasan awam, mencadangkan penyediaan protokol ketat bagi saringan di kawasan awam, mengklasifikasikan risiko bagi individu yang kembali bekerja berdasarkan simptom, jarak perjalanan dan kontak, penggunaan *QR code*- yang kita sekarang ada MySejahtera ataupun *QR code* yang dipamerkan di premis-premis perniagaan dan kawasan awam, dan juga aktiviti *zoning*, iaitu menggunakan zon hijau, kuning dan merah terhadap kes-kes yang berlaku di sesuatu kawasan.

Pasukan pakar perubatan tersebut telah membentangkan hasil penemuan dan telah pun memberitahu bahawa, langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia pada waktu itu bersifat holistik, tepat, menyeluruh dan menyumbang kepada penurunan kes harian COVID-19 di Malaysia. Pasukan tersebut juga mengagumi kepakaran yang ada di kalangan kakitangan KKM yang mana berdedikasi dan tahap profesionalismenya tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat Lanang, kita di Kementerian Kesihatan telah menggerakkan berkaitan cara pemakaian pelitup muka ataupun *face mask*. Satu pasukan yang telah ditugaskan untuk menyalurkan maklumat yang tepat, yang sahih dan terkini kepada rakyat. Sehingga kini, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan sejumlah 18 mesej berkaitan pelitup muka dalam bentuk infografik, poster dan video sejak 27 Januari dahulu.

Kesemua bahan yang diterbitkan ini disebar luas menerusi portal MyHEALTH, Info Sihat, media sosial dan laman rasmi Kementerian Kesihatan serta dikongsi dan dimuat naik oleh semua kementerian, agensi dan pihak swasta sebagai sumber rujukan. Kementerian Kesihatan juga menggunakan media konvensional menerusi slot bual bicara TV.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa kami *on the ground* agak keliru, bila saya pergi makan di restoran, jadi *waiter* minta saya pakai *mask*. Jadi bila makanan dihidangkan, baru turun *mask*. Makan dan selepas makan kena pakai lagi.

Kita pernah dengar yang kerajaan minta yang satu meja hanya empat orang sahaja, mesti ada penjarakan sosial. Akan tetapi, selepas itu kita juga baca yang mana sekarang 10 orang boleh duduk semeja. So, bila ia bertukar-tukar macam ini, orang di bawah sangat susah.

Pegawai penguat kuasa kadang-kadang keliru juga. Mereka keluaran kompaun begitu sahaja dan saya juga diberitahu oleh orang bawah ialah selalu mereka terpaksa bayar rasuah kepada pegawai penguat kuasa kerana *guidelines* atau arahan yang begitu tidak tentu ini.

Saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Macam ini... [*Merujuk kepada penghadang lut sinar*] Di Parlimen kita semua ada *compartment* ini buat apa? Bolehkah ini menyekat penularan virus COVID-19 kah? Saya rasa kalau kita di sini ada sesiapa yang ada penyakit COVID-19, virus akan disebarkan dalam ruang dan bukan adanya buat macam semua ini, ia akan jadikan kita lebih sihat. Saya hendak minta penerangan yang lebih jelas daripada Yang Berhormat Menteri tentang isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, Yang Berhormat. Panjang kalau nak terangkan. Akan tetapi, antara yang kita hendak laksanakan menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia, terutama apabila wabak tengah tinggi dahulu. Antaranya ialah kita tahu karakter virus koronavirus ini dia menjangkiti tempat-tempat yang ada *mucosa surface* seperti mata, hidung, anggota mulut dan tekak. Antara yang dilaporkan oleh WHO ialah perlu ada penjarakan fizikal ataupun *social distance*. Itu perkara pertama.

Oleh sebab di Parlimen, kita telah pun diberitahu peringkat awal ada Yang Berhormat duduk sampai ke belakang, sampai galeri, jadi ialah sesuatu yang mungkin menyusahkan Ahli Yang Berhormat. Maka pihak Parlimen sebenarnya boleh mencuba untuk melaksanakan *compartmental* yang dilindungi. Ia sebenarnya untuk mengurangkan risiko. Kalaupun tidak dapat hendak *protect 100 percent, at least* kita kurangkan risiko *droplets* yang satu meter itu.

Penggunaan *face mask* juga ialah satu yang melindungi siapa-siapa yang bergejala daripada berjangkit orang lain ataupun orang yang tidak pakai *face mask* itu dia terlindung daripada mereka yang berjangkit, yang ada COVID-19. Jadi Yang Berhormat, kalau penggunaan *face mask* di restoran ataupun di tempat-tempat awam telah pun diwajibkan pada 1 Ogos untuk menunjukkan bahawa keseriusan kita memastikan kita melindungi rakyat Malaysia daripada penularan wabak yang mungkin dijangkiti...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Oh, belum habis lagi. Belum habis.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Biar Yang Berhormat Menteri habiskan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** ...Yang dijangkiti oleh masyarakat dengan mudahnya. Jadi, antara yang kita lakukan ialah pengurangan atau *risk reduction*, kita buat *reduction* untuk- membuat *reduction* sementara kita dapat menemui vaksin yang boleh kita laksanakan. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih. Belakang kah..

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Siapa Yang Berhormat Menteri, yang manakah Yang Berhormat?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Mantan Timbalan Menteri Kesihatan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu daripada segi kesihatan awam, segala yang dilakukan bukan untuk kurangkan risiko sehingga sifar. Ini tidak mungkin berlaku. Apa yang dilakukan adalah supaya kita kurangkan risiko pada tahap yang munasabah.

Jadi, daripada segi pakai pelitup muka ataupun *face mask*, adakah kementerian mencadangkan supaya keluaran standard untuk tujuan yang berlainan? Yang satu adalah untuk tujuan melindungi mereka yang memerlukan perlindungan, khususnya *frontline healthcare workers, frontline workers* dan juga mereka yang berisiko tinggi dan *face mask* untuk *public*, untuk orang awam yang mana kita tujuannya adalah supaya penularan itu boleh dikurangkan. Ini bukan untuk melindungi, tetapi untuk mengurangkan penularan.

Jadi, ini mengikut standard yang lebih rendah dan mungkin lebih murah dan boleh *affordable* untuk orang awam. Saya cadangkan mungkin ada standard yang berlainan untuk kedua-dua kumpulan ini.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada standard. Kita panggil satu ini *surgical face mask*, satu lagi *non-medical face mask*. Untuk *surgical face mask* ini digunakan oleh *frontliner* terutama mereka yang bekerja di hospital dan klinik-klinik. Mereka ini berhadapan mereka yang mungkin kita tidak tahu dijangkiti atau tidak. Untuk *non-surgical face mask* ataupun *non-medical face mask* ini yang perlu kita lihat ialah mereka mempunyai kriteria yang telah ditetapkan oleh WHO supaya ada tiga lapisan. Lapisan Propolina di luar untuk kalis air, kapas di tengah dan juga lapisan Propolina yang boleh mengurangkan- *absorb the water* dalam lapisan dalam. Jadi, itu perkara yang boleh kita laksanakan hari ini dengan adanya kementerian KPNDHEP.

Harga *face mask* yang berupa *three ply*, dulu RM1.50 sekarang sudah jadi RM1.20 maksimum. Selain itu, kemungkinan menggunakan *fabric face mask*, ia mungkin boleh dibuat sendiri sebenarnya. Kalau beli kain yang betul-betul ikut yang kita akan pamerkan dalam portal MKN. Akan tetapi soalnya...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, soalan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** ...Kita dapat membolehkan masyarakat membuat sendiri *face mask*, macam Tuan Yang di-Pertua itu. Dia buat sendiri saya rasa.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua itu beli, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, Yang Berhormat Lumut ya.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih. Yang manakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang manakah Yang Berhormat Menteri? Banyak sangat minat.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Lumut.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, saya sudah bangun awal ini, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang manakah?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya pun. Yang Berhormat Menteri, saya telah bangun dua jam tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang manakah?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Terima kasih. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Lumut kah Klang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Lumut kah, Yang Berhormat Klang?

#### ■1250

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Jelebu lepas itu Yang Berhormat Klang.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri mengenai hasil kunjungan pakar-pakar dari negeri China yang saya mohon hari itu supaya diberikan *lessons learned* yang dibawa banyak nampaknya. Apa yang kita buat memang bertepatan cuma yang menarik di China ada macam gelombang yang baharu tak berapa lama yang lalu tetapi dapat dikawal. Satu yang berbeza antara negara-negara yang berjaya mengongkong ini seperti di New Zealand dan juga China ialah jumlah ujian yang dibuat.

China kalau tidak silap 62 per 1,000 orang penduduk, New Zealand - 96. Jadi berbanding dengan kita yang 30 per 1,000 ini saya rasa perkara yang harus kita ambil perhatian ialah kos untuk membuat ujian ini sudah rendah. Adakah kita boleh meluaskan daripada hanya kepada sasaran-sasaran yang tertentu kepada beberapa siri ujian terhadap masyarakat terbuka supaya kita dapat mengesan kes-kes yang terpendam ini yang mungkin asimptomatik ini. Ini kerana kejayaan yang dibuat oleh negara seperti China membuat puluhan juta ujian tentulah ini kos yang tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan Yang Berhormat, soalan.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Jadi apakah kita boleh bergerak menuju ke arah itu dengan kos yang lebih murah? Ini yang patut kita belajar sedikit daripada China.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat speaker terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya masih lagi menunggu jawapan yang spesifik daripada pihak menteri tentang apa yang saya timbulkan dalam perbahasan dan soalan saya. Kita sedar bahawa semua wabak ini daripada H1N1, daripada *mass* COVID-19, daripada H5N1 daripada pelbagai penyakit yang telah wabak melanda kita, *attack* sistem pernafasan kita. Ini semua berasal daripada sistem pernafasan Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya tanya saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian tentang peranti ini, tentang peranti perubatan yang berkaitan dengan sistem pernafasan. *Once for all settle*. Sekarang kita guna *face mask*, *face mask* yang Tuan Yang di-Pertua lain dengan *face mask* yang saya guna.

*Face mask* yang diguna oleh bekas Menteri Kesihatan lain yang diguna oleh menteri lain. Jadi semua ini membawa satu persoalan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mintak penjelasan kementerian, ada tidak buat kolaborasi dengan MITI, MOSTI, KKM dengan pelbagai kementerian untuk selesaikan masalah peranti kita yang menyerang sistem pernafasan kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Dalam perbincangan saya ataupun ucapan saya minggu lalu saya telah membangkitkan isu berkait dengan pandangan kerajaan untuk menggunakan apa yang dipanggil *compulsory licensing* iaitu menggunakan *tips agreement* untuk membawa ubat *Remdesivir* dan juga lain-lain ubat yang boleh mengubati COVID-19.

Apa pandangan kerajaan atau apakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk membawa ubat itu di Malaysia menggunakan *compulsory licensing* memandangkan bahawa ubat paten itu terlalu *expensive*, terlalu mahal iaitu lebih kurang untuk satu orang ialah RM10 ribu di hospital kerajaan. Akan tetapi kalau kita gunakan di hospital swasta harga untuk ubat COVID-19 itu RM15 ribu.

So oleh sebab itu saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian apakah kerajaan akan menggunakan *compulsory licensing*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, boleh sikit? Sikit sahaja. Sikit.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Minta maaf saya Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam mendakwa ada pengilang pelitup muka mengeksport yang berkualiti kerana tawaran harga yang lebih tinggi manakala berkualiti rendah dan sederhana dijual di pasaran tempatan dengan alasan penetapan harga siling. Jadi adakah perkara ini benar sebagaimana yang didakwa bahawa pengguna tempatan didiskriminasikan daripada segi kualiti *face mask*? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih semua Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali Yang Berhormat yang berkaitan dengan *testing*, memang *testing* ini mandatori seperti mana yang dimaklumkan kita 30 ujian untuk 1,000 populasi dan sebenarnya kita sama dengan Korea Selatan. Korea Selatan pun 30 ujian bagi setiap 1,000 populasi walaupun Yang Berhormat bagi tahu New Zealand - 94, Australia - 173, saya yakin apa yang kita laksanakan pada hari ini bukan sahaja terhadap apa yang kita kata tadi *targeted approach surveillance* yang berterusan.

*Surveillance* yang saya nyatakan awal tadi, *surveillance* berterusan dan sampai masa nanti kita akan juga melaksanakan ujian-ujian yang berkaitan dengan *seroprevalence* iaitu untuk mengetahui kedudukan antibodi di dalam negara kita. Sekarang *alhamdulillah* COVID-19 pun sudah turun ya jadi itu tidak menjadi masalah.

Kedua, berkaitan dengan peranti. Sebenarnya setiap kali Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan ada membuat kenyataan terhadap penggunaan *face mask*, terhadap penggunaan-penggunaan peranti yang boleh kita gunakan untuk mengurangkan risiko jangkitan. Seinggalah kita dapat temui vaksin yang sebenar, kita masih lagi menggunakan apa yang kita perlu tahu, masyarakat tahu 3S, 3W iaitu 3S-tempat yang sempit, tempat sesak dan juga sembang dekat. Ini sembang-sembang dekat ini. Jadi, bila sembang dekat mudah untuk orang yang bergejala menjangkiti orang tidak bergejala.

Itu yang berlaku di dalam masyarakat kita. 3W ialah *warn* kita *wear face mask* kita *warn* masyarakat dan juga kita *wash our hand*. Sebenarnya satu lagi teknik untuk mengurangkan risiko ialah dengan kerap mencuci tangan kita kerana sentuhan-sentuhan yang dibuat di tempat-tempat tertentu mungkin ada virus. Untuk Yang Berhormat Klang, saya ada jawapan untuk Yang Berhormat Klang tentang *compulsory licensing* sekejap lagi ya. Untuk Yang Berhormat Pontian kita laporkan kepada ini KPDNHEP ya.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Sikit mencelah Yang Berhormat Menteri. *Surveillance* tadi sudahkan kita kenal pasti apakah *antigenic testing* yang diakui oleh KKM? *Have we decided* apakah untuk kita lakukan *surveillance* kita perlukan kepada satu *antibody testing*, *antigenic testing*. Apakah telah diputuskan oleh KKM?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, kementerian akan melaksanakan *seroprevalence* dalam masa terdekat ya terutama...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Dan *testing* sudah dikenal pasti?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Kita akan laksanakan ujian awal untuk *prevalence* yang awal kepada kakitangan, *healthcare worker* dahulu ya. Ya?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri jawapan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya nanti sekejap lagi ada.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Okey, okey terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** *You* punya *compulsory licensing*, *yes*, untuk *Remdesivir* iaitu ubat COVID-19.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** COVID-19. Ya, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ada jawapan *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Hal Ehwal Sumber Manusia ya iaitu- okey saya jawab Yang Berhormat Klang dululah tentang *Remdesivir* ya. Yang Berhormat Klang, *compulsory licensing* memang kita dapat melaksanakan terhadap satu ubat *antiviral* iaitu untuk Hepatitis C sebenarnya dan untuk *Remdesivir* sebenarnya tidak digunakan di negara kita dan *in fact* kita tak daftar pun syarikat yang membawa *Remdesivir* kerana belum ada masuk ke negara kita dan ia digunakan di negara lain sebenarnya.

Jadi, untuk *Remdesivir* kita tidak laksanakan menggunakan- tidak menjadikan protokol dalam lawatan COVID-19. Walau bagaimanapun *compulsory licensing* yang kita guna untuk Hepatitis virus C itu kita ada *licensing compulsory* sehingga Oktober 2020 inilah dan kita cuba untuk melanjutkan *compulsory licensing* terhadap ubat yang boleh merawat Hepatitis C ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, soalan susulan. Adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan *compulsory licensing* kalau bukan untuk *Remdesivir* tetapi untuk ubat-ubat lain yang boleh digunakan. Ini kerana saya takut orang ramai, khususnya orang miskin tidak akan mendapat ubat dengan secara murah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, perkara tersebut dalam pertimbangan KKM kerana kita kena bawa ke mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan *compulsory* ini. Ini ialah paten 1983 hak paten 1983 yang perlu kita selesaikan. Ini jalan terbaik sebenarnya untuk memastikan ubat murah dengan kita. Saya setuju dengan Yang Berhormat Klang, kita mesti melaksanakan *compulsory licensing* kepada sesetengah ubat yang harganya begitu mahal. Macam *Remdesivir* RM51,000 untuk rawat seorang pesakit. Satu harga yang sangat tinggi. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Tentang hal ehwal sumber manusia saya ada masa panjang lagi. Yang Berhormat Lanang, *you have asked, later*.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Ya saya hendak tanya soalan. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kerana Kementerian Kesihatan mempunyai SOP sendiri. Adakah kerajaan akan membolehkan hospital swasta mempunyai SOP yang berlainan iaitu mewajibkan setiap pelawat yang mahu masuk melawat pesakit mesti menjalankan itu saringan COVID-19 sebelum mereka masuk? Adakah ini dibenarkan? Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam telah menunjukkan 1 tengah hari. Saya menanggungkan mesyuarat sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang. Yang Berhormat Menteri boleh sambung...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Boleh jawab sekejap yang ini, swasta sekejap ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Pasal Yang Berhormat ada 2 minit 22 saat.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Selepas ini sambung Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Habiskanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat hendak habiskan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Akan tetapi tak boleh habislah saya akan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Itu saya kata tidak boleh habis.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Banyak soalan lagi Yang Berhormat.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat soalan Hulu Rajang pun banyak mengenai hospital ini.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Banyak lagi soalan saya tunggu tadi COVID-19 ini ambil masa hampir setengah jam.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, menyambung semula perbincangan jawapan-jawapan Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Tinggal dua minit 22 saat.

**2.32 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang berkenaan dengan isu pelawat di hospital swasta. Sebenarnya, Kementerian Kesihatan telah pun menyediakan garis panduan untuk pelawat melawat hospital kerajaan dan ia juga turut dipakai di hospital swasta di mana penyesuaian boleh dibuat sebenarnya.

Antara yang perlu dilaksanakan adalah pertama, sebelum masuk ke premis itu dia kena saring untuk masuki iaitu saring gejala demam atau tidak. Kalau tidak demam okeylah. Perlu mendaftar dengan MySejahtera ataupun aplikasi MySejahtera untuk memastikan bahawa ada maklumat. Kemudian di hospital swasta biasanya ia akan *limit*-kan atau hadkan pelawat untuk mengekalkan penjarakan fizikal. Kumpulan-kumpulan berisiko tidak dibenarkan masuk kerana orang-orang warga emas dan orang-orang yang dikategorikan sebagai anak-anak dan sentiasa memakai pelitup muka.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya oleh sebab masa tinggal satu minit...

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sangat cemburu masa itu.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** ...Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri menjawab bagi soalan prasarana ataupun kemudahan perkhidmatan hospital yang ada. Jadi mohon Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Baik, Yang Berhormat Lanang- selesai ya. Okey, jadi saya...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri, sebenarnya soalan saya bukan saringan macam risiko gejala tetapi COVID-19 *test*, COVID-19 *swab*. Jadi ada hospital swasta yang mewajibkan setiap pelawat untuk membuat COVID-19 *swab* iaitu dengan harga RM100 atau RM100 lebih bagi setiap pelawat. Jadi saya hendak tanya sama ada ini dibenarkan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, pelawat tidak dibenarkan. Pelawat hanya kalau mereka ada gejala sahaja ya. Kalau tidak ada gejala dia tidak perlu membuat. Saya...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Mohon Yang Berhormat Menteri untuk...

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Menteri, Hulu Rajang Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, mana-mana yang tidak berkesempatan boleh jawab secara bertulis.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya. Akan tetapi ada...

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Tuan Yang di-Pertua, kita di Hulu Rajang ini Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Mohon Tuan Yang di-Pertua tambah masa sebab tadi COVID-19 terlalu lama.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terlalu lama.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Hampir 40 minit untuk COVID-19 sahaja. Isu COVID-19. Jadi saya mohon jawab prasarana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tunggu Yang Berhormat Menteri kalau hendak tambah, sedikit.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Setengah jam lagi.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Kita mahu mendengar permohonan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Yang Berhormat Hulu Rajang. Kita dengar apa ulasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, sikit untuk pembangunan hospital dengan kemudahan hospital, naik taraf hospital dan klinik okey. Pertama sekali, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Sandakan membangkitkan isu berkaitan dengan pembinaan dan naik taraf hospital, pembangunan.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Kamar, Kementerian sedang dalam proses pertimbangan untuk menentukan tapak cadangan alternatif untuk hospital. Untuk Yang Berhormat Machang memang dah ada pengambilan tanah seluas 23 ekar dengan anggaran kos sebanyak RM25 juta dalam kawasan Bandar Bharu Tanjung, Kota Bharu untuk menempatkan blok wanita dan kanak-kanak.

Yang Berhormat Hulu Rajang, Hospital Kapit sebenarnya masih lagi mampu untuk menampung keperluan kesihatan penduduk tetapi dalam rancangan jangka panjang kita bercadang untuk membina blok klinikal baharu yang merangkumi wad pesakit dan berkenaan dengan kawasan Hulu Rajang, sebuah hospital baru di Sungai Asap...

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Itu saya tanya, Sungai Asap macam mana?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, rancangan sebuah hospital baharu di Sungai Asap ataupun Apau Koyan, ia merupakan- saya dah bincang dengan Yang Berhormat Kapit, ia daerah kecil dalam Belaga. Buat masa ini kita telah pun dapat maklumkan kepada Yang Berhormat keperluan kesihatan penduduk Sungai Asap sebenarnya dapat ditampung dengan *facility* kesihatan sedia ada. Walau bagaimanapun, kita akan pertimbangkan untuk naik taraf *facility* kesihatan di KK Sungai Asap berkaitan dengan keperluan yang sedia ada.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Okey.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Akan tetapi saya hendak maklumkan bahawa di Sungai Asap ini istimewa sikit kerana ia ada Jabatan Pesakit Luar, ada klinik ibu dan anak, ada makmal perubatan, ia ada x-ray, ia ada farmasi dan katil pemerhatian atau *observation ward*. Ini kita akan pastikan. Ada juga tempat bersalin untuk berisiko rendah. Jadi, Sungai Asap ini istimewa bagi Menteri Kesihatan sekaranglah. *Insyallah*, kita cuba...

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Itu saya tunggu-tunggu sampai sekarang.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, Padang Serai Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okey, ada, ada. Yang Berhormat Jempol ada mencadangkan untuk peruntukan. Sebenarnya Yang Berhormat Jempol, saya hendak beritahu Hospital Jempol ini dikira sebagai sebuah hospital *non-lead cluster* tetapi di Jempol yang istimewanya perkhidmatan oftalmologi di Hospital Jempol ini adalah di antara yang terbaik di bawah konsep perkhidmatan kluster Kementerian Kesihatan di Negeri Sembilan.

Oftalmologi dijalankan secara lawatan berpakar dan perkhidmatan pembedahan, rawatan pesakit di klinik pakar mengikut jadual. Beberapa peruntukan telah pun disalurkan pada Hospital Jempol untuk memastikan bahawa kehadiran pakar-pakar yang datang secara berkala dapat diberikan perkhidmatan dengan baik terutama perkhidmatan perubatan am dan juga perkhidmatan psikiatri. Ya, Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ini masalahnya daripada segi perkhidmatan yang seminggu sekali dan dua minggu sekali. Saya mohon supaya kekerapan kerana jumlah penduduk 120 ribu orang. Jadi daripada Bera dan daripada Keratong datang ke Jempol ini untuk menerima perkhidmatan. Jadi yang kekerapan ini saya minta supaya ditingkatkan dan juga daripada segi *equipment* yang ada untuk ICU tidak lagi digunakan oleh sebab tidak ada kelengkapan. Mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberi...  
[Rakaman kurang jelas]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Mohon Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Yang Berhormat Menteri.



**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Jempol, kita mengambil perhatian untuk pastikan bahawa Yang Berhormat Jempol dapat membela nasib pesakit-pesakit dalam Parlimen Jempol ya.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Baram, Baram.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, Bandar Kuching.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Kampar. Baik...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kampar, tadi Yang Berhormat Kampar ya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Kampar, kita dalam proses pertimbangan untuk menentukan tapak cadangan alternatif yang bersesuaian untuk tujuan tapak pembinaan Hospital Kampar yang baharu. Kementerian telah memuktamadkan supaya kita daripada segi teknikal berhubung dengan kesesuaian tapak tersebut dengan pihak yang telah mencadangkan tanah yang untuk diambil buat hospital baharu.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, sikit, sikit.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Kampar.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Ini untuk kesihatan semua Ahli Dewan Rakyat.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ini pembangunan hospital dengan klinik kesihatan.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tidak, tidak. Ini IJN punya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang mana, belakang itu kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Itu Yang Berhormat Kampar. Yang Berhormat Kampar sudah, baik.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Kampar dah, saya dah sebut.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai, Padang Serai.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Padang Serai? Yang Berhormat Padang Serai tidak ada ya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, hendak tanya penjelasan tentang kesihatan di kawasan pedalaman...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai, Padang Serai.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Tentang *flying doctors*, Bandar Kuching.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Padang Serai tidak ada.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, ada, ada. Okey, *flying doctors* ya.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri ini...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Ya, ya.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Untuk *flying doctors* Yang Berhormat...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Bandar Kuching.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Kita sebenarnya di negeri Sarawak dan negeri...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Sabah.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Sabah ya, memang memerlukan *facility* perubatan yang digelar sebagai *flying doctors*.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** FDS.

■1440

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Di kedua-dua negeri tersebut, kita sudah ada pasukan *flying doctors* yang secara tender kita telah pun memberikan kepada sebuah syarikat untuk memastikan perjalanan *flying doctors* di Sabah dan Sarawak dapat dilaksanakan dengan baik.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Soalan saya nombor satu, kenapakah ia diswastakan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Syarikat apa yang...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ia bergantung kepada keperluan dan skop perkhidmatan ambulans udara. Apabila kita swasta kan, ia lebih *cost effective* dan bayaran yang dilakukan mengikut spesifikasi dan kadar penggunaan yang telah ditetapkan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Jika kos lebih efektif, berapa yang diijimatkan oleh kerajaan? Syarikat apa yang dapat? Adakah tender terbuka telah diberikan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, yang itu oleh sebab detil, kita beri secara bertulislah ya.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Yang Berhormat Menteri, Baram...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, akan dibawa secara bertulis.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Baram, Baram.

**Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, brosur, brosur kementerian... [*Menunjukkan sekeping brosur*]

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Untuk Yang Berhormat Baram...

**Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Ini penting.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Baram, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Untuk Yang Berhormat Baram ya...

**Seorang Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, tanah runtuh.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Tanah runtuh Klinik Kesihatan Long Lama.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya, untuk Klinik Kesihatan Baram ya...

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** [*Bangun*]

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Kita telah mengambil tindakan untuk membaik pulih kawasan yang di mana tanah telah runtuh baru-baru ini iaitu Klinik Kesihatan Long Lama ditutup dan dipindahkan ke Dewan Masyarakat Long Lama dan peruntukan sebanyak RM450 ribu untuk kerja-kerja kecemasan untuk menghalang tanah runtuh dan kerja berkaitan. Walau bagaimanapun buat masa ini, kadar kehadiran ke Klinik Kesihatan Long Lama lebih kurang 100 orang sehari dan cadangan untuk pembinaan hospital di Long Lama akan dipertimbangkan untuk jangka masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *Can I just report to your-* brosur ini.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okeylah, beri lah.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kuala Langat, sila Yang Berhormat.

**Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Ini brosur ini.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Yang Berhormat Menteri terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Terima kasih.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Kita harap ke hospital Long Lama ini akan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okey, ini *last* lah.

**Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Saya rujuk kepada brosur yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia 2020. Di sini ada dua perkara. Satu ialah pembekal dan kaunseling ubat. Bekalan ubat akan diberikan kepada Yang Berhormat terputus bekalan dan semasa tempoh sesi Parlimen bersidang sahaja. *What happens to Friday, Saturday and Sunday?* Kalau sesi Parlimen sahaja, kalau Ahli-ahli Parlimen- ini semua Ahli-ahli Parlimen ini. Kalau tidak ada sesi, mereka tidak boleh dapat ubat.

Nombor dua, kaunseling ubat-ubat akan diberikan oleh pegawai farmasi. Itu tidak apa. Dengan rujukan ke Institut Jantung Negara, ini pun pada sesi Parlimen sahaja. Kalau tidak ada sesi Parlimen, kita tidak boleh pergi ke Institut Jantung Negara?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okey Yang Berhormat...

**Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Juga untuk isteri dan keluarga. Ini Ahli Parlimen sahaja. Isteri saya dengar, ada ahli-ahli Kabinet baru-baru ini isteri kena dibayar di Institut Jantung Negara. *Can you just correct that or just answer? Thank you.*

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Okey. *I will take- take* maklumat.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh jawab...

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Hulu Selangor.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** ...Isu kontrak. Ini kita tertunggu-tunggu jawapan, kontrak pekerja kesihatan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada kemukakan wad racun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Jadi untuk menaik taraf klinik kesihatan ini yang belum saya selesaikan ini iaitu seperti Hulu Rajang ya. Untuk Yang Berhormat Hulu Rajang, Klinik Kesihatan Nanga Mujong, kementerian dalam proses permohonan untuk menambah keluasan tapak tanah sedia ada bagi menaik taraf klinik sedia ada. Klinik Kesihatan Nanga Gaat dan Nanga Merit telah disenaraikan untuk permohonan pembaikan bangunan klinik sedia ada.

Untuk Klinik Kesihatan Tunoh Scheme yang mana bangunan tersebut bukan kepunyaan Kementerian Kesihatan, kita sebenarnya bercadang untuk menaik taraf perkhidmatan di klinik tersebut dengan menempatkan pegawai perubatan tetap dan membina klinik kesihatan di tempat yang sesuai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, minta rumuskan Yang Berhormat Menteri. Masa telah tamat.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, Padang Serai, saya ada soalan masalah wad tambahan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi boleh jawab soalan...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Ya. Gas bocor. Kes racun itu, Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Kalau boleh...

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat Padang Serai saya ambil maklum. Untuk itu Yang Berhormat, saya...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Okey, okey. Yang Berhormat Menteri kalau bertulis pun tidak apa. *No problem, no problem* Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Mana-mana yang tidak diselesaikan, pihak Kementerian Kesihatan akan berusaha untuk memastikan bahawa jawapan kepada Ahli Yang Berhormat yang belum dapat sempat diberitahu secara bertulis. Saya menyeru supaya bersama-sama lah menghulurkan bantuan kepada Kementerian Kesihatan yang sedang menghadapi COVID-19 supaya berjaya dan kita dapat menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia dengan baik. Terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang dijemput Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjawab semua perbincangan. 45 minit.

2.45 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat petang. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbincangan Titah Diraja yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana telah diberikan kepercayaan oleh kerajaan baharu terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk menggalas tanggungjawab sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi menggerakkan sektor perdagangan dalam negeri yang berdaya saing, progresif dan mampan serta memperkasakan pengguna. Semoga dengan kepimpinan baharu ini, usaha untuk meningkatkan prestasi kerja dan menyempurnakan amanah akan sentiasa menjadi keutamaan.

Pelantikan saya sebagai anggota Jemaah Menteri hadir dalam keadaan negara berdepan dengan situasi getir penularan wabak COVID-19. Kerajaan tanpa mengambil masa yang lama terus menggerakkan usaha-usaha yang konstruktif bagi mengekang penularan wabak COVID-19 termasuk mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu.

Sejak saya menerajui kementerian ini, saya berpegang kepada prinsip bahawa saya tidak akan membuat sebarang perubahan berdasarkan politik, tidak ada keperluan untuk *reinvent the wheel*, tetapi lebih menitikberatkan keseimbangan dua peranan yang amat penting iaitu industri perdagangan domestik dan pengguna yang terkesan khususnya ekoran daripada wabak COVID-19. Segala polisi yang sudah dilaksanakan mahupun sedang dilaksanakan akan sentiasa diperhalusi, dikemas kini dan ditambah baik dari semasa ke semasa demi kebaikan semua pihak.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus tanpa mengira masa, bagi memastikan pelaksanaan PKP berjaya mencapai matlamat yang digariskan. Barisan hadapan seperti anggota tentera, polis, anggota pasukan kesihatan dan lain-lain anggota barisan hadapan yang turut terlibat secara langsung atau tidak langsung, berpanas hujan, tidak kira siang malam meninggalkan keluarga tercinta demi memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di kesempatan ini ingin merakamkan penghargaan kepada wira tidak di dendang di KPDNHEP ataupun di kementerian ini yang terdiri daripada Pegawai Pemantau Harga (PPH) dan anggota penguat kuasa KPDNHEP seramai 1,044 orang Pegawai Pemantau Harga bertugas untuk memantau 62 barangan di 900 buah premis.

Pegawai penguat kuasa seramai 2,274 orang telah digerakkan sepanjang tempoh PKP, memantau keberadaan dan kecukupan bekalan barangan keperluan asas kepada pengguna.

Dalam masa yang sama, anggota penguat kuasa memantau peniaga agar tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan dalam situasi getir. Anggota penguat kuasa juga tidak memandang enteng dengan aduan yang dikemukakan oleh pengguna sepanjang tempoh PKP.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 4,598 aduan berkaitan harga dan bekalan telah diterima dan pihak penguat kuasa sentiasa menyasiat dan mengambil tindakan sekiranya terdapat pelanggaran undang-undang.

■1450

*Bukit Semantan, Pulau Sumatera;  
Gunung Selindung di Pulau Jawa;  
Jumlah 2,274 penguat kuasa KPDNHEP seluruh negara;  
Pastikan bekalan barang dan harga terpelihara jua... [Tepuk]*

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah terlibat bagi memastikan pelaksanaan PKP mencapai matlamat yang ditetapkan. Saya amat bersyukur kerana usaha yang digerakkan oleh KPDNHEP mencapai matlamat dengan jayanya. Di awal pelaksanaan PKP, pihak KPDNHEP telah berjaya menangani dua isu utama iaitu isu harga dan bekalan topeng muka dan isu kecukupan bekalan barangan keperluan asas pengguna. Tuan Yang di-Pertua, suka saya ingin memaklumkan dalam Dewan ini bahawa pihak kementerian telah berjaya menangani situasi tekanan harga dan bekalan topeng muka.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tuan Yang di-Pertua. Mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Serta sanitasi tangan atau *hand sanitizer*.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tanpa mengabaikan... [*Menunjukkan isyarat tangan*] ...Kepentingan pihak pengimport, pengeluar tempatan serta pihak pengguna. Bagi menjamin keberadaan topeng muka dalam pasaran kerana pihak KPDNHEP telah mewartakan larangan eksport topeng muka pada 18 Mac 2020, di samping meningkatkan jumlah import. Ya- siapa..?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Menteri tadi iaitu memampkan dan memperkasakan pengguna iaitu bagi usaha kontraktif bagi menghadapi wabak COVID-19. Jadi, usaha ini tidak akan berjaya kalau keperluan rakyat, contohnya pelitup muka tadi. Kita tahu isu yang besar daripada segi harga pelitup muka, saya tahu dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, usaha berterusan bagi mendapatkan harga yang lebih rendah untuk rakyat di bawah B40.

Namun begitu, saya berharap supaya harga ini dengan usaha Yang Berhormat Menteri, kementerian yang ada, harga ini dapat diturunkan lagi agar rakyat di bawah sana terbela dengan usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Yang Berhormat Jempol begitu prihatin kepada rakyat, ini kami amat alu-alukan pandangan sebegini. Itu juga kami ambil sebagai sesuatu yang penting bagi- sebagai maklum balas daripada masyarakat dan daripada wakil rakyat yang amat begitu prihatin. Sebenarnya di pihak pengguna, kementerian sekarang kita telah mengumumkan pada 15 Ogos 2020 ini diturunkan kepada- dicadangkan kepada RM1.20 satu unit di kedai runcit topeng muka.

Akan tetapi memandangkan desakan, memandangkan maklum balas yang kita dengar di luar sana dan juga di dalam Dewan ini dan sebentar tadi saranan daripada Yang Berhormat Jempol sendiri, kami akan melihat, berkemungkinan besar saya akan cadangkan nanti kita turunkan harga topeng muka tiga *ply* atau tiga lapis itu kepada harga yang lebih rendah daripada yang kami cadangkan iaitu RM1.20.

Jadi, tunggu sedikit lagi masa Yang Berhormat. Ini boleh dianggapkan satu saranan daripada Yang Berhormat Jempol lah.

Tuan Yang di-Pertua, di pihak pengguna, pihak KPDNHEP telah menyemak dan membuat penentuan semula harga siling muka yang telah saya sebutkan tadi yang tiga lapisan. Jadi, pada mulanya kita naik kepada paras yang tinggi pada masa itu dan selepas itu kita letak kepada RM1.50 seunit. Ini ada sebabnya, sebab pihak KPDNHEP prihatin dengan keperluan pengguna, di mana harga siling topeng muka ini telah disemak semula sekarang. Harga siling baharu topeng muka ini yang saya ulas sebentar tadi. Jadi, kami akan buat penetapan di peringkat yang kami fikirkan berpatutan.

Pihak KPDNHEP juga telah mengeluarkan arahan secara pentadbiran supaya kuantiti jualan runcit topeng muka dihadkan sepanjang PKP. Jadi, sebanyak 33,321 pemeriksaan telah dilakukan, di mana 54 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM518,951.40 dan dengan RM382,400 kompaun dikeluarkan kepada peniaga sepanjang PKP. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak KPDNHEP telah berjaya menstabilkan bekalan hingga ke tahap sekarang sebanyak 99 peratus.

Salah satu usaha pihak KPDNHEP ialah untuk membanteras penipuan penjualan topeng muka dengan memperkasakan pusat arahan penguatkuasaan Putrajaya dan juga pejabat KPDNHEP negeri. Libat urus dengan *marketplace* juga diadakan bagi memastikan tiada topeng muka palsu dijual kepada pengguna. Dalam hal ini, kementerian berjaya membanteras penipuan penjualan topeng muka secara atas talian yang menjual melebihi harga maksimum dengan rampasan sebanyak 223 ribu unit yang bernilai sebanyak RM446 ribu.

Jadi, saya juga ingin memaklumkan bahawa terdapat hospital swasta telah dikenakan kompaun sebanyak RM200 ribu kerana kesalahan menjual topeng muka melebihi harga maksimum. Jadi, ini sepatutnya jadi satu tindakan yang tegas yang diambil oleh KPDNHEP bagi memastikan tiada penipuan menjual topeng muka ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu kecukupan bekalan barangan keperluan asas pengguna. Pihak kementerian kekal komited untuk memastikan bekalan barangan keperluan asas pengguna mencukupi walaupun semasa awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Pihak kementerian sedar, pengguna telah menjadikan alasan PKP untuk melakukan pembelian panik. Selain itu, kekurangan barangan keperluan asas seperti bawang, roti, telur serta beberapa barangan lain turut dimainkan di media sosial untuk menjadikan situasi bertambah panik.

Jadi, di awal pelaksanaan PKP, beberapa barangan keperluan asas seperti roti, telur dan ayam didapati mengalami kekurangan bekalan akibat pembelian panik oleh pengguna. Jadi, pihak KPDNHEP telah mengeluarkan saranan kepada pihak pengguna supaya bertenang dan tidak melakukan pembelian panik di samping memberi jaminan bahawa bekalan keperluan asas mencukupi di pasaran. Bagi tujuan tersebut, saya bersama-sama kepimpinan kementerian telah mengadakan sesi libat urus bersama-sama pemain industri serta melakukan lawatan kerja bagi meninjau serta membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak pemain industri bagi memastikan bekalan keperluan asas mencukupi di pasaran.

Sebagai contoh, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah turun padang ke kilang Roti Gardenia pada 28 Mac 2020, lawatan ke ladang ayam di Rasah, Selangor. Lawatan pada 11 April 2020, ladang telur di Yong Peng. Pada 18 April 2020, lawatan ke kilang minyak masak di Chembong, Negeri Sembilan. Pada 30 April 2020, lawatan ke kilang tepung di Lumut, Perak. Pada 8 Mei 2020, lawatan kerja ke kilang sardin di Pasir Gudang, Johor pada 14 Mei 2020. Syukurlah, hasil kerjasama erat pihak pemain industri serta pendekatan mudah cara yang diambil oleh KPDNHEP, bekalan keperluan asas kepada pengguna didapati semakin stabil sehingga hari ini.

Semua sedia maklum bahawa banyak aktiviti ekonomi menerima tempas akibat pelaksanaan PKP. Di pihak KPDNHEP, beberapa langkah diambil bagi memastikan aktiviti perdagangan edaran ataupun *distributive trade* tidak terjejas. Pihak kementerian telah memberikan kelulusan kepada sektor peruncitan yang terlibat dengan pengedaran bekalan makanan untuk beroperasi sepanjang PKP dengan sebanyak 96,102 kelulusan telah diberi melibatkan 3,650 buah syarikat.

#### ■1500

Dalam masa yang sama, pihak penguat kuasa KPDNHEP juga telah melaksanakan pemeriksaan melibatkan 61,695 buah pasar awam untuk barang basah, pemantauan 33,321 buah premis untuk penjualan topeng muka dan secara keseluruhan sebanyak 155,226 buah premis telah diperiksa bagi menstabilkan bekalan barangan.

Jadi, hasil daripada pemeriksaan dan pemantauan ini, barangan keperluan, barangan kesihatan dan keselamatan berada pada paras stabil. Manakala barang basah seperti ayam, makanan sejuk dan sayur berada pada skala pematuhan keberadaan mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, negara sekarang berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Banyak sektor ekonomi telah dibuka dengan standard operasi pematuhan (SOP) tertentu dikuatkuasakan. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi mengaktifkan semula aktiviti ekonomi yang telah terjejas dengan memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan tiga buah teras utama iaitu memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi.

Sebuah pantun lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** *[Membaca pantun]*

*Berbisik rahsia sesama rakan;  
Duduk di pangkin dara bersanggul;  
Barangan Malaysia diutamakan;  
PENJANA pemangkin ekonomi unggul... [Tepuk]*

Di bawah teras merangsang ekonomi, KPDNHEP akan memainkan peranan dengan menggerakkan Kempen Beli Barangan Malaysia. Kita panggil singkatannya KBBM. Kempen ini dapat mengukuhkan semula permintaan domestik serta merangsang perbelanjaan isi rumah yang mana secara tidak langsung ia akan memberi manfaat kepada peniaga tempatan. Kempen ini telah mula digerakkan dengan pelancaran di peringkat kebangsaan yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Julai yang lalu. Dengan dana sebanyak RM20 juta, kempen ini akan dijalankan secara serentak dengan Program Jualan Malaysia (PJM) bermula pada Jun hingga Disember 2020 ini.

Diharap dengan pelaksanaan KBBM dan PJM, pihak Kementerian KPDNHEP dapat mencapai sasaran untuk menganjurkan program jualan peringkat kebangsaan sepanjang tahun dengan tema dan segmen produk berbeza setiap bulan di samping KBBM pula mencapai objektif penembusan produk tempatan dalam sektor peruncitan negara.

*Cuit-cuit rakan sebelah;  
Bergaya sakan isteri berdeham;  
Ada duit membeli-belah;  
Jayakan kempen KBBM... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbincangan Titah Diraja, terdapat beberapa perkara disentuh berkaitan dengan Kementerian ini. Antara beberapa perkara yang disentuh melibatkan kos sara hidup, isu penguatkuasaan, isu perniagaan atas talian, isu industri francais dan isu pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

Berhubung dengan isu kos sara hidup yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian, pihak KPDNHEP akan mengambil langkah proaktif bagi memastikan isu kos sara hidup dapat ditangani dengan baik seperti berikut:

- (i) pemantauan harga barangan keperluan asas oleh pegawai pemantau harga di seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga;
- (ii) memperkasakan medium interaktif untuk pengguna seperti aplikasi *Price Catcher* untuk pengguna membuat rujukan atau perbandingan harga dan *Ez ADU* untuk memudahkan pengguna membuat aduan;
- (iii) menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi jaminan bekalan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi mengoptimalkan kecekapan rantaian bekalan melalui platform e-dagang, dan Kementerian Kesihatan bagi memastikan harga ubat dan kos rawatan tidak meningkat;

- (iv) melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bagi memastikan harga barangan keperluan asas tidak membebankan pengguna semasa musim perayaan; dan
- (v) pelaksanaan Program Penyeragaman Harga bagi membolehkan penduduk di pedalaman menikmati harga barangan keperluan asas yang sama seperti di kawasan bandar.

Pengguna mempunyai hak untuk menikmati barangan dan perkhidmatan terbaik melalui persaingan sihat dalam persekitaran perniagaan. Oleh itu, pihak KPDNHEP sentiasa berusaha untuk menangani isu monopoli dan kartel.

Bagi tujuan tersebut, penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan diteruskan bagi menyokong aspirasi kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup. Suka saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian juga menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ke atas pihak peniaga yang mengambil keuntungan secara tidak munasabah. Sehingga Jun 2020, sebanyak 39 kes telah dihasilkan di bawah akta ini.

Berhubung dengan isu menambah senarai barangan kawalan yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian, buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, kerajaan terbuka dengan sebarang cadangan dan sekiranya terdapat keperluan, cadangan tersebut akan dipertimbangkan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti permintaan, kenaikan harga serta kesan ke atas industri yang terlibat.

Isu ketirisan dan penyeludupan barangan subsidi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang dan Yang Berhormat Port Dickson. Sepanjang tempoh 2016 sehingga 2020, sebanyak 2,297 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan nilai rampasan sebanyak RM82 juta telah dihasilkan. Antara barangan subsidi yang terlibat ialah diesel, petrol, LPG, gula dan tepung gandum.

Pihak kementerian melalui Bahagian Penguatkuasa akan sentiasa mengambil langkah sewajarnya bagi mengekang aktiviti penyeludupan ini. Antara langkah yang telah diambil ialah melaksanakan risikan di lokasi-lokasi tertentu di sempadan negara, mengadakan kerjasama strategik dengan agensi lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan serta semakan atau naziran ke atas syarikat pemegang lesen barangan kawalan.

Yang Berhormat Betong telah membangkitkan beberapa isu seperti isu penurunan yuran francais, isu cadangan supaya input pertanian diletakkan di bawah mekanisme kawalan harga dan isu kecukupan bekalan di negeri Sarawak termasuk topeng muka dan *hand sanitizer*.

Berhubung isu penurunan yuran francais bagi mendorong penyertaan belia, salah satu inisiatif yang sedang dikaji ialah dengan menawarkan pakej perniagaan francais dengan kos modal pelaburan yang bersesuaian. Ini merangkumi fi francais, kos ubahsuai dan peralatan, stok permulaan serta latihan. Pihak KPDNHEP berharap, cadangan ini dapat menarik ramai belia untuk menceburi bidang perniagaan francais pada masa hadapan.

#### ■1510

Berhubung isu cadangan supaya input pertanian seperti baja, racun perosak dan lain-lain harus diletakkan di bawah mekanisme kawalan harga. Buat masa ini tiada sebarang perbincangan khusus berhubung perkara ini. Walau bagaimanapun, tindakan susulan ke atas cadangan akan diperhalusi dan dikaji di bawah Program Penyeragaman Harga sebelum ia boleh dilaksanakan.

Berhubung isu kecukupan bekalan termasuk bekalan topeng muka dan *hand sanitizer* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Betong. Isu ini telah saya ulas dalam ucapan saya sebelum ini. Cuma saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia, bahawa mulai pada 15 Ogos, harga siling topeng muka akan diturunkan sekali lagi... [Tepuk]

Okey, di peringkat peruncit dan juga di peringkat pemborong, KPDNHEP terus memantau dan menilai situasi permit, bekalan serta bersedia menurunkan lagi harga pelitup muka. Ia setelah diperhalusi dan mengambil kira kepentingan pengguna, pengilang tempatan, pengimport dan juga rakan-rakan dari *backbencher* kerajaan yang sama juga merayu serta menyarankan supaya harga topeng muka seunit 3 *ply* itu diturun harga di peringkat kedai runcit.



**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan sikit. Kota Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya nak tanya bagaimana dengan cukai yang dikenakan ke atas barang-barang import yang digunakan untuk memproses *face mask* ini. Adakah kerajaan bersedia untuk *waive tax* tersebut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** *Tax* atas topeng muka import itu biar kami bincang dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia ya. Jadi, kalau ada *tax* yang membebankan biarlah cadangan itu boleh kami ambil sebagai maklum balas yang baiklah. Okey? Bagi kami peluang. Nanti kami akan maklum kepada Yang Berhormat Kota Melaka tentang hal ini okey.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Klang depan sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Klang Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian sekarang yang telah mengumumkan tadi bahawa harga pelitup muka akan diturunkan. Jadi, saya fikir sebuah dasar yang bagus yang harus diterima. Saya sokong dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, penggunaan pelitup muka ini ada banyak isu.

Pertama, ini isu kos. Walaupun kita menurunkan harga, tetapi untuk sebuah keluarga empat orang yang menggunakan setiap hari, saya punya *estimation* itu lebih kurang RM200 untuk satu bulan harus digunakan. *This is a cost* kepada keluarga yang miskin. Kalau pendapatan keluarga itu RM1,200, maka *at least 15 percent or 20 percent goes towards* untuk membeli pelitup muka.

Saya cadangkan kepada kementerian kalau boleh, dengan kerjasama kementerian-kementerian supaya menyokong *reusable cloth mask industry* di Malaysia. Ini *has an impact on the environment*. Bila kita baca angka-angka pelitup muka, pada setiap hari kita membuang sebanyak 10 juta pelitup muka. Setiap hari kita buang dan kita buang dekat longkang, dekat sungai dan sebagainya, *that becomes environmental disaster*. Oleh sebab itu, saya minta kalau kementerian Yang Berhormat boleh mula menerokai cara untuk *help develop reusable cloth face mask industry* di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri sikit, berkaitan dengan Yang Berhormat Klang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cadangkan sesuai dengan cadangan Klang tadi mungkin kita boleh mulakan di sekolah-sekolah. Ini kerana, apabila kita hendak buka sekolah ini sebuah tempat yang mana kanak-kanak berhimpun. Jadi, kalau boleh kita berikan satu insentif untuk mana-mana *sponsors* kepada sekolah-sekolah itu terutama kepada pelajar-pelajar B40 untuk kita bagi pengecualian cukai.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Rasah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada satu lagi, Yang Berhormat Rasah ini.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa tadi Yang Berhormat Menteri sudah bagi satu- walaupun bukan pengumuman rasmi yang berkenaan dengan harga pelitup muka dan harga siling akan diturunkan, saya rasa semua akan mengalu-alukan itu.

Cuma, saya hendak cadangkan berkaitan dengan pelitup muka untuk kanak-kanak. Ini kerana, kalau kita tengok saiz pelitup muka kanak-kanak dia sebenarnya dalam dua per tiga ataupun tiga per empat daripada pelitup muka biasa yang macam ini... *[Menunjukkan pelitup muka]* Akan tetapi harga ia di pasaran saya rasa dia lebih tinggi pada ketika ini. Banyak pasar raya sebenarnya dia tidak jual yang pelitup muka kanak-kanak. Mereka hanya jual pelitup muka yang bersaiz standard, yang biasa saja.

Jadi, saya harap kalau esok apabila Yang Berhormat Menteri mengumumkan harga untuk pelitup muka tersebut, harga siling supaya ditetapkan bersekali dengan harga siling untuk pelitup muka kanak-kanak. Ini kerana, keperluan untuk- saya bagi contoh Yang Berhormat Menteri, saya sendiri dalam kalangan keluarga saya setiap hari saya gunakan enam hingga tujuh keping pelitup muka kanak-kanak untuk anak-anak saya sebab sekolah tadika semua sudah buka sudah. Jadi, saya mohon kerana ini akan membebankan keluarga B40 terutamanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Jadi mohon Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Rasah. Okey. Yang Berhormat Klang itu cadangan yang begitu baiklah ya. Sebenarnya saya diberitahu, kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada cadangan sudah. Mungkin dia belum diumumkan. Mungkin tadi kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak ada masa. Kalau ada masa, saya pasti akan dia sentuh hal ini sebab sudah dibincangkan dan sudah juga dikaji bagaimana *reusable* topeng muka ini kita boleh laksanakan. Itu saranan yang baik.

Terima kasih Yang Berhormat Klang sebab saya pun baca baru-baru ini pandangan dan artikel daripada Yang Berhormat Klang amat membangun dan membantu. Ia sesuatu yang konstruktif kepada kementerian dan kami ambil maklum secara serius serta akan pertimbangkan dalam isu meletakkan harga topeng muka ini memandangkan ada keperluan ya. Juga kepada...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Kepada Yang Berhormat Kangar, itu cadangan yang baik. Kita prihatin kepada anak-anak sekolah kita. Jadi, biarlah kami bincang dulu bagaimana hendak mendapat kerjasama daripada pihak swasta mereka yang mungkin prihatin kepada anak-anak kita di sekolah. Mungkin boleh membantu secara *Corporate Social Responsibility (CSR)* ataupun ada kaedah lain dan terima kasih kepada idea yang baik sebegitu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Juga Yang Berhormat Rasah. Ini contoh bapa yang amat prihatin kepada anak-anaklah. Dia belanja banyak untuk memastikan keselamatan keluarga dia. Betul, kita ambil juga atas saranan Yang Berhormat Rasah dan kita akan melihat- memang, kalau betul harga untuk topeng muka untuk kanak-kanak ini berlainan, kita akan bincang dengan *industry players* untuk tidak membenarkan harga untuk topeng muka untuk kanak-kanak ini dijual berlainan ataupun lebih daripada had maksima harga seperti yang biasa.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih. Okey. Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sebelas minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, mengenai isu memperhebatkan perniagaan atas talian yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau. Situasi pandemik COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 telah menyumbang kepada peningkatan dalam pembelian secara atas talian.

Jadi, para peniaga yang selama ini menjalankan perniagaan hanya dalam premis perniagaan turut beralih kepada perniagaan atas talian dan mula menyediakan kemudahan tempahan secara maya. Ini merupakan satu titik permulaan yang baik dalam usaha membangunkan perniagaan yang berkonsepkan digital khususnya dalam sektor peruncitan. Kementerian senantiasa menggalakkan perkembangan ini, iaitu peralihan daripada model perniagaan fizikal ke platform digital.

Selaras dengan perkembangan e-Dagang ini juga, Majlis Tindakan Ekonomi pada 20 April 2020 telah menubuhkan *Digital Economy Task Force* yang diterajui bersama oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menyelaraskan pelaksanaan inisiatif ekonomi digital terutamanya pasca COVID-19 serta melonjakkan ekonomi digital Malaysia.

#### ■1520

Kementerian juga telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam meningkatkan peluang perniagaan atas talian, khususnya daripada kalangan peruncit. Sebagai contoh, kementerian telah mengambil inisiatif mengadakan sesi libat urus bersama-sama wakil pengendali *online marketplace* bagi membincangkan kaedah dan penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan e-dagang. Antara hasil awal kejayaan dalam memberi peluang kepada peniaga, meluluskan pasaran ataupun peniaga meluaskan pasaran produk mereka seperti hasil segar dan makanan laut menerusi *marketplace* yang terpilih semasa tempoh PKP tersebut.

Di bawah inisiatif PENJANA, salah satu strategi kementerian dalam melaksanakan KBBM ialah dengan mewujudkan saluran khusus untuk produk Malaysia di platform e-dagang utama. Berhubung usaha pihak KPDNHEP untuk memulihkan ekonomi pasca COVID-19 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya, kementerian akan menggerakkan KBBM dan Program Jualan Malaysia di bawah PENJANA sebagaimana yang telah diluluskan ataupun diulaskan dalam ucapan saya sebelum ini.

Dalam masa yang sama, pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga menyediakan inisiatif bagi mengurangkan kesan ke atas impak COVID-19 kepada sektor perniagaan. Antara inisiatif ini adalah termasuk:

- (i) pelanjutan masa serah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan;
- (ii) menaikkan nilai ambang keberhutangan daripada sejumlah RM10 ribu kepada RM50 ribu;
- (iii) pelanjutan masa sehingga tiga bulan selepas berakhir PKP untuk syarikat mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM); dan
- (iv) pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan.

KPDNHEP juga telah menambah baik proses-proses dan juga peraturan berkaitan *ease of doing business* sebagai contoh peniaga yang ingin melaksanakan jualan murah hanya perlu memaklumkan kepada KPDNHEP dan tanpa perlu menunggu kelulusan yang mengambil masa sehingga 30 hari sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi dasar dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Mudah-mudahan setiap perkara yang dibahaskan pada hari ini akan membawa keberkatan kepada kita.

Bulan Ogos ini bulan kemerdekaan negara kita yang tercinta. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan buat semua rakyat Malaysia. Sama-samalah kita renungkan dan menghayati erti kemerdekaan yang sebenar. Selamat Hari Merdeka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekian.

**Seorang Ahli:** Merdeka!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekarang...

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang, saya jemput Yang Berhormat...

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua maaf. Perintah tetap sebelum masuk ke *next* Yang Berhormat Menteri, saya ingin bangkitkan untuk Peraturan Tetap 41(d). Seseorang ahli tidak boleh merokok di dalam Dewan Mesyuarat kerana kalau ikut Twitter, ada seorang pengikut sosial media telah bangkit bahawa Yang Berhormat Sembong iaitu Menteri Luar Negeri merokok *vaping* pada hari Isnin apabila Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjawab soalan pada sesi soal jawab.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sendiri, Yang Berhormat Sembong sendiri pun sudah mengaku salah dalam akaun *Twitter* beliau iaitu saya rasa lebih elok, lebih baik minta Yang Berhormat Sembong juga memohon maaf secara rasmi dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Beberapa ahli:** Sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kluang. Kita ambil maklum dan kita akan buat penelitian kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai.

Ahli Yang Berhormat, sekarang saya teruskan jawapan-jawapan Yang Berhormat Menteri, menjemput Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menjawab. Masa ialah 45 minit Yang Berhormat.

**3.25 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mula sebelum menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini, ingin saya memberi penjelasan sedikit berhubung dengan kementerian ini Tuan Yang di-Pertua iaitu bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2016, terdapat sebanyak 900,765 perusahaan mikro kecil dan sederhana yang terdiri daripada sebanyak 693,670 ataupun sebanyak 76.5 peratus usahawan mikro. Manakala sebanyak 192,783 atau sebanyak 21.2 peratus perusahaan kecil.

Usahawan yang tidak berdaftar Tuan Yang di-Pertua iaitu usahawan informal pula anggaran berjumlah seramai 1.2 juta orang. Sehingga Disember 2019, bilangan koperasi berdaftar sebanyak 14,625 dengan tiga fungsi koperasi terbanyak koperasi pengguna sebanyak 5,470 iaitu sebanyak 37.4 peratus, koperasi perkhidmatan sebanyak 3,914 iaitu 26.8 peratus, koperasi pertanian sebanyak 3,241 iaitu 22.2 peratus. Selain itu terdapat juga koperasi sekolah sebanyak 2,441, koperasi universiti, IPTA dan IPTS sebanyak 198 iaitu sebanyak 1.4 peratus dan koperasi wanita sebanyak 280 iaitu sebanyak 1.9 peratus.

Berdasarkan maklumat yang disalurkan oleh Suruhanjaya Syarikat dalam tempoh 1 April sehingga 19 Julai 2020, sebanyak 4,541 buah syarikat PKS ditutup, manakala bilangan koperasi terjejas sebanyak 7,000. Dalam menangani COVID-19, kementerian telah melaksanakan Pelan Pemulihan dan Koperasi fasa 1 Tahun 2020 melibatkan peruntukan sebanyak RM131.55 juta.

Agensi di bawah kementerian juga membantu PKS terjejas akibat COVID-19 dengan menggunakan peruntukan dalaman masing-masing. Sebagai contoh, Institut Koperasi Malaysia, peruntukan sebanyak RM4,902,490 menggunakan bajet latihan 2020. Bank Rakyat moratorium, maknanya tidak dibayar *instalment* dan sebagainya hutang sejumlah RM6 bilion dengan penangguhan pembayaran enam bulan.

Bank Rakyat Cares sebanyak RM300 juta dengan penangguhan pembayaran sembilan bulan. *Business Lady* sebanyak RM50 juta penangguhan pembayaran sembilan bulan. Zakat COVID-19 dan *Corporate Social Responsibility* (CSR), berjumlah RM22.9 juta. UDA Holdings pengecualian sewa, diskaun sewaan dan bantuan CSR berjumlah RM18 juta.

SME Bank, *SME Technology Transformation Fund* (STTF) dengan peruntukan sebanyak RM500 juta dan dipecah RM200 juta- dana dari Bank Negara Malaysia, sebanyak RM300 juta dari dana dalaman SME Bank sendiri. Sumbangan zakat perniagaan berjumlah RM300 ribu. Program CSR SME Bank, *business challenge*, kos penganjuran sebanyak RM500 ribu, SME Bank sebanyak 90 hari *business challenge*, kos penganjuran sebanyak RM400 ribu.

### ■1530

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pihak Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa persoalan dalam kementerian ini. Enam orang ahli Yang Berhormat. Pertama isu dana dan peruntukan bagi usahawan perusahaan kecil dan sederhana, PKS dan mikro. Yang Berhormat Pontian telah membangkitkan cadangan pemberian dana selain daripada dana yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia bagi membantu usahawan PKS.

Kementerian menerusi agensi telah menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan PKS. Antaranya pembiayaan TEKUN Nasional, *COVID-19 Business Recovery Mikro* (CBRM). Nama ini *very popular* Yang Berhormat dengan izin berjumlah RM200 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin yang dapat memanfaatkan 26,123 orang usahawan.

Kedua, Program *TEKUN Business Recovery Scheme* (TBR) sebanyak RM100 juta di bawah Pakej Rancangan Ekonomi Penjana dan ini memberi manfaat kepada 2,774 orang.

Ketiga, pembiayaan mudah melalui Program Pembiayaan TEKUN. Ini yang ditanya secara menyeluruh daripada awal cerita TEKUN Tuan Yang di-Pertua iaitu Program TEKUN, bukan soal ada kena mengena dengan COVID-19. Dari tahun 1998 hingga tahun 2020, sebanyak RM5.5 bilion, secara *detail*-nya RM5,488,331,336 yang telah dibelanjakan semenjak tahun 1998. Jumlah yang mendapat manfaat usahawan ialah 380,060 orang usahawan. Kedua ditanya juga pembiayaan TEMAN TEKUN dari tahun 2015 hingga tahun 2020. Sebanyak RM544,219 juta iaitu 76,591 orang usahawan mendapat manfaat daripadanya.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, melalui PENJANA, SME Bank menyediakan peruntukan berjumlah RM2.1 bilion menerusi program iaitu:

- (i) *SME Technology Transformation Funds* (STTF) dengan peruntukan sebanyak RM500 juta dan bahagi dua tadi sudah saya sebut RM200 juta dana Bank Negara dan RM300 juta SME Bank sendiri dan 300 orang usahawan telah mendapat manfaat daripadanya;
- (ii) Skim *SME-Go* dengan peruntukan sebanyak RM1.6 bilion dan memberi manfaat kepada 6,000 orang usahawan;
- (iii) Bank Rakyat menyediakan kemudahan pembiayaan kepada PKS dan Mikro PKS melalui Bank Rakyat Cares, (*BR Cares*) dengan peruntukan sebanyak RM300 juta dan ini memberi manfaat kepada 1,538 usahawan dan koperasi;
- (iv) Program yang kedua ialah *Biz Lady* khusus untuk usahawan wanita dengan peruntukan sebanyak RM50 juta hingga 31 Disember 2020, 65 orang usahawan setakat ini telah mendapat manfaat daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian juga bertanya langkah-langkah dan peruntukan yang disediakan oleh kementerian bagi menambah usahawan PKS. Usaha kementerian untuk menambahkan usahawan di seluruh negara adalah berterusan menerusi semua agensi termasuk badan-badan koperasi dan SKM ataupun suruhanjaya koperasi Tuan Yang di-Pertua.

Agensi-agensi yang disebutkan di sini iaitu SME Corp, SME Bank melaksanakan pelbagai program menambah bilangan usahawan PKS negara. Antara program adalah seperti berikut:

- (i) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dengan peruntukan RM20 juta dan 1,000 orang peserta;
- (ii) Program peruntukan RM2 juta dengan 3,000 usahawan; *Micro Connector*
- (iii) *Technopreneurship Program for Fresh Graduates*, RM5 juta dan 463 pelajar;
- (iv) Program *Women Netpreneur* RM400 ribu dan 400 orang usahawan mendapat manfaat;
- (v) Program *BizWanita* peruntukan RM7.3 juta dengan memberi manfaat kepada 330 orang usahawan;

- (vi) Program *Successful Women Entrepreneur Engagement Talent* (SWEET) peruntukan RM10 juta dan 80 orang usahawan mendapat manfaat; dan
- (vii) Program *Biz Lady* peruntukan RM50 juta dan 665 orang usahawan mendapat manfaat.

Sektor koperasi pula kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia menyediakan pembiayaan tanpa cagaran melalui Tabung Modal Pusingan sehingga RM50 ribu. Sehingga 4 Ogos 2020, sebanyak 65 buah koperasi telah menerima kelulusan bagi pembiayaan tabung ini dengan nilai sebanyak RM3.2 juta.

Isu usahawan bumiputera, Yang Berhormat Pontian juga bertanya data usahawan Bumiputera dan pecahan mengikut jenis perniagaan. Berdasarkan Laporan Bancian Ekonomi oleh Jabatan Perangkaan, terdapat sebanyak 354,700 orang usahawan PKS daripada kalangan bumiputera. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 89.42 peratus ataupun 317,126 orang usahawan menceburi sektor perkhidmatan, 5.28 peratus ataupun 18,746 orang usahawan sektor pembinaan, 4.61 peratus ataupun 16,338 orang usahawan sektor pembuatan dan 0.63 peratus iaitu 2,228 dalam sektor pertanian dan 0.06 peratus atau 230 orang usahawan dalam sektor perlombongan dan pengkuarian.

Yang Berhormat Pontian memohon juga meminta penjelasan usaha bagi meningkatkan usahawan e-Dagang bumiputera. Nampak Yang Berhormat Pontian tidak ada di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pontian tidak ada. Boleh jawab bertulis.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Akan tetapi kalau tidak jawab memang tidak ada jawapan lagi lah saya, sikit-sikit saja. Baiklah saya akur kepada arahan Tuan Yang di-Pertua itu tetapi saya hendak baca juga Tuan Yang di-Pertua.

Tidak mengapalah. Kasihan dengan Yang Berhormat Pontian itu tidak ada. MDEC melalui SME Bank, SME Corp telah menjalankan pelbagai inisiatif dalam menambah bilangan usahawan Bumiputera terutamanya dalam bidang e-Dagang. Inisiatif di bawah Pelan Hala Tuju e-Dagang Kebangsaan (NeSR) merupakan salah satu aktiviti utama yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi Persekutuan dan rakan strategik e-Dagang bagi mempertingkatkan kerjasama aspek latihan dan pembangunan kepakaran dalam bidang e-Dagang PKS.

Pada tahun 2019, sejumlah 45,420 PKS telah dilatih dalam bidang e-Dagang dan daripada jumlah tersebut sebanyak 42,620 PKS iaitu 65 peratus telah pun menceburi perniagaan dalam talian.

#### ■1540

Antara program yang terlibat ialah seperti *Programme Woman Netpreneur*, *Micro Connector* yang melibatkan seramai 3,000 orang usahawan wanita, dalam *Netpreneur* dan *Micro Connector Programme* seramai 3,000 orang usahawan, *MEDAC-MTDC 14.0 Accelerator Programme* yang melibatkan 600 buah syarikat mikro PKS dan koperasi. Ini Yang Berhormat Pontian juga yang menjawabnya tapi saya tidak payah jawab itulah. Secara bertulis saja jawab Tuan Yang di-Pertua.

Dari situ saya pindah kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, Yang Berhormat Beaufort membangkitkan isu bantuan yang diberi kepada usahawan muda wanita. Yang Berhormat Tuan P. Prabakaran, Yang Berhormat Batu memohon penjelasan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam meningkatkan bilangan usahawan wanita. Ini pun Yang Berhormat Beaufort tidak ada kan?

**Beberapa Ahli:** Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak ada.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat Batu pun tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Batu pun tidak ada.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat Batu tidak ada, minta maaf Yang Berhormat Batu. Nanti saya hantar secara bertulis, saya boleh fotostat ini berilah. Tidak apa jawapan ini cukup lengkap panjang juga tapi sayangnya benda ini tidak dibaca.

Berbalik pada Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian ini bertanya, ini yang penting Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bacalah sedikit supaya Dewan mengetahui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, ringkaskan.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ringkas. Penjelasan berkaitan kewajaran pendidikan sekolah rendah, menengah dan universiti dirombak supaya ilmu keusahawanan dapat dijadikan pelbagai subjek yang tetap dan wajib lulus.

Kementerian mengucapkan terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat Pontian ini, cukup baik tetapi pengalaman yang telah saya lalui di NRE dahulu semasa hendak memperkenalkan alam sekitar sebagai subjek dalam kajian di sekolah prosesnya amatlah begitu teliti, kajiannya dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Jadi dalam keadaan sedemikian kita boleh berbincang dengan Kementerian Pendidikan untuk macam mana untuk melaksanakan subjek ini di dalam sekolah. Memperkenalkan keusahawanan sebagai alternatif kepada *employment* pada masa hadapan. Kita setakat ini tidak mempunyai dasar yang khusus mewajibkan pendidikan usahawan ini.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya hanya boleh menyebut yang saya bersedia berbincang dengan Kementerian Pendidikan berasaskan *project* ini. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita telah memperkenalkan koperasi sekolah. Setakat ini kita mempunyai 2,941 buah koperasi yang beroperasi di setiap sekolah di seluruh negara. Universiti juga telah kita perkenalkan, hanya ada sedikit kelembapan sambutan di pihak universiti, hanya 198 buah koperasi di sekolah.

INSKEN sekarang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memberi satu kursus ataupun latihan kepada guru-guru di sekolah yang boleh membimbing koperasi, latihan untuk koperasi. Buat setakat ini 300 telah dilatih dan *target* kita ataupun sasaran kita melatih 700 orang guru untuk kepakaran dalam bidang keusahawanan dan juga koperasi. Jadi Yang Berhormat Pontian lagi ini, banyak juga cerita Yang Berhormat Pontian ini.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** ...Dia mahu jadi Menteri...

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Baru saya pindah dengan Yang Berhormat Tan Sri Noh, saya nampak dia itu panjang itu dia, menunggu jawapan daripada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat Tanjong Karang, minta maaf, salah. Nanti beritahu dengan kementerian di belakang. Pegawai belakang, jangan tulis nama lagi lain kali sebab dia sebut nama ini, jadi saya pun terlupa, *cancel* tadi.

Yang Berhormat Tanjong Karang membangkitkan isu usahawan sukar mendapat pinjaman disebabkan oleh prosedur ketat pihak-pihak bank dan sebagainya. Biarlah saya memberi secara umum Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya perbankan di Malaysia sebagai mana amalan-amalan yang dibuat oleh pihak perbankan dunia bahkan di Amerika mengikut buku *literature* dan artikel yang saya baca masa pengajian saya dahulu mendapati bahawa kenapa bank bersikap demikian.

Bahawa mempunyai prosedur-prosedur tertentu yang mana kadang-kadang payah khususnya oleh *start-up* untuk mendapat pinjaman daripada pihak bank. Apa Yang Berhormat Tanjong Karang sebut memang betul bahawa ada masalah meminjam daripada pihak bank untuk syarikat-syarikat yang khusus baru bermula, yang sudah bermula pula untuk menunjukkan keuntungan, *collateral* dan juga *earns profit*, bukan *projection of the profit* tapi *earns profit* untuk yang telah beroperasi. Ini kadang-kadang tidak dilihat.

Jadi program dan *projection* ataupun apa yang dicadangkan itu walaupun program itu baik kadang-kadang tidak mendapat sambutan. Itulah makanya di negara Amerika *vibrancy*, dengan izin, *of venture capitalists* memberi sumbangan untuk membangunkan usahawan di Amerika.

Akan tetapi dalam keadaan yang sama kita masih melihat pihak bank dan institusi kewangan Malaysia menyumbang 95 peratus sumbangan peruntukan untuk membiayai usahawan di negara ini, kepada usahawan-usahawan. Sebanyak 95 peratus maknanya lima peratus sahaja daripada duit persendirian ataupun sumbangan yang lain untuk usahawan di negara Malaysia. Jadi dalam keadaan sedemikian kita hendak sebenarnya mencari mekanisme supaya kita boleh memberi ataupun menawar kepada pihak usahawan iaitu alternatif *funding*. Contohnya *crowdfunding* dan juga *venture capital funding*.

Setakat ini kita mempunyai senarai syarikat-syarikat yang mahu menjadi rakan kongsi ataupun menjadi *venture* kapitalis kepada usahawan-usahawan tapi ada juga *constrain* Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang telah saya kaji bahawa *venture capital* ini dua *constrain* utama, yang pertama iaitu syarikat asal yang hendak memohon kerjasama dengan *venture capitalist* ini tidak mahu *part* dengan dia punya *share* untuk diserahkan kepada *venture capitalist*, itu satu.

Kedua, kalau dia hendak ambil 100 peratus pinjaman daripada ataupun sumbangan daripada *venture capitalist* itu kos dia lebih tinggi daripada kos bank ataupun kos daripada pihak kerajaan. Jadi ini menjadi satu halangan kepada pihak *businesses* ataupun *entrepreneurs* di negara ini. Di masa COVID Tuan Yang di-Pertua, halangan yang kita hadapi iaitu teknikal.

Contohnya, apabila MCO diperkenalkan maka semua pejabat kerajaan tutup. Walaupun kita beritahu bank, contohnya bank di bawah kementerian saya, SME Bank buka, Bank Rakyat buka, semua buka tetapi masalahnya tiap-tiap bank itu apabila hendak memberi pinjaman bantuan kepada peniaga-peniaga ini ada *legal* dokumen yang perlu dilaksanakan. Kalau *collateral involve* dengan sendirinya dengan izin, badan-badan kerajaan, agensi-agensi kerajaan contohnya Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk penilaian setem tidak buka. Kedua, JKPTG, Jabatan Ketua- apa ini JKPTG?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Beralih...

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Ketawa*] Itu agensi di bawah kementerian...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian itu.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tanah dan galian, ia kena buka untuk mendaftarkan dokumen itu sendiri. Mahkamah, untuk ia punya *power attorney* dan SSM kena buka untuk pendaftaran juga dan *CTOS and CCRIS* mesti beroperasi juga. Di samping itu, pejabat peguam kena dibenarkan beroperasi untuk membuat dokumen-dokumen ini sebelum ia boleh— Jadi semasa itu, masa minggu yang pertama, saya dah bincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan minta kelulusan secara *blanket* supaya agensi-agensi ini diminta turun bekerja, membuka pejabat untuk seluruh negara supaya memudahkan dokumen-dokumen ini didaftar. I

#### ■1550

ni kita buat, Yang Berhormat Tanjong Karang, semasa COVID-19 ini. Jadi, *alhamdulillah*, dapatlah kita melaksanakan amanah kerajaan, sumbangan kerajaan diturun kepada usahawan-usahawan semasa COVID-19 ini.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sikit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanjong Karang hendak mencelah. Sila.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Perkara yang saya bangkit itu mengenai PENJANA. Kita tadi dengar beberapa ratus juta-kerajaan bagi bantuan waktu COVID-19, ertinya di bawah PENJANA.

Soalan yang saya hendak tanya, adakah pihak kementerian menyediakan satu prosedur yang hendak dapat sama ada pinjaman ataupun geran kepada usahawan-usahawan yang terjejas akibat COVID-19? Sebab, saya tengok prosedur ini tidak boleh sama. Prosedur yang Yang Berhormat Menteri cakap tadi betul, itu untuk pinjaman biasa. Akan tetapi, untuk COVID-19 ini bawah PENJANA ini, adakah mengikut prosedur yang sama? Itu satu.

Kedua, Yang Berhormat Menteri cakap fasal latihan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu kursus- saya tengok kesian usahawan ini. Kursus, kursus, kursus.



Sijil bukan main tinggi sijil tetapi akhirnya bila hendak dapat pinjaman, dia bukan tengok kursus ini, dia bukan tengok sijil ini, ikut juga syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri kata tadi. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mencetus dasar yang baharu? Habis sahaja berkursus, terus bagi dia berniaga. Macam konsep *mentor mentee*, saya bagi contoh. Berhentikanlah kursus banyak-banyak ini kadang-kadang. *To be practical*, habis kursus, cari sebuah syarikat yang besar-besar, *attach* di situ, dia sudah habis kursus dekat situ, terus bagi dia modal untuk dia mulakan berniaga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Persoalan Yang Berhormat Tanjong Karang memang bagus, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, prosedur untuk bank, contoh yang saya sebut tadi, saya hanya boleh menjawab bagi pihak Bank Rakyat dan *SME Bank*. Apa yang kita laksana pada masa itu ialah begini, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita lihat dokumen-dokumen yang perlu dibuat, prosedur itu masih perlu dilaksanakan. Kita tidak boleh lari dari mengguna, memakai prosedur-prosedur yang lama ini sebab dia *security document*. Bank tidak akan meluluskan sumber kewangan melainkan *security document* itu telah dibuat dengan betul dan tepat. Itu yang pertama. Jadi, prosedurnya tetap sama.

Akan tetapi, perubahan yang kita buat ialah apabila saya melihat keadaan sedemikian, saya juga memberi arahan kepada Ketua Setiausaha Kementerian saya, KSU saya supaya melihat prosedur-prosedur itu dipendekkan, diringkaskan, dipermudahkan. Jadi, ini telah dibuat. Contohnya TEKUN. Saya bagi contoh. Apabila memohon bantuan daripada TEKUN, tiap-tiap permohonan TEKUN, Tuan Yang di-Pertua, perlukan 17 buah dokumen. Kalau satu sahaja dokumen tidak beri, memang diberi tepi dahulu, hendak lihat yang lain dahulu. Lihat sama ada boleh pakai ataupun tidak. Jadi, tinggalah siapa yang sudah *satisfied* 17 buah dokumen dan yang 17 buah dokumen iaitu semuanya okey, barulah kelulusan boleh difikirkan dan diberi. Ia begitu.

Akan tetapi, dalam masa COVID-19 ini, saya beri arahan supaya kaji semula prosedur-prosedur ini. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa kita telah boleh turunkan, contoh daripada 17 buah dokumen kepada empat dokumen sahaja. Bukan makna yang 13 buah dokumen tidak pakai, 13 buah dokumen itu masih dipakai tapi selepas itu. Lulus dahulu kewangan, salur dahulu keluar, selepas itu barulah kita tengok yang 13 dokumen lagi tinggal itu.

*TEKUN Business Recovery Scheme* (BRS) contohnya, juga perlukan 17 buah dokumen. Selepas itu turun kepada empat buah dokumen. Dulunya 25 hari baru dapat sumber kewangan, tetapi semasa COVID-19, dalam masa tujuh hari sumber kewangan mesti dikeluarkan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, banyak prosedur asal walaupun masih dipatuhi tetapi kita telah pendekkan masa untuk melaksanakannya. Mana yang tidak perlu pada awal, kita ketepikan dahulu, kurangkan sedikit birokrasinya. Jadi, itu kita sebut yang kedua.

Soalan yang kedua tadi iaitu- kedua tadi, Yang Berhormat Tanjong Karang?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kursus.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya, kursus.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dah bagi kursus-kursus, sudah habis kursus, tidak ada juga mula *business*.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa 15 minit lagi, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Nampaknya saya cakup seorang pun tak habis 15 minit sahaja tinggal.

Walau bagaimanapun, kursus ini, apabila saya masuk ke dalam kementerian ini, saya bagi tahu dengan semua agensi yang melaksanakan kursus, saya kata jangan buat kursus sahaja, buang duit kerajaan, buang duit kamu orang sahaja. Kursus mesti diikuti dengan *business* dia sendiri. Ada *business*, ada *coaching*, ada *monitoring*, ada pemantap, semua sekali dibuat. Kalau tidak ada sumber kewangan dia sendiri, kita bagi sumber kewangan dan kita *ready*-kan TEKUN bersama dengan INSKEN contohnya yang beri kursus yang beramai-ramai ini. Kursus ini kita teruskan dengan itu.

Ada satu lagi kursus, Yang Berhormat Tanjong Karang, yang bakal kita laksanakan iaitu untuk graduan *technopreneur* contohnya. Kursus ini dia lebih cantik lagi sebab kita bagi 80 peratus daripada kursus ini akan kita *match* dengan syarikat-syarikat besar. Mereka ini akan diberi pekerjaan. Dan *remainder* 20 peratus ditukar menjadi usahawan, akan disediakan sumber kewangan, kita akan bantu mereka dalam semua segi. Dalam masa 20 bulan itu kita pantau dia sampai dia boleh berdiri di atas kaki sendiri, baru kita lepas dia. Jadi, ini akan kita laksana bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat. Jadi, *insya-Allah*, semua kursus ini bukan dibuat dengan beri kursus sahaja, habis duit sahaja dan tidak dipantau menjadi usahawan akhirnya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu peningkatan yang baharu. Saya sokong.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, satu lagi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serian. Mohon pembinaan Bank Rakyat di Tebedu.

Jadi, Tebedu ini memang tempat yang saya jangka menjadi pusat yang *vibrant* keadaan kehidupannya pada masa hadapan. Apabila ibu negara Indonesia berpindah ke Palangkaraya di Kalimantan Tengah nanti, bayangkanlah orang Indonesia akan berduyun datang ke Sarawak. Saya dah beri arahan ke Bank Rakyat untuk membuat satu kajian yang terperinci. Walaupun kita dah ada dekat Serian buat masa ini kita ada Bank Rakyat di Serian tetapi saya juga minta supaya dikaji keperluan di Tebedu ini untuk selepas ini nanti. Tebedu ini hanya 35 kilometer dari Serian. Jadi, setakat ini belum lagi itu tetapi kita boleh beri kemudahan lain, contohnya *mobile bank* dan juga ejen bank di Tebedu. Masa hadapan, mungkin dalam masa setahun ataupun dua macam itu, *insya-Allah*. Kajian masih dibuat untuk keperluan untuk perbankan di Tebedu, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, daripada Yang Berhormat Batu juga persoalan- oleh sebab Yang Berhormat Batu tidak ada, jadi saya tidak payah jawab. Jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Batu ini secara ringkas saya bagi jawapan. Beliau bangkit soalan usahawan wanita dan koperasi wanita.

Jawapan saya mudah sahaja. Saya dah meminta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri- Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dalam ini tak? Tengok, ada angkat tangan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dah melantik Timbalan Menteri jadi pengerusi untuk memantau kemajuan usahawan wanita dan juga ibu tunggal. Itu pelantikan baharu. Jadi, mungkin bincang dengan pihak Kementerian Kewangan beri elaun tambahan sikitlah untuk kemajuan usahawan wanita dan koperasi. Ini dibuat oleh sebab kita melihat, Tuan Yang di-Pertua, banyak usahawan wanita dan koperasi wanita yang terjejas semasa COVID-19 ini.

#### ■1600

Itulah sebab saya buat keputusan untuk memberi *allocations*, dengan izin, sebanyak RM80 juta daripada RM200 juta yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan untuk membantu wanita semasa COVID-19. Akan tetapi, permohonan ini Tuan Yang di-Pertua adalah sebanyak RM100 juta bukan RM80 juta lagi. RM100 juta permohonan sudah. Jadi, *insya-Allah* kita akan penuhi permohonan ini, Tuan Yang di-Pertua. Untuk wanita.

Jadi, begitu juga koperasi-koperasi wanita yang banyak terjejas sebabnya mereka terlibat banyak dengan *services sector* yang terkesan oleh COVID-19. Inilah penekanannya dan saya mengambil berat soalan ini dan memfokuskan kepada ia. Itulah kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri dilantik mempengerusikan satu Jawatankuasa untuk memantau, membimbing dan membantu usahawan wanita negara nanti dan koperasi-koperasi wanita.

Satu lagi daripada Yang Berhormat Kuantan membangkitkan kesukaran usahawan mikro mendapat 'pensijilan haram', eh minta maaf... [*Dewan Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** [*Dewan Ketawa*] Ya, halal.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ...Pensijilan halal... [*Dewan ketawa*] Yang haram tidak payah siji lagi sudah. Tengah hari ini kena ada itu sedikit Tuan Yang di-Pertua- kalau tidak nampak lesu tengah hari ini. Saya seorang sahaja bercakap tidak mahu berdiri pun.

Kementerian MEDAC mengambil maklum mengenai perkara-perkara yang berbangkit berhubung dengan kesukaran mendapat pensijilan halal dalam kalangan usahawan mikro, memandangkan kurang kefahaman mengenai prosedur mendapatkan pensijilan halal. Justeru, antara program bakal dilaksanakan tahun ini ialah *Halal Outreach Programme for Entrepreneur (HOPE)*.

HOPE merupakan program turun padang atau *reach out* yang bertujuan membimbing usahawan dan koperasi dalam memperoleh pensijilan halal dengan kerjasama pihak JAKIM. Sebagai langkah permulaan seramai 100 orang pegawai MEDAC- Tuan Yang di-Pertua, ini memang bukan untuk polemik politik. Kita sudah minta seramai 100 orang pegawai kita yang akan latih untuk mengetahui pensijilan halal ini. Tentang macam mana kita boleh memudahkan pihak usahawan pergi kepada MEDAC supaya tiap-tiap pegawai itu akan di-*station*-kan, tetap diletakkan di cawangan Bank Rakyat, di cawangan TEKUN dan mereka boleh memberi khidmat nasihat kepada usahawan yang memohon siji halal daripada JAKIM.

Kita bukan mengambil alih tugas JAKIM, kita memberi nasihat dan membantu usahawan-usahawan kita mendapat siji halal daripada JAKIM dengan meletakkan pegawai-pegawai yang telah dilatih dari sudut prosedur dan berbincang dengan pihak JAKIM di tiap-tiap cawangan Bank Rakyat dan di tiap-tiap cawangan TEKUN, *insya-Allah*.

Buat setakat ini, kita latih seramai 100 orang pegawai dahulu selepas itu kita akan tambahkan jumlah pegawai yang kita latih dalam pensijilan halal ini nanti. Jadi, *insya-Allah*, Yang Berhormat daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kuantan.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat Kuantan, ini akan kita laksanakan. Terima kasihlah atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tinggal 15 minit sahaja, tidak payahlah saya seorang berdiri di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tinggal 6 minit.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Beri peluang kasihan dekat Yang Berhormat Menteri dekat sini- saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membuat perbincangan dan memberi soalan kepada saya yang tetapi tidak ada di sini. Oleh sebab patuh dengan arahan Tuan Yang di-Pertua. So, kita hantarkan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bertulis.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Oleh sebab di sini kita tidak payah buat penulisan lagi sebab kita hantar macam itu sahaja sebab semua dia punya *figures and factors* khususnya dari Yang Berhormat Pontian seterusnya...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Masuk, Yang Berhormat Pontian ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih, saya ingin bertanya sedikit dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang banyak menyebut nama saya kerana saya ada kerja sedikit tadi. Ini mengenai Dasar Keusahawanan Nasional 2030- apa yang saya harapkan ialah Dasar Keusahawanan Nasional ini benar-benar boleh mewujudkan jumlah usahawan yang dikehendaki.

Saya ingin tanya, berapa jumlah setahun cadangan usahawan baharu yang ingin diwujudkan dan adakah jumlah itu berkadar dengan sepatutnya dengan jumlah rakyat Malaysia? Jika kita hanya mewujudkan seramai 5,000 ke-10 ribu orang usahawan sahaja saya kira sampai bila-bila pun kita hendak menjadi negara keusahawanan ini agak sukar.

Oleh sebab itu, saya cadangkan- banyak kali cadangan sudah dibuat, saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri pun sudah mengulas betapa pentingnya kita meletakkan kurikulum keusahawanan daripada pelajar Tingkatan 1 sampai Tingkatan 6 supaya apabila mereka keluar- ratusan ribu pelajar Tingkatan 6, Tingkatan 5, lepasan SPM, STPM itu kalau mereka tidak dapat ke institusi pengajian tinggi dan kemahiran tinggi mereka boleh menjadi usahawan. Dua perkara, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Sila, Yang Berhormat Menteri, selama 4 minit lagi.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebenarnya saya sudah ulas secara ringkas tadi. Yang Berhormat, sebenarnya saya berpengalaman- saya ulangkan sekali lagi pengalaman semasa saya dalam Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dahulu. Saya hendak memperkenalkan alam sekitar sebagai mata pelajaran yang diwajibkan di bawah Kementerian Pendidikan untuk anak-anak sekolah dari *kindergarten* hingga ke Tingkatan 6 supaya lebih mengetahui apa sebenarnya alam sekitar dan apa kesan kalau tidak mengetahui.

Di sini- selaras dengan apa Yang Berhormat sebut, iaitu kita hendak membangunkan usahawan berlandaskan Dasar Keusahawanan Negara yang bakal dilaksanakan dan terus dilaksanakan untuk dicapai pada 2030, nanti iaitu semasa kita mencapai hari kemerdekaan.

Tujuannya, ada dua sebab yang besar sebenarnya walaupun tidak ditulis. Satu untuk memberi meningkatkan ekonomi kita sendiri supaya usahawan ini boleh memberi *contributions* kepada kita dari sudut GDP, daripada sebanyak 38.5 peratus sekarang hingga kepada 50 peratus pada tahun 2030, nanti.

Dalam keadaan sedemikian, bukan sahaja kita hendak mengeluarkan usahawan yang ramai sahaja, tetapi usahawan yang berkualiti, berdaya saing dan berdaya maju. Itulah sebab- maka di sebalik apa yang saya sebut ini ialah, yang pertama, kita hendak mengubah sedikit dasar, Tuan Yang di-Pertua iaitu dasar berhubung dengan *social enterprises*. Dasar *Social Enterprise* akan bakal di bentang dua bulan daripada sekarang kalau kita semua- penyediaan *White Paper* dibuat, *insya-Allah* kita akan mempertingkatkan satu lagi.

Kedua, mempertingkatkan jumlah *social enterprise* ini dan memudahkan lagi apa yang dipanggil *social enterprise*. Ketiga ialah, dasar kita untuk mengubah Akta Koperasi 1993. Akta Koperasi 1993 yang ada sekarang ini bertarif pada pendapat British zaman dahulu tetapi kita hendak ubah ikut modul kita sendiri dan kita hendak ubah sedikit secara strukturnya. Dengan perubahan itu nanti, saya cukup yakin koperasi akan bertingkat dan dari sudut koperasi itu kita hendak bimbing koperasi menjadi betul-betul menjadi usahawan koperasi sebenar.

Jadi, ini juga bakal meningkatkan- dalam sudut koperasi, saya sudah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Agama kita dan sudah bersetuju untuk membuat beberapa program yang juga saya melihat boleh mempertingkatkan bukan sahaja jumlah tetapi kualiti pihak koperasi yang terlibat iaitu koperasi masjid untuk seluruh negara.

Kita mempunyai berapa ribu buah masjid dan surau seluruh negara. Akan tetapi, sekarang kita sejumlah kecil sahaja koperasi yang ada. Tadi saya sudah sebut. Jadi ia belum mencukupi. Bayangkan kalau jumlah ini ditingkatkan bukan sahaja daripada segi kuantiti tetapi juga kualiti. Kita mempunyai kepercayaan ia boleh dipertingkatkan. Dari sudut itulah maka Institut Koperasi Malaysia (IKM) dahulunya dipersetujui pada zaman Pakatan Harapan untuk digabungkan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

#### ■1610

Apabila saya mengambil alih kementerian ini, saya berjumpa dengan Perdana Menteri, minta diubah dasar itu supaya saya hendak dua masih wujud sendiri dan saya hendak tukar institut koperasi ini menjadi universiti sepenuhnya. Dari sini nanti, 30 peratus *subject matter* diajar di universiti ini nanti. Akan diajar soal keusahawanan dan soal koperasi. Dengan sendirinya *the quality people will go into the* koperasi dan juga keusahawanan. Dengan itu, saya cukup yakin bakal menambahkan jumlah berkualiti dan juga kuantiti seluruhnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*, semua program kita akan laksanakan secara serentak mulai dari sekarang. *Give us a little time*. Dua tahun lagi boleh lah. Jangan ganggu gugat kerajaan ini. Pakatan Harapan, minta tolonglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *Just sit down there, become a good backbencher.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kita hendak melaksanakan program-program yang baik ini, program daripada kerajaan yang peka, mengetahui dan faham macam mana melaksanakan tugas tanggungjawab kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang ini saya menjemput Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, Hulu Selangor sini. Sini, sini, hujung. Sini, sini. Mohon keizinan sebelum pergi ke kementerian baharu. Saya ingin bertanya giliran untuk menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Titah Diraja bermula dari hari Isnin sampai hari ini. Jadi, kepada Menteri yang tidak sempat bagi jawapan dalam lisan yang dinyatakan, akan bagi jawapan dalam bertulis tetapi sampai hari ini, hari yang keempat kami masih lagi tidak terima jawapan yang bertulis. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Nanti Menteri jawablah. Saya percaya. Isnin ini ada lagi ya. Jawapan dari Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**4.12 ptg.**

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan sesi penggulungan pada hari ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan menyentuh perkara-perkara di bawah perkara tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sepanjang sesi perbahasan usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, dari hari Isnin, 13 Julai hingga hari Rabu, 29 Julai 2020 yang lalu.

Segala cadangan serta pandangan yang telah dikemukakan amat saya hargai dan akan diambil kira untuk perancangan kementerian di masa hadapan *insya-Allah*. Pada hari ini saya akan memberi maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan dan saranan yang telah dibangkitkan dan telah dikemukakan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, senarai 20 orang Ahli Yang Berhormat telah berbahas menyentuh isu MOTAC. Pertama ialah soalan daripada Yang Berhormat Pontian iaitu melaksanakan semula kempen *Visit Malaysia 2020*, dengan izin, selepas wabak COVID-19.

Sebelum saya menjawab ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan di Dewan yang mulia ini untuk Yang Berhormat Pontian, saya rasa lebih baik kita bercakap mengenai hal ini selepas MCO ataupun PKP daripada kita menyentuh mengenai selepas wabak COVID-19 itu *is a very uncertain situation*, dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan dengan cadangan oleh Yang Berhormat Pontian supaya kempen *Visit Malaysia 2020* dilaksanakan semula pada masa hadapan seperti pada tahun 2021, 2022 atau 2023 iaitu apabila vaksin COVID-19 telah ditemui dan dunia pulih daripada penularan wabak COVID-19 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian menyambut baik cadangan dan menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat untuk merancakkan semula industri pelancongan tempatan menerusi penganjuran kempen Tahun Melawat Malaysia. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan kempen berskala besar seperti Tahun Melawat Malaysia memerlukan persediaan yang rapi terutamanya daripada segi peruntukan bajet dan tempoh masa yang wajar bagi membolehkan pra promosi dan pemasaran dalam skala yang besar dilaksanakan bagi menarik pasaran antarabangsa.

Pada masa ini, kerajaan sedang menumpukan kepada usaha-usaha pemulihan industri pelancongan menerusi pelaksanaan pelan pemulihan pelancongan dan kebudayaan yang telah dirangka oleh MOTAC.

Justeru, keputusan untuk melaksanakan Tahun Melawat Malaysia pada masa akan datang adalah bergantung pada faktor-faktor seperti pemulihan sektor pelancongan di peringkat global serta masa yang sesuai ataupun, dengan izin, *right timing*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dari Yang Berhormat Batang Lupar dan juga Yang Berhormat Jelebu. Adakah di dalam ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebelum itu. Tadi mengenai Tahun Melawat Malaysia. Yang Berhormat Menteri, kalau kita tidak berhasrat untuk mengadakannya kerana masalah COVID-19 dan kita tidak tahu ketentuan, bagaimana tentang cara-cara untuk kita membantu sektor pelancongan yang saya kira amat terjejas akibat daripada COVID-19 ini. Dalam banyak-banyak sektor, sektor pelancongan yang paling terjejas pada pandangan kami lah. Berapa puluh bilion agaknya kehilangan kerugian pada negara akibat daripada pelancong yang tidak masuk dan sektor pelancongan yang terjejas ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk membantu mereka, kalau kita telah dengar selama ini kita ada prihatin, PRIHATIN tambahan khas dan juga baru-baru ini PENJANA. Daripada segi kerugian, saya telah menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini daripada Januari sehingga Jun pada tahun ini, kita telah- itu anggaran kita dalam RM45 bilion kerugian kita. Ini hanya setakat bulan Jun, daripada Januari hingga Jun.

Jadi selepas itu nanti kita akan mengemas kini lagi negara ini dengan maklumat yang seterusnya sebab kita akan terus mengkaji dan juga berkongsi maklumat daripada segi *forecast* kita, dengan izin, kepada rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Seterusnya seperti yang dinyatakan tadi, Yang Berhormat Batang Lupar dan Yang Berhormat Jelebu iaitu diskaun 50 peratus untuk warga emas bagi kadar hotel dan pakej percutian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Batang Lupar mencadangkan agar warga emas diberikan kemudahan diskaun sebanyak 50 peratus untuk kadar hotel atau pakej percutian bagi menggalakkan pelancongan domestik. Cadangan ini juga turut disuarakan oleh Yang Berhormat Jelebu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga bilik hotel dan pakej percutian tidak ditentukan atau dikawal oleh kerajaan. Akan tetapi ia adalah bergantung sepenuhnya kepada kuasa pasaran.

Namun, kementerian sentiasa menyokong usaha-usaha positif yang diambil oleh penggiat industri seperti membantu dalam menghebahkan promosi-promosi yang ditawarkan melalui medium kementerian. Pada masa yang sama, suka saya ingin maklumkan bahawa warga emas boleh menikmati potongan harga sehingga 50 peratus bagi tiket ke premis-premis agensi di bawah MOTAC seperti muzium. Malah ada juga tempat-tempat seperti Balai Seni Negara yang boleh dikunjungi dengan percuma. Selain itu, warga emas turut boleh menikmati potongan harga tiket persembahan di Istana Budaya iaitu bagi produksi terbitan Istana Budaya.

Seterusnya juga Tuan Yang di-Pertua, bagi merencanakan lagi industri pelancongan di negeri Kelantan. Yang Berhormat Pasir Puteh ada di dalam Dewan?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Saya sudah selesai dengan Yang Berhormat Jelebu. Ada lagi soalan?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu yang tadi. sebelum Yang Berhormat pergi...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Minta lagi?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Okey, terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat, yang Jelebu minta itu 50 peratus diskaun untuk warga emas itu memang *hoteliers* tidak akan bagi Yang Berhormat. Cuma saya sebut dalam perbahasan saya, kalau kementerian mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk berbincang dengan *hoteliers* kerana itu di bawah MOTAC. Kalau boleh diberikan diskaun untuk warga emas kerana *golf resort* kita bagi 50 peratus. Kereta api kita bagi 50 peratus. Kita juga ada *student rate* untuk pelajar-pelajar universiti dan sebagainya. Kenapa kementerian pelancongan ini. Adakah tidak perancangan masa hadapan untuk kita bincang dengan *hoteliers* ini Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sekurang-kurangnya Yang Berhormat, ketika waktu pandemik ini. Terima kasih.

■1620

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kalau Yang Berhormat pergi ke hotel-hotel sekarang ini, hotel-hotel telah menawarkan sampai 75 peratus. Ada yang 70 peratus, ada yang 75 peratus daripada segi diskaunnya. Namun, apa Yang Berhormat tanya tadi adalah berdasarkan kepada bagaimana kami membantu. Oleh sebab ia masih dalam proses tetapi kita tidak bekerjasama dengan hotel, kita hanya bekerjasama dengan persatuan-persatuan yang berkaitan dengan penggiat industri pelancongan.

Jadi, oleh sebab itu masih belum lagi muktamad, maka saya tidak berani menyebutkan di sini kerana ia masih dalam perbincangan kita. Namun, ia memang ada bukan sahaja dalam perancangan, dalam proses, Yang Berhormat. Akan tetapi kita tidak hanya menyentuh mengenai warga emas tetapi secara menyeluruhnya. Oleh sebab kita nak menggalakkan supaya ekonomi kita dirancarkan semula melalui *stimulus package* yang dibantu oleh kerajaan ini. Namun begitu, apabila telah dipersetujui, kami terpaksa mengemukakan juga dengan MOF dahulu, Kementerian Kewangan. Barulah kami dapat *to publicize it*, dengan izin, kepada orang ramai apa telah kita lakukan dan telah diluluskan oleh kerajaan ya Yang Berhormat, bersabar ya. Terima kasih.

Seterusnya, tadi yang saya nyatakan di sini bagi merencanakan industri pelancongan di negeri Kelantan, Yang Berhormat Pasir Puteh ada di dalam Dewan? Kalau tak ada, tak ada ya? Okey, saya bagi jawapan bertulis untuk dia sebab banyak sangat soalan untuk MOTAC ini. Seterusnya iaitu Yang Berhormat Lumut. Ada di dalam Dewan? *Pass* ya, tak ada. Yang Berhormat Lumut tak ada. Saya pergi ke seterusnya iaitu Yang Berhormat Hulu Selangor. Saya rasa Yang Berhormat Hulu Selangor ada tadi.

Okey, sementara bagi promosi pelancongan di negeri Selangor pula, saya ingin memberi maklum Tuan Yang di-Pertua, maklum balas terhadap cadangan Yang Berhormat Hulu Selangor agar MOTAC membantu membangunkan Hulu Selangor sebagai hab ekopelancongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan ataupun NEP 2016-2025, Daerah Hulu Selangor termasuk di dalam kluster *Selangor State Heritage Park*, dengan izin, yang merupakan salah satu daripada empat kluster ekopelancongan di negeri Selangor. Kewujudan pelbagai tarikan ekopelancongan seperti *Sungai Chiling Fish Sanctuary*; Bukit Kutu; *Sungai Sendat Recreational Forest*; *Serendah Waterfalls*; *Kanching Recreational Forest*; dan Homestay Sungai Tenggi, Hulu Selangor di kluster ini berpotensi besar untuk dipromosikan secara bersepadu di Selangor.

Untuk menggerakkan strategi di bawah NEP ini, MOTAC amat mengalu-alukan Kerajaan Negeri Selangor untuk menubuhkan *destination coordination group* (DCG) bagi membincangkan perkara berkaitan pelaburan dan konsesi pembangunan produk ekopelancongan, latihan promosi dan pemasaran, pemuliharaan dan konservasi dan pengurusan destinasi ekopelancongan secara menyeluruh bersama agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, penggiat industri, badan bukan kerajaan dan komuniti setempat di negeri ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau. Ada dalam Dewan?

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Oh! Yang Berhormat Hulu Selangor.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Ya, satu soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dalam kita sentiasa mempertahankan bangunan yang bersejarah, saya amat terkejut bila membaca satu berita baru-baru ini yang mengenai bangunan yang bersejarah di Bukit Fraser akan dirobohkan untuk pembangunan. Oleh sebab pembinaan itu adalah di sempadan dengan Hulu Selangor. Untuk maklumat, Bukit Fraser itu sepatutnya kita akan mengekalkan kehijauan flora dan fauna. Jadi, ia tak sepatutnya dibangunkan seperti Genting Highlands. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai statut ini. Perobohan bangunan-bangunan bersejarah itu. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Nanti saya bagi jawapan yang lebih spesifik sebab ia tidak berada di dalam kita punya perbahasan hari itu. Jadi, saya akan ambilkan jawapan itu untuk Yang Berhormat ya.

Seterusnya, Yang Berhormat Tawau. Tak ada di dalam Dewan ya? Kalau tak ada di dalam Dewan, sebab beliau ada beberapa soalan di sini. Yang Berhormat Setiu ada di dalam Dewan? Ada?

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu ada.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Ada. Okey, Yang Berhormat Setiu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, jawapan-jawapan bertulis kepada soalan-soalan yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat tanya, kita nak bagi jawapan bertulis. Saya minta semua Yang Berhormat Menteri kah, Timbalan Menteri jawab secepat mungkin. saya percaya mungkin Ahli-ahli Parlimen ada yang nak buat klarifikasi dan sebagainya. Sebaik-baiknya secepat mungkin.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** *Insya-Allah* sebab jawapan ia memang sudah ada. Tinggal yang baru ini, kita akan buat barulah ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri tak nak jawab secara lisan sekarang kalau Ahli-ahli Parlimen tersebut tak ada, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, pertama sekali, *happy birthday* Yang Berhormat ya. *[Tepuk]* Selamat hari jadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Happy birthday.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, yang keduanya ialah tadi Yang Berhormat Tawau tanya soalan dan dia tidak berada dalam Dewan. Akan tetapi kita hendak orang Sabah dengar, apakah projek-projek pelancongan yang dijangka diberikan kepada negeri Sabah? Itu sahaja sebab kena sebut ini, sebab Sabah sedang menghadapi pilihan raya. Kita kena cerita ini, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Sikit, sikit, boleh? Sambungan ke Sabah juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kimanis, silakan.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Ya, saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Arau tadi. Memang Sabah ini sebuah negeri yang mempunyai potensi yang sangat besar dalam industri pelancongan di Malaysia. Akan tetapi apabila COVID-19 melanda, menyerang, industri ini runtuh begitu sahaja.

Jadi maknanya, potensi itu jangan sampai hilang. Jadi, saya minta kementerian barangkali boleh mengambil satu tindakan yang pantas untuk mengembalikan rentak, momentum pelancongan itu supaya jangan putus di negeri Sabah. Saya risau kerana sebahagian besar pendapatan negeri Sabah itu daripada sektor pelancongan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Kimanis. Terima kasih. Sebenarnya, saya juga hendak mengambil peluang ini untuk memaklumkan. Sebenarnya, ada *tax collections* dan juga *distributions to states by MOF*, dengan izin. Ini dimulakan pada tahun 2018 dan 2019. Saya rasa Sabah adalah di antara negeri yang paling besar menerima *tax tourism* ini. Jadi, tahniah kepada Sabahlah. Sabah telah menerima RM25,343,180.46 untuk tahun 2018 dan *distribute* untuk mereka ialah lebih RM12 juta. Pada tahun 2019, lebih RM25 juta dan *distribution* untuk mereka ialah lebih RM12 juta.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah apabila ini diserahkan kepada kerajaan negeri, maka kita minta supaya kerajaan negeri menggunakan *tourism taxes* ini untuk membangunkan infrastruktur-infrastruktur berkaitan dengan pelancongan di setiap negeri mereka. Bukan hanya Sabah tetapi semua negeri. Jadi, itulah keadaan yang berlaku untuk-oleh kerana tadi soalan itu spesifik kepada Sabah, saya hanya menyentuh negeri Sabah ya.



Akan tetapi memang negeri Sabah ialah negeri yang paling besar menerima ini kerana memang industri pelancongan negeri Sabah ini memang begitu hebat sekali yang berbanding dengan negeri-negeri lain. Seterusnya, Yang Berhormat tadi...

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, saya nak tanya sebab- Balik Pulau. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri sentuh mengenai *tourism tax*, cukai pelancongan. Sekarang saya memang dimaklumkan bahawa cukai pelancongan sudah diberhentikan untuk seolah-olah memberi insentif kepada hotel-hotel seluruh negara.

Jadi, dengan tidak ada cukai pelancongan ini, bagaimanakah saluran bantuan kepada negeri-negeri? Oleh sebab macam tadi Yang Berhormat Menteri sebut, Sabah mendapat RM12.5 juta daripada RM25 juta *taxes* yang dikutip oleh negeri Sabah melalui hotel-hotel mereka itu. Jadi, saya nak tahu apakah perancangan seterusnya? Oleh sebab sedangkan *tourism tax* sudah dikecualikan sekarang.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Sebenarnya, tanpa *tourism tax* ini, ini adalah untuk tahun 2020. Akan tetapi peruntukan-peruntukan yang lain masih diteruskan, Yang Berhormat. Kita masih lagi meneruskan untuk membantu negeri-negeri, terutama untuk Rancangan Malaysia Ke-12. *Insya-Allah* negeri-negeri yang telah meminta melalui MOTAC ini, kita akan bantu. Ada juga yang sudah disusun atur dan diluluskan untuk Rancangan Malaysia Ke-12, Yang Berhormat.

#### ■1630

Itu yang *tourism tax* untuk negeri itu adalah untuk kegunaan diri sendiri untuk membangun infrastrukturnya. Terima kasih.

Saya hendak teruskan dengan Yang Berhormat Setiu tadi. Yang Berhormat Setiu...

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Saya Setiu.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** ...Telah membangkitkan isu di mana kenderaan terpaksa bergerak secara mengundur di jeti pelancongan ke Pulau Redang. Di jeti pelancong ke Pulau Redang ekor jeti itu dikatakan sempit. Beliau memohon agar jeti berkenaan dibesarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai kementerian kami telah membuat semakan bagi meneliti isu yang dibangkitkan ini. Dapatan semakan yang dibuat, kami di pihak MOTAC yakin bahawa isu kenderaan terpaksa bergerak secara mengundur di jeti pelancong ini adalah berlaku di jeti di Pulau Redang dan bukannya di jeti di tanah besar- *mainland*, dengan izin.

Jika benar perkara ini adalah sama yang dirujuk oleh Yang Berhormat Setiu, ingin dimaklumkan bahawa jeti-jeti di Pulau Redang adalah untuk kegunaan pejalan kaki sahaja dan bukannya untuk kegunaan kenderaan. Oleh itu, lebar jeti itu, sebenarnya saiz yang wajar dan tidak akan mempunyai sebarang masalah jika hanya digunakan oleh pejalan kaki.

Namun, ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan kenderaan seperti kereta di atas laluan jeti tersebut memandangkan ia dibina bukan untuk kegunaan kenderaan, maka timbul keadaan di mana kereta tersebut tidak boleh membuat pusingan-U tetapi perlu mengundur untuk keluar dari laluan jeti itu. Masalah ini seharusnya tidak timbul dan kita percaya boleh diatasi dengan penguatkuasaan yang baik oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

**Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]**

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai telah membangkitkan dua perkara. Ada Yang Berhormat Lembah Pantai dalam Dewan ini? Okey. Ini Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Balik Pulau, ya. Yang Berhormat Balik Pulau masih ada di dalam Dewan, ya. Yang Berhormat Lembah Pantai telah membangkitkan dua perkara.

Pertama, Yang Berhormat Lembah Pantai mencadangkan agar insentif diberikan kepada institusi-institusi korporat serta individu yang berkemampuan untuk membeli karya-karya seni tempatan dalam belanjawan akan datang. Cadangan ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kerajaan telah pun menyediakan dan memberikan insentif kepada pihak pembeli karya tempatan yang ingin menderma hadiah lukisan ke institusi kerajaan seperti Balai Seni Negara atau Balai Seni Lukis negeri.

Ia berupa pengecualian cukai berbentuk potongan yang dibenarkan daripada pendapatan agregat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam seksyen 44(11). Kami menyambut baik dengan cadangan Yang Berhormat itu untuk pengecualian cukai. Ini turut dipanjangkan kepada pembelian karya seni untuk simpanan sendiri. *Insyallah*, kita boleh bawa untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan, Yang Berhormat.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, sebenarnya, bukan hanya lukisan ataupun *arts* yang saya sebut tetapi saya juga menyentuh tentang pembelian tiket persembahan kebudayaan. Saya sentuh juga tentang ukiran, kraf tangan dan mana-mana yang bersangkutan dengan seni budaya itu patut kita mohon supaya cukai dikecualikan untuk sejumlah- macam kalau di Amerika Syarikat, sesetengah *states* di Amerika Syarikat, dia bagi untuk USD6,000 *per person*. Jadi, saya minta mungkin sejajar apa yang telah ada sekarang ini, kita mungkin panjangkan lagi kepada persembahan dan apa-apa yang bersangkutan-paut dengan seni budaya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya alu-alukan usaha untuk meningkatkan mungkin pelepasan cukai yang lebih. Pada masa yang sama, saya pohon pertimbangan pihak kerajaan untuk meningkatkan dana yang ada pada Balai Seni Visual Negara itu sendiri agar ia mampu untuk membeli lebih banyak karya. Mungkin boleh dipertimbangkan, satu, usaha *repatriation* karya-karya ulung seniman negara yang kini berada di *a lot of places*, dengan izin. Kita tidak hendak karya-karya kita dibeli dan disimpan di *Singapore Arts Gallery* dan di Hong Kong dan di banyak tempat lain tetapi *to bring them back to Malaysia*. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai. Kita ambil maklum. *Insyallah*, seperti yang saya nyatakan tadi sebab apa yang dicadangkan, kita akan kemukakan kepada Kementerian Kewangan sebab itu bukan bidang kuasa kita, ya. Namun begitu, kita mengucapkan terima kasih di atas apa yang telah dicadangkan.

Seterusnya lagi, Yang Berhormat Lembah Pantai, ingin mengetahui status Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah diumumkan pada 6 Januari yang lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Kebudayaan Negara (DKN) pada asalnya dijadualkan untuk dilancarkan pada suku pertama tahun 2020. Dengan perubahan keadaan semasa, perkara ini terpaksa dianjakkan sedikit masanya. Ia akan diumumkan sebaik sahaja apabila dimuktamadkan kelak.

Seterusnya Yang Berhormat Lanang, mohon...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, maaf...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** ...Supaya kementerian mempromosikan baju batik motif Dayak atau Iban dan barang buatan Sarawak ke Semenanjung untuk memajukan industri pelancongan di Sarawak.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Maaf Yang Berhormat Menteri. Sebelum- terima kasih. Berkenaan dengan isu Dasar Kebudayaan Negara, jika boleh dilibatkan juga Ahli-ahli Parlimen yang berminat agar sebarang input boleh juga diberikan.

Sebelum ini, saya pernah berhubung dengan mantan, kalau tidak silap saya, TKSU Yang Berbahagia Tan Sri Noriza. Beliau sudah pencen dan saya rasa banyak yang mungkin- dengan izin, *I'm an art practitioner*. Jadi, mungkin ada beberapa pandangan yang boleh diberikan dan juga ramai rakan yang berkarya pada waktu ini, ingin juga memberikan pandangan tambahan. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat atas minat tersebut, kita ambil maklum juga Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Lanang tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sentiasa berusaha membangunkan dan mempromosikan produk kraf tangan sebagai produk pelancongan, termasuklah baju batik bermotifkan reka corak masyarakat peribumi, khususnya di negeri Sarawak.

Sehingga 30 Jun 2020, seramai 1,022 orang usahawan kraf di negeri Sarawak telah berdaftar di bawah Kraftangan Malaysia dengan penglibatan tenaga kerja seramai 728 orang dan seramai 2,015- komuniti kraf. Daripada jumlah tersebut, seramai 252 orang usahawan iaitu sebanyak 24.7 peratus usahawan dalam bidang tekstil iaitu seramai 14 orang merupakan usahawan batik.

Kebanyakan produk batik yang dihasilkan adalah bermotifkan suku kaum atau etnik seperti Dayak, Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Bagi mempromosikan baju batik bermotifkan suku kaum atau etnik Dayak dan Iban, Kraf Tangan Malaysia telah menganjurkan Festival Kraf Borneo Sarawak 2019 yang bertujuan untuk memperkenalkan dan memartabatkan produk kraf tekstil seperti songket Sarawak, tenunan pua, batik dan produk dan aksesori manik.

Koleksi produk tersebut telah diperagakan dan mendapat kerjasama pereka fesyen terkemuka dari Sarawak iaitu Datuk Tom Abang Saufi, Tanoti pereka Kraf Tangan Malaysia serta usahawan kraf. Kraftangan Malaysia juga akan terus melaksanakan Festival Kraf Borneo Sarawak 2020 yang dijangka pada 23 Oktober hingga 1 November 2020.

Selain itu Kraftangan Malaysia juga mempromosikan produk kraf tangan yang lain sebagai produk pelancongan negara yang menarik dan yang mempunyai keunikan tersendiri. Antara aktiviti pemasaran dan promosi yang telah dilaksanakan Promosi Kraf Malaysia 2019 di Mydin, Petrajaya; Promosi Kraf Malaysia 2019 di Bintang Megamall, Miri; *Rainforest World Craft Bazaar 2019* di *Sarawak Cultural Village*; Pesta Kaul Mukah 2019 di Pantai Kala Dana, Mukah; dan banyak lagi kalau saya hendak sebut di sini.

Selari dengan perkembangan teknologi masa kini, Kraf Tangan Malaysia telah melaksanakan inisiatif pemasaran dalam talian iaitu E-Kraf Bazar iaitu melalui *Facebook group* yang telah diperkenalkan pada 8 April 2020.

Ia diwujudkan untuk mempromosi dan memasarkan produk kraf tempatan secara dalam talian di mana pelbagai produk kraf dalam bidang tekstil, hasil rimba, hasil tanah, hasil logam dan aneka kraf ditawarkan oleh usahawan kraf.

#### ■1640

Penggunaan e-Kraf Bazar ini telah memberi impak yang positif kerana dapat menjimatkan masa dan kos serta berupaya memasarkan produk dengan lebih cepat sepanjang masa. Sehingga 23 Julai 2020, seramai 1,085 orang usahawan telah berdaftar sebagai ahli e-Kraf Bazar di mana seramai 128 orang merupakan usahawan dari negeri Sarawak.

Kraftangan Malaysia turut melancarkan aplikasi *CraftOnTheGo* pada 1 April 2020 bagi menyediakan perkhidmatan secara digital dalam bentuk *mobile apps* kepada masyarakat dalam meningkatkan kebolehcapaian maklumat mengenai usahawan kraf di seluruh Malaysia. Maklumat ini disediakan dalam bentuk direktori yang mengandungi profil usahawan, keterangan produk, imej maklumat, media sosial dan lokasi premis. Ia boleh dimuat turun melalui aplikasi *Play Store* dan *App Store*. Inisiatif ini membolehkan pelancong mengakses secara terus ke tempat usahawan melalui *Google Maps*.

Suka saya hendak kongsi di sini, kita ada buka cawangan kecil kraf tangan di Parlimen ini. Bolehlah pergi melawat di sana dan seterusnya membantu membeli barang Malaysia melalui kraf tangan di sini. Banyak batik termasuk yang ada etnik Sarawak, kalau Yang Berhormat Lanang tadi hendak mempromosikan etnik *design* Sarawak. Saya tahu Yang Berhormat Pontian telah menyokong kita. Daripada dibeli satu sampai beli keempat. Lepas itu dia datang balik.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, beli empat helai baju batik. Terima kasih bagi diskaun [*Ketawa*]

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Jadi, saya menyerulah yang lain untuk ikut apa yang Yang Berhormat Pontian lakukan. Yang Berhormat Lembah Pantai hendak...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya pun hendak beli selepas ini tapi sebelum itu, saya hendak cadangkan juga.

Sebenarnya, Yang Berhormat Menteri, Parlimen ini bila kita bersidang seperti ini, ia masa yang paling sesuai bukan sahaja untuk kraf tangan tapi juga hasil-hasil karya termasuk Balai Seni Negara. Kalau kita lihat di UK Westminster dan juga *Portcullis House*, sering kali menempatkan karya-karya seni. Saya cadangkan selain daripada kraf tangan, kita bawa *permanent collection* daripada Balai Seni Negara untuk dipamerkan sewaktu persidangan Parlimen. Malah, potret-potret yang ingin disumbangkan kepada Parlimen, saya rasa itu satu cadangan yang mungkin boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** *Insya-Allah*, Yang Berhormat. Terima kasih atas cadangan tersebut. Seterusnya Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Tanjong Malim. Ada di dalam Dewan ini?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ada, ada.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Ada membangkitkan persoalan berhubung Program Malaysia Rumah Kedua Ku ataupun *Malaysia My Second Home* (MM2H). Yang Berhormat Bukit Bendera minta kementerian menyemak semula prosedur MM2H supaya boleh dilakukan dalam masa sebulan dan bukannya sehingga akhir tahun.

Saya hendak maklumkan di sini, Yang Berhormat, Program Malaysia Rumah Kedua Ku ataupun MM2H merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia sejak tahun 2002 untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warga asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merencanakan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan dan automobil. Warga asing yang berjaya menyertai program MM2H akan diberikan pas lawatan sosial dengan visa masuk berulang kali untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sejak 18 tahun pelaksanaannya, program MM2H ini belum pernah dikaji semula. Berikutan kawalan kemasukan warganegara asing ke negara sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 yang lalu, kerajaan mengambil peluang untuk menjalankan kajian semula terhadap program ini. Oleh yang demikian, kerajaan telah memutuskan untuk program MM2H dibekukan buat sementara waktu bagi memberi peluang untuk kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan untuk mengkaji program MM2H secara komprehensif.

Antara perkara-perkara yang akan diteliti dalam kajian ini termasuklah kriteria, syarat-syarat, insentif-insentif serta kajian perbandingan dengan program-program luar negara yang setara dengan program MM2H seperti *Citizenship by Investment* (CBI) atau *Residence By Investment* (RBI). Kerajaan juga yakin bahawa hasil kajian tersebut yang akan disinergikan dengan keperluan semasa program MM2H akan memberi manfaat kepada semua pemegang taruh yang terlibat termasuk syarikat berlesen MM2H. Ini juga akan menjadikan program MM2H setanding dengan program seumpamanya di peringkat antarabangsa.

Seterusnya...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Boleh tanya?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Tadi saya mendengar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang mana, Yang Berhormat Menteri? Dua orang berdiri.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Dia jawab Bukit Bendera tadi.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Saya nampak Yang Berhormat Tanjong Malim dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Tanjong Malim.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya setuju dan saya sokong usaha kerajaan untuk menambahbaikkan ataupun kaji semula projek MM2H ini. Cuma, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya jangan polisi ini bersifat retrospektif iaitu permohonan-permohonan lama dari tahun 2019, saya dimaklumkan bahawa ribuan permohonan telah ditendang balik atau ditolak atas sebab kaji balik ini. So, ini soalan pertama. Saya minta supaya jangan bersifat retrospektiflah. Kalau boleh, selesaikan *backlog* yang ada.

Kedua, saya juga ingin minta kementerian supaya membantu perunding-perunding MM2H ini kerana, kalau tak silap, ada lebih kurang 400 lebih syarikat perunding. Dan dari September 2019 hingga Disember 2020, kalau kita mengikut kenyataan MOTAC dua hari yang lepas, dalam tempoh pembekuan ini, mereka tidak ada apa-apa pendapatan. Malah, mereka perlu bayar balik deposit yang sebelum ini dibayar oleh pelanggan. So, saya rasa ini melibatkan satu jumlah yang besar. Saya minta MOTAC boleh tolonglah kawan-kawan kita ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, kami di MOTAC hanya membantu untuk memproses. Namun begitu, apa yang kita bincang di dalam Dewan yang mulia ini akan dicatatkan secara rasminya. Maka, kami akan kemukakan kepada kementerian yang bertanggungjawab terutama yang mempunyai kuasa daripada segi undang-undang untuk melihat secara keseluruhannya dalam bidang yang melibatkan MM2H ini.

Kami tidak ada kuasa undang-undang ya. Kami hanya mempunyai kuasa daripada segi administratif sahaja, Yang Berhormat. Namun begitu, seperti yang saya nyatakan tadi, *insya-Allah*, oleh sebab ia akan direkodkan, maka kita akan kemukakan perkara ini kepada pihak yang berwajib ya. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah? Balik Pulau. Mengenai MM2H juga ya.

Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebab-sebab ataupun isu-isu yang menyebabkan tindakan ataupun keputusan untuk membekukan kesemua permohonan atau *application* MM2H dari bulan September yang lepas sehingga Mac tahun ini?

Kalaulah ia disebabkan ada beberapa orang peserta MM2H yang, dengan izin, *violating the law of the countries*, saya rasa itu patut ditangani dengan tindakan undang-undang ataupun *enforcement*, penguatkuasaan, daripada kita ada lima enam orang yang salah, kita ambil semua yang *genuine application* terpaksa kita tangguh. Ini secara tidak langsung menyebabkan imej negara kita tidak setanding dengan negara jiran yang begitu agresif untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Soalan saya, bagaimanakah untuk menangani- berapa lama lagi kah kementerian hendak ambil masa untuk mengkaji? Sebab, saya rasa ini kena buat secara secepat mungkin, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin dalam perkara ini.

#### ■1650

Okey, pertama sekali apabila waktu PKP ini, kita dapati isu yang berlaku di sini adalah apabila ada perkara-perkara tertentu yang perlu dikaji semula kerana dilihat ada kelemahannya. Ia bukan kerana ada yang salah daripada segi *criminal* kah apa, tetapi ia oleh sebab telah menampakkan kelemahan dan wujud peluang untuk kita menambah baik keadaannya. Jadi, antara perkara-perkara yang akan diteliti, termasuklah kriteria seperti yang saya sebutkan tadi dan insentif-insentif serta kajian perbandingan dengan program-program luar negara- kita hendak melihat perbandingan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini pun telah berlaku satu kajian, satu *lab* juga yang mana kita daripada MOTAC bekerjasama dengan agensi-agensi ataupun kementerian yang lain untuk melihat secara keseluruhannya. Pegawai-pegawai dari MOTAC telah membantu untuk memberi pandangan bagi pihak kita tentang bagaimana kita boleh membantu untuk memperbaiki keadaannya.

Jadi, itu bukan hanya satu keputusan oleh MOTAC kerana kami juga bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain. Maka, oleh sebab peluang ini peluang terbaik untuk kita mengemas kini prosedur dan juga mungkin daripada segi insentifnya serta kriterianya, mungkin ia akan menjadi satu program yang lebih efektif dan komprehensif, *insya-Allah*. Ini kerana, kita tahu ini menjana satu projek yang boleh menjanakan ekonomi untuk negara, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara berhubung pelan pemulihan dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada industri pelancongan akibat penularan COVID-19 ini. Ada lapan orang iaitu Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang pernah saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia sebelum ini, penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar, bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan, malah turut memberi kesan kepada industri pelancongan global.

Justeru, MOTAC telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan, dalam usaha membantu industri pelancongan dan kebudayaan untuk bangkit semula.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejayaan Malaysia dalam membendung penularan pandemik COVID-19 telah membolehkan sektor pelancongan domestik beroperasi semula bermula 10 Jun 2020 yang lalu. Ini terutamanya kepada penggiat industri pelancongan untuk merencanakan semula aktiviti pelancongan yang terjejas teruk ketika tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB yang lalu.

Bagi memastikan industri pelancongan kembali aktif, kementerian telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan melalui strategi-strategi jangka pendek dan sederhana iaitu:

- (i) memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong melalui Kempen Malaysia Bersih dan Selamat;
- (ii) merencanakan semula pelancongan domestik;
- (iii) meneroka potensi ketibaan pelancong asing melalui pelancongan rentas sempadan- *cross-border tourism*, seperti mengadakan gelembung perjalanan- *travel bubble*, dengan negara-negara jiran atau destinasi-destinasi zon hijau; dan
- (iv) memberi keutamaan kepada segmen yang telah dibenarkan oleh kerajaan seperti pelancongan, kesihatan, taman tema dan MICE iaitu *meetings, incentives, conferences and exhibitions*, dengan izin.

Pada peringkat permulaan, MOTAC...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sedikit? Saya juga ada membangkitkan isu yang sama tetapi nama Kimanis tidak disebut dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Akan tetapi, tidak mengapa, mungkin- barangkali akan di-*check* balik dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Cuma, satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini Yang Berhormat Menteri ialah soal pekerja-pekerja yang terlibat dengan sektor pelancongan di negara ini dan di Sabah terutamanya, mereka banyak kehilangan kerja akibat tidak ada aktiviti pelancongan yang sedang berjalan. Kebanyakan mereka bekerja sebagai *tour guide*, sudah hilang pekerjaan. Barangkali pihak kementerian boleh memberikan satu langkah yang terbaik bagaimana membantu pekerja-pekerja yang terlibat dengan sektor pelancongan ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya semasa MCO atau PKPB ini, kami di MOTAC telah membantu terutama daripada segi untuk *upskilling*, dengan izin, untuk melatih semula mereka ini yang bekerja dengan penggiat industri pelancongan, antaranya ialah *tour guide* tadi. Ini kerana, kita tahu bahawa mereka lah yang paling terkesan. Namun begitu, ada juga program-program lain yang telah dianjurkan oleh kerajaan. Ini sebenarnya jawapan yang diberi melalui Kementerian Sumber Manusia yang telah memperkenalkan tiga program.

Pertama, Program Pengekalan Pekerjaan, atau *Employment Retention Program* (ERP) yang merupakan bantuan segera sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja yang diminta bercuti tanpa gaji akibat penularan pandemik ini. Walaupun ini bukan dalam bidang kuasa kita, tetapi oleh sebab ia melibatkan mereka yang bertugas dalam industri perhotelan.

Kedua, Program Subsidi Upah yang bertujuan untuk membantu majikan yang terkesan untuk meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Bantuan kewangan dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah berdasarkan saiz perusahaan.

Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja atau *Hiring Incentive and Training Programme*, dan program latihan di bawah PENJANA. Program Insentif Pengambilan Pekerja bertujuan merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan pencari kerja tempatan yang terkesan. Program latihan yang menyediakan latihan semula atau *reskilling* yang saya sebutkan tadi, *and upskilling* berdasarkan keperluan majikan dan pekerja. Majikan dan pencari pekerja diminta untuk berdaftar dengan Portal Pekerjaan Negara (PPN) iaitu *MyFuture Jobs* agar proses berhubung dengan insentif ini dapat disalurkan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya habiskan hanya dalam soalan ini. Sebenarnya banyak lagi, kalau yang lain itu tidak menerimanya, saya akan memberi jawapan bertulis. Akan tetapi, dalam hal ini, jawapan untuk lapan orang tadi termasuk-dan tambahan lagi Yang Berhormat Kimanis, kerana tidak disentuh di sini tadi kan. Saya akan minta supaya dimasukkan sekali untuk Yang Berhormat Kimanis.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Sekejap, biar saya habiskan ini sebab kita- saya tidak mahu mencuri masa orang.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Kementerian Pelancongan...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Biarkan saya habiskan. Kalau- Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Merupakan satu kementerian yang penting...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Boleh kah beri masa yang lebih kepada kementerian ini?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Mungkin soalan Yang Berhormat ada dalam jawapan ini ya. Tunggu sekejap ya. Kalau adanya dalam jawapan ini, kita tak perlu soal lagi.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya hendak penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang merencanakan pelancongan dalam negeri. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Hari ini, kalau kita hendak menggalakkan rakyat tempatan untuk melancong dalam negeri, tetapi masalah sekarang adalah, mereka tidak mempunyai wang yang berlebihan untuk pergi melancong.

Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, adakah sebelum ini- kita pernah kata kita hendak adakan satu program yang dinamakan *Digital Tourism Voucher* yang mana kita akan memberikan kepada rakyat seorang sebanyak RM100 untuk menggalakkan mereka pergi melancong dengan menggunakan baucer tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan Yang Berhormat. Soalan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Adakah program ini akan dilanjutkan atau diadakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan akhir ya. Yang Berhormat Menteri nak jawab, jawab. Kalau tak, jawapan bertulis.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kata biarkan saya habiskan ini dulu. Mungkin ada tersirat dalam jawapan ini ya. Saya hendak habiskan ini untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** ...*To complete the answer for this particular issue.* Terima kasih. Pada peringkat permulaan, MOTAC telah melaksanakan lima tindakan utama iaitu:

- (i) menggalakkan rakyat kembali melancong dalam menyemarakkan semula industri pelancongan domestik negara melalui tawaran-tawaran oleh penggiat industri pelancongan seperti perhotelan;
- (ii) menggerakkan semula produk-produk dan aktiviti-aktiviti di bawah sektor pelancongan untuk kembali menjana pendapatan dan menyumbang kepada ekonomi negara; dan

- (iii) membenarkan lawatan pengunjung ke semua premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan.

■1700

- (iv) membenarkan penganjuran program dan acara berbentuk kebudayaan dan kesenian berdasarkan prosedur operasi standard acara langsung bermula 1 Julai 2020; dan
- (v) menggalakkan komuniti pelancongan, mengamalkan pembudayaan baru dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard yang telah ditetapkan sebagai norma baru aktiviti pelancongan di Malaysia.

Seterusnya, bagi tempoh masa jangka panjang kementerian akan terus komited melaksanakan pelancongan lestari- *smart tourism* yang disebutkan tadi serta meningkatkan pendapatan pelancongan seiring dengan agenda *Sustainable Development Goals 2030* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertujuan untuk melindungi, memelihara dan memulihara alam sekitar, seni budaya dan warisan. Bantuan ya Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kerajaan telah menyediakan insentif dan bantuan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS Tambahan dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang boleh dimanfaatkan oleh pemain industri pelancongan dan perhotelan di seluruh negara.

Bantuan yang diumumkan ini telah mengambil kira permohonan oleh penggiat industri pelancongan seperti:

- (i) *Malaysian Association of Hotels (MAH)*;
- (ii) *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)*;
- (iii) *Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA)*;
- (iv) *Malaysian Association of Tour & Travel Agents (MATTA)*;
- (v) *Malaysian Inbound Tourism Association (MITA)*; dan sebagainya.

Ia bukan sahaja bertujuan untuk meneruskan kelangsungan aktiviti sedia ada, malah boleh turut digunakan untuk menambah baik produk-produk industri pelancongan.

Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua banyak lagi, *insya-Allah* saya akan sebab jawapan sudah ada di sini. Kita cuma hantar saja kepada mereka yang telah menanya soalan. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri sesi penggugungan usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda bagi Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya pada hari ini, suka saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia di luar sana untuk bersama-sama semarakkan semula pelancongan domestik dan menyokong seni dan kebudayaan kita.

Terokai produk ekopelancongan dan lawatilah destinasi-destinasi pelancongan di negara kita.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Kenali dan harga seni pakaian, tarian, hiburan dan kebudayaan orang kita. Sokonglah dan gunakan produk kraf hasil seni tangan rakyat kita. Namun, pada masa kita mengembara jangan kita alpa dan jangan kita abaikan tanggungjawab kita di era norma baharu bagi mengelakkan daripada berlakunya gelombang ketiga. Saya menyeru kepada rakyat Malaysia untuk terus komited mengamalkan kelaziman baharu seperti penjarakan fizikal dan kebersihan sendiri yang tinggi yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan.

Sesungguhnya kita tidak mahu keringat dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh petugas barisan hadapan menjadi sia-sia. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan...

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri boleh sebelum...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, teguran, saranan dan cadangan dalam memajukan sektor pelancongan seni dan budaya. Selamat menyambut hari kebangsaan.



**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri boleh? Boleh saya...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri, minta jawapan bertulis sahaja.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, ada tadi yang masih lagi hendak menanya soalan, saya boleh dipanggil untuk kita berbincang sebab kalau di sini lagi saya ambil masa. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan...

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Betul, betul saya hendak jawapan bertulis untuk isu yang saya bangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Balik Pulau sudah banyak kali berdiri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Banyak, sebenarnya banyak lagi Yang Berhormat.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Tak saya hendak tanya.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Untuk makluman Yang Berhormat banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tak apalah Yang Berhormat, Yang Berhormat jumpalah Yang Berhormat Menteri, ajak minum teh tarik.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** *[Ketawa]* Happy birthday.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ini ada dua lagi kementerian. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Boleh. Sebab banyak lagi Yang Berhormat saya minta maaf saya tidak dapat menjawab semuanya di sini tetapi *insya-Allah*...

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Sebab, sebab...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Kalau tak menerima jawapan bertulis sila maklumkan saya. Sebab jawapannya semua sudah disediakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada dua lagi kementerian.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Menteri, *happy birthday* ya Tanjong Malim pun hendak minta jumpa nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dua lagi kementerian. Hari ini hari Khamis malam Jumaat *[Ketawa]* saya tidur seorang, bangun seorang. Jadi, Yang Berhormat yang hendak cepat, cepatlah Yang Berhormat Menteri ya. Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

#### 5.04 ptg.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Membaca selawat].* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dalam sesi perbahasan ke atas perbahasan usul menjunjung kasih ke atas Titah Yang di-Pertuan Agong bagi sesi Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas di Dewan yang mulia ini.

Untuk penggulungan ini, saya akan memberikan maklum balas dan juga penjelasan terhadap perkara yang akan dibangkitkan oleh empat orang Ahli Yang Berhormat melalui tujuh urutan tertib seperti berikut:

- (i) perbandingan harga, langkah-langkah menstabilkan harga agrikomoditi dan bantuan kepada pekebun kecil;
- (ii) penerokaan pasaran baru bagi agrokomoditi;
- (iii) bantuan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap penanaman agrikomoditi;

- (iv) pembangunan industri getah;
- (v) Pensijilan Minyak Sawit Mapan Malaysia (MSPO);
- (vi) perubahan slogan kementerian; dan
- (vii) kekurangan tenaga kerja di ladang sawit.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama yang diperjelaskan ialah berhubung pertanyaan Yang Berhormat Pontian mengenai perbandingan harga agrikomoditi pada 2 April 2018 dan 20 Februari 2020. Yang Berhormat Pontian ada kah tidak?

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Pontian tidak ada.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Yang Berhormat Pontian tidak ada, tidak payah jawablah agaknya. Tidak perlu jawab ya sebab tidak ada tidak payah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terpujang.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Saya bagi jawapan bertulis sahaja. Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Hulu Selangor ada?

**Seorang Ahli:** Tak ada.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Kalau tidak ada kita boleh rehat sikit. Jawapan bertulis sahaja. Cuma saya sebutkan sedikitlah untuk makluman kepada semua Yang Berhormat yang hadir dan juga rakyat berkaitan dengan isu kaedah dan juga cabaran menstabilkan harga agrikomoditi utama seperti sawit, getah dan lada kerana harga agrikomoditi ini bergantung pada pelbagai faktor antaranya senario pasaran harga di peringkat global yang turut dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi, permintaan, penawaran dan juga stok.

Penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan sedikit sebanyak permintaan untuk keluaran sektor agrikomoditi ini yang menyebabkan kejatuhan harga. Justeru langkah terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah:

- (i) memberikan pengecualian duti eksport minyak sawit mentah iaitu CPO, Minyak Isirung Sawit Mentah (CPKO) dan Minyak Isirung Sawit Diproses (RBDPKO) sehingga 31 Disember 2020, seperti yang diumumkan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi tujuan pengurusan paras stok dan penstabilan harga CPO negara;
- (ii) meningkatkan adunan bio bahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B20;
- (iii) bekerjasama dengan Indonesia melalui platform *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) yang turut disertai oleh negara yang lain seperti Colombia, Ghana dan juga Honduras;
- (iv) meningkatkan peluang pasaran dan seterusnya meningkatkan penggunaan minyak sawit di kalangan pengguna di negara-negara pengimport melalui perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala;
- (v) meningkatkan kerjasama dengan negara pengeluar utama getah seperti Thailand, Indonesia dan juga Malaysia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Counsel* (ITRC);
- (vi) meneroka pasaran baharu bagi semua agrikomoditi melalui aktiviti promosi dan juga pepadanan pasaran baharu dengan pengilang tempatan dan pembeli di luar negara; dan
- (vii) menjalankan misi-misi ekonomi dan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara pengimport utama.

Walaupun dalam situasi COVID-19 yang melanda dunia, misi kita laksanakan menerusi atas talian dan kita telah melaksanakan tujuh *webinar* yang diadakan oleh MPOB dan juga MPOC dengan tujuan mempromosi komoditi sawit. Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu pekebun kecil agrikomoditi meningkatkan pendapatan dan juga mengatasi cabaran yang dihadapi oleh...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya sikit sebelum Yang Berhormat pergi topik itu.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Okey.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Boleh, boleh.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan minyak CPO atau minyak sawit tadi, minyak sawit mentah, saya percaya Yang Berhormat Menteri juga sedia maklum bahawa terbaru ini ada isu yang dibangkitkan oleh *European Food Safety Authority*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kandungan 3MCPD di dalam minyak sawit. Kita mengambil pendirian dalam CPOPC seperti Yang Berhormat sebut tadi bahawa tidak boleh ada diskriminasi minyak sawit dengan minyak yang lain.

Saya ingin tanya kementerian, apakah pendirian kementerian sekarang berkaitan dengan kandungan 3MCPD ini?

#### ■1710

Ini kerana baru-baru ini dilaporkan oleh *Reuters* misalnya, kita mengambil pendirian yang berbeza. Terkeluar daripada kerangka CPOPC itu dan tidak bersama-sama dengan Indonesia dalam hal ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan ini telah saya jawab dalam soal jawab sebelum ini. Akan tetapi untuk makluman, saya sebut sekali lagi lah iaitu isu 3-MCPD ini. Ada permintaan daripada industri untuk mereka mengguna pakai kaedah yang membolehkan mereka masuk ke pasaran Eropah. Oleh sebab itu kita masih dalam proses perundingan dengan mereka untuk kita berikan apakah pandangan akhir kita melibatkan 3-MCPD. Untuk sektor sawit, untuk kita...

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Sedikit, terima kasih. Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport utama beberapa komoditi seperti minyak sawit dan lain-lain menerima kesan harga komoditi akibat industri yang termasuk dalam *fragile industry* iaitu industri rapuh. Maka adakah kerangka yang telah disebutkan tentang kawalan untuk harga komoditi ini dikawal pada masa akan datang yang telah diberikan. Akan tetapi, adakah juga apa yang telah berlaku menjadi suatu yang akan dilihat supaya ia tidak akan berulang pada masa-masa yang akan datang, yang menyebabkan harga komoditi kita ini jatuh. Ini perlu diberikan perhatian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, untuk makluman Yang Berhormat, harga komoditi ini bergantung kepada pasaran dunia dan ia berada di luar kawalan kita. Umpamanya apa yang berlaku sekarang pandemik COVID-19 di luar kawalan kita. Akan tetapi apa yang kita boleh buat ialah dasar-dasar umum yang mengerakkan ke arah penstabilan harga.

Seperti saya sebutkan tadi contohnya, kita buat pelepasan duti eksport untuk CPO supaya kita dapat rancakkan lagi permintaan terhadap minyak sawit kita. *Alhamdulillah*, bila mana kita umumkan seumpama itu, walaupun baru sahaja akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2020 yang lalu tetapi kesannya kita dapat lihat dengan peningkatan harga yang sangat ketara terhadap CPO dan terkini pun harga yang sangat tinggi iaitu sekitar RM2,800 untuk satu tan, itu contohlah. Macam mana kita bergerak untuk menstabilkan dengan kaedah umum. Walaupun tidak banyak memberi kesan tetapi sekurang-kurangnya memberi kesan yang baik untuk jangka masa pendek. Untuk sektor sawit, untuk kita...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tadi saya tidak ada, sekarang saya sudah ada.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Baru masuk Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih kerana bagi vitamin apa ini? NATRIÉO- entah apa kah bendanya. Ini daripada kelapa sawit agaknya, boleh cerita sedikit fasal ini selain daripada menjawab soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** *[Ketawa]* Ini soalan nakal ini. Baik, apa yang saya edarkan itu untuk menyatakan bahawa dalam kandungan minyak sawit itu ada bahan yang sangat baik untuk kesihatan iaitu vitamin E daripada keluarga *Tocotrienol*. *Tocotrienol*- satu keluarga...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Setiap orang kena dapat Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, saya bagi kepada semua secara percuma. Itu yang kita galakkan untuk diambil sebagai makanan harian kitalah, sebagai makanan tambahan atau *supplement food*, itu menunjukkan bagaimana hebatnya sawit yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada kita. Mana yang belum dapat boleh hubungi balik saya pejabat saya untuk mendapatkannya secara percuma. Baik untuk sektor sawit...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri, kenapakah sini tidak ada?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Oh! Kenapakah tidak ada? Tidak ada definisi, barangkali belum sampai lagi, boleh hubungi balik pejabat saya untuk dapat secara percuma.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dahulu apabila saya jadi Menteri...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Saya rasa stok dalam...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya bagi minyak sawit kepada semua... *[Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Saya ingat Yang Berhormat Seputeh masih lagi banyak stok.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Semua pegawai, Parlimen juga ada. Akan tetapi kini saya jadi pembangkang, tidak ada...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini untuk lelaki kuat sedikit.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Yang Berhormat, saya rasa ini sudah terlebih stok...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Ini pegawai-pegawai Yang Berhormat diskriminasi. Yang Berhormat perlu semak pegawai-pegawai Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Sebelah sini pun bukan semua dapat lagi.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Tidak dapat lagi?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Belum lagi. Jadi sebelah sana sabarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, tidak mengapa, tidak mengapa. Saya pasti Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua semua pun tidak dapat juga tetapi tidak mengapa *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Okey, nanti saya hantar kepada Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya hendak tanya fasal getah sikit?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Baik, untuk sektor sawit, untuk kita meningkatkan pendapatan dan juga mengatasi cabaran yang saya sebutkan tadi. Untuk sektor sawit antaranya kita menggalakkan pekebun kecil sawit menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) dengan insentif diberikan sebanyak RM200 ribu diberikan kepada KPSM bagi tujuan pembinaan pusat timbang untuk menjalankan urusan niaga jual beli Buah Tandan Segar (BTS).

Kalau kita tengok angka sehingga kini sudah ada sebanyak 63 buah KPSM, 45 buah telah memiliki pusat timbang manakala 12 lagi dalam proses pembinaan dan enam lagi dalam proses mencari tapak yang sesuai.

Seterusnya, ialah memperkenalkan Skim Pembiayaan Mudah (SPM) tanpa faedah sebagai modal pusingan berjumlah RM100 ribu bagi meningkatkan urusan jual beli BTS daripada pekebun kecil kelapa sawit di pusat timbang milik KPSM. Adapun berkaitan sektor getah, kementerian memperkenalkan aplikasi RRIM Niaga yang boleh digunakan oleh pelesen untuk merekodkan urusan niaga getah bagi mempercepatkan proses permohonan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dari Lembaga Getah Malaysia.

Terkini, pada Januari '2021' nanti semua pembeli getah berlesen diwajibkan menggunakan aplikasi ini supaya semua rekod jual beli getah terus sampai ke sistem LGM, maka penoreh tidak perlu lagi mengisi borang ataupun membuat tuntutan secara manual.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Boleh Yang Berhormat Menteri, fasal getah?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya melihat pihak kementerian ada sebuah agensi iaitu Lembaga Getah Malaysia. Cuma kita dengar dalam pasaran dia hendak membantu untuk rakyat di bawah untuk buat jalan. Akan tetapi yang kita lihat dunia mengiktiraf Malaysia ialah sarung tangan getah. Sejauh mana pihak kementerian membantu kilang-kilang buat *glove* ini untuk memastikan *latex* ini juga- getah *latex* ini boleh diusahakan oleh rakyat biasa? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, menarik soalan daripada Yang Berhormat Gerik tadi. Isu sarung tangan getah perubahan yang menjadi sebahagian daripada keperluan dunia pada hari ini, kita hanya mengeluarkan sekitar 10 per cent sahaja daripada keperluan *latex* sedangkan *latex* digunakan untuk membuat sarung tangan getah perubahan ini.

Maka kementerian bergerak untuk mewujudkan satu yang kita namakan Koridor Latex Timur iaitu antara negeri Kelantan, Terengganu dan juga Pahang, bertujuan untuk meningkatkan lagi kadar pengeluaran getah *latex* ini dan ia akan membantu untuk syarikat pembuatan sarung tangan getah maju ke hadapan lagi, *insya-Allah*.

Untuk sektor getah, seterusnya kita laksanakan pula mekanisme penetapan harga di ladang dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi untuk tujuan urusan niaga getah. Mekanisme ini dapat mengurangkan lapisan pembeli dan menawarkan harga *cup lump* kepada purata 10 sen sehingga 20 sen sekilogram, lebih tinggi berbanding pembeli getah yang lain.

Untuk sektor lada pula, kementerian menyediakan Bantuan Input Pertanian Pekebun Kecil Lada. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) 2020 berjumlah RM3,000 bagi satu hektar yang diberi secara *one-off* melalui pemberian baucar. Ia dapat dimanfaatkan oleh 13,607 orang pekebun dengan peruntukan semua berjumlah RM16.11 juta.

Untuk sektor koko pula, kementerian menggalakkan pekebun kecil koko untuk menjadi ahli Koperasi Kluster Koko bagi membantu meningkatkan pendapatan dengan penjualan biji koko kering dan penjualan produk coklat. Kedua, menyediakan Bantuan Input Pertanian dan juga peralatan pertanian di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) tahun 2020 berjumlah RM2.69 juta Malaysia bertujuan untuk dimanfaatkan oleh 4,566 orang pekebun.

Untuk sektor kenaf pula, kita menyediakan insentif penanaman kenaf sebanyak RM2,385 per hektar dan RM2,955 untuk benih, yang tadi untuk batang kenaf. Insentif belian balik batang kenaf pula dan benih masing-masing pada kadar RM500 per tan dan juga RM15 per kilogram. Terkini kita tambah lagi pembelian balik ini dengan kadar RM700 lebih untuk per tan. Bererti kalau seorang penanam kenaf ini untuk tempoh satu musim selama empat bulan, mereka boleh mendapat *income* sekitar RM7,000 lebih untuk satu projek di keluasan satu hektar.

Seterusnya, menyalurkan Bantuan Input Pertanian pekebun kecil di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) 2020 berjumlah RM968,680, seramai 1,357 orang pekebun kecil yang terlibat dengan keluasan keseluruhan tanaman seluas 1,937 hektar melalui pemberian RM500 per hektar yang diberikan secara *one-off* melalui pemberian baucar.

■1720

Terakhir, menubuhkan pusat *Research Innovation Technology and Incubation of Small Enterprise* bagi melahirkan usahawan kenaf dalam aktiviti nilai tambah dan program Kenap Untuk Rakyat (KUR) ini untuk memanfaatkan 100 orang peserta perintis bagi memproses *fiber premium* mulai tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan meninjau...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** ...Pelaksanaan langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang ke arah memperkukuhkan lagi harga agrikomoditi.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Saya sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang subsidi ataupun bantuan yang lebih bersifat input. Yang Berhormat Menteri telah pun menjawab soalan saya berkaitan dengan subsidi output berdasarkan prestasi.

Saya hendak menjurus terus kepada koko. Kita tahu masalah koko ini walaupun daripada segi *downstream* nya ialah jumlahnya banyak, berbilion-bilion Ringgit tetapi daripada segi *upstream*, kita berhadapan dengan masalah. Saya baca dalam jawapan Yang Berhormat Menteri berikan kepada saya dalam RMKe-12, kita hendak mohon peruntukan. Boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan sebanyak mana peruntukan ini dan apakah ia efektif? Bagaimanakah untuk pastikan ia efektif untuk menghasilkan banyak *upstream*?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, terima kasih. Seperti mana yang dimaklumi oleh Yang Berhormat sendiri iaitu dari sudut *upstream* nya, kita masih lagi di peringkat yang sangat rendah. Kadar mereka yang terlibat dalam bidang *upstream* ini. Maka, saya melihat perlu untuk kita perkasakan *upstream* ini di peringkat hulu ini supaya lebih ramai lagi B40 yang dapat terlibat dengan aktiviti penanaman koko dan akhirnya memberikan *income* yang baik untuk mereka terutamanya di negeri Sabah, negeri yang kita tahu ramai B40 di situ.

Oleh sebab itu kita masukkan cadangan kita untuk RMKe-12 untuk kita bantu mereka mendapatkan peruntukan. Perinciannya kita akan masukkan nanti dalam perbahasan di peringkat RMKe-12.

Juga apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang *output*. Untuk kenaf sebagai contohnya, kita berdasarkan pembelian balik kenaf yang mereka hasilkan untuk per hektar. Kalau dahulu RM500 per tan, sekarang kita beri RM700 lebih per tan. Bererti mereka akan dapat dalam masa empat bulan. Bagi satu hektar akan dapat RM7,000 lebih. Itu cukup untuk mereka bangkit sebagai seorang peladang yang berjaya, *insya-Allah*.

Seterusnya, Yang Berhormat Hulu Selangor membangkitkan isu berkaitan dengan penerokaan pasaran baharu dan kerjasama dengan negara pengeluar agrikomoditi. Dalam meningkatkan pemasaran minyak sawit keluaran negara, antara langkah yang sedang diambil oleh kementerian adalah:

- (i) memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara India, China, Pakistan dan juga Turki;
- (ii) kementerian juga sedang mempromosikan produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran baharu seperti di Benua Afrika, Asia Tengah dan juga negara-negara Timur Tengah;
- (iii) kementerian juga berhasrat untuk mengadakan misi rasmi ke luar negara pada hujung tahun ini seperti ke negara Turki yang dilihat mempunyai potensi yang luas dalam penerokaan pasaran minyak sawit negara. Kita menasaskan pertambahan 300 ribu tan eksport minyak sawit menerusi Turki. Dalam hal ini, Turki akan menjadi hab eksport minyak sawit yang mampu menembusi pasaran lain seperti ke negara Balkan dan juga Greece; dan,

- (iv) selain itu, pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isirung sawit mentah dan juga minyak isirung sawit mentah diproses mulai 1 Julai hingga 31 Disember 2020 bertujuan merancakkan lagi aktiviti eksport sawit negara dengan memberikan peluang kepada syarikat pengeksporth minyak sawit untuk menerokai pasaran baharu dalam tempoh pengecualian tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah kerjasama dengan negara pengeluar agrikomoditi yang lain yang kita laksanakan ialah:

- (i) mengetuai gabungan kerjasama bersama Indonesia menerusi CPOPC. Kerjasama ini adalah untuk memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan juga pembangunan pekebun kecil;
- (ii) menyambung semula perancangan dan perbincangan mekanisme alternatif jangka pendek bagi mengatasi masalah harga getah rendah di bawah kerangka *Association of National Rubber Producing Countries* (ANRPC) yang melibatkan 13 buah negara anggota; dan
- (iii) menjalankan kerjasama rapat dengan *International Pepper Community* (IPC) dan negara anggota dalam mengkaji mekanisme terbaik untuk menstabilkan harga lada di peringkat antarabangsa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Selangor juga membangkitkan isu berkaitan bantuan dalam mempelbagaikan tanaman dan penerokaan tanaman baharu bagi mengurangkan kebergantungan terhadap agrikomoditi serta pemasaran produk mentah ini. Jawapannya ialah kementerian sentiasa menggalakkan pekebun kecil untuk mengamalkan tanaman integrasi bagi mempelbagaikan sumber pendapatan dan mengurangkan kebergantungan mereka kepada satu komoditi.

Antara pendekatannya ialah pertama menyediakan dana bantuan melalui program Tanaman Kontan B40 (TKB40), pekebun kecil sawit. Program ini telah dilancarkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan pihak MPOB sebagai agensi pelaksana dan dana yang diluluskan ialah sebanyak RM1.084 juta. Tempoh pelaksanaan program ini adalah dari Jun 2020 sehingga Disember 2020.

Sasaran pelaksanaan program ini adalah untuk pekebun kecil sawit dalam kelompok B40. Program ini melibatkan pemberian insentif tunai sebanyak RM3,000 per hektar untuk tanaman pisang iaitu RM1,700 untuk kos anak benih, RM1,000 untuk pembangunan tanah dan RM300 untuk kos baja dan racun. Manakala insentif sebanyak RM7,000 per hektar untuk tanaman nanas iaitu RM5,000 untuk kos anak benih, RM1,500 untuk pembangunan tanah dan RM500 untuk kos baja dan juga racun. Program ini dijangka akan dapat memanfaatkan seramai 250 orang pekebun kecil dengan keluasan tanaman berjumlah 250 hektar.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Juga untuk menggalakkan integrasi getah dengan pelbagai jenis tanaman, sama ada jangka masa pendek ataupun sederhana dan juga panjang bergantung kepada sistem tanaman yang diguna pakai. Bagi jangka pendek, tanaman integrasi yang digalakkan adalah nanas. Manakala tanaman pokok buah salak pula lebih sesuai untuk tanaman jangka masa sederhana. Bagi sistem tanaman getah berpagar pula, integrasi tanaman seperti durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak dapat dilaksanakan.

Untuk makluman semua, pihak RISDA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar turut menyediakan beberapa bantuan seperti aktiviti ekonomi tambahan untuk mempelbagaikan lagi pendapatan pekebun kecil.

Ketiga, kita menjalankan juga kajian, mengeluarkan klon-klon dan bahan tanaman yang berkualiti, yang boleh meningkatkan lagi hasil komoditi.

Selain itu, kementerian juga menggalakkan pekebun kecil untuk mengamalkan integrasi ternakan seperti integrasi getah dengan lebah dan juga kelulut.

Pekebun kecil turut boleh mendapatkan bimbingan mengenai tanaman integrasi ini dan maklumat lain yang berkaitan dengan kebun getah melalui *Rubber Research Institute Malaysia Mini Station* (RRIMINIS) yang dibina di kebanyakan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga memperkenalkan Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil sawit. Skim ini adalah untuk membantu pekebun kecil melaksanakan penanaman semula dengan menggunakan benih yang berkualiti untuk meningkatkan hasil tanaman.

Walau bagaimanapun, menyedari akan keperluan dan kehendak pekebun kecil, kementerian sedang mengkaji cadangan untuk menstrukturkan semula TSPKS dan IPPKS untuk dikhususkan kepada kumpulan sasar tertentu seperti golongan B40 sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga sentiasa komited dalam membangunkan sektor agrikomoditi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pemasaran produk mentah sahaja. Antaranya ialah memperkenalkan Program Usahawan Industri Getah dengan tujuan menyediakan kemudahan latihan dan bimbingan, teori dan amali kepada usahawan dalam menghasilkan produk berkualiti di pasaran tempatan dan juga luar negara.

Kedua, menyediakan pelbagai insentif untuk penggiat industri hiliran dengan tujuan membantu mereka menjaga produk getah baharu serta menambah baik produk semasa melalui penyelidikan, dana bantuan, pemasaran barangan dan sebagainya oleh Majlis Getah Malaysia.

Terakhir, melaksanakan program pembangunan usahawan lada yang memberikan tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan serta inovasi dalam membangunkan produk lada bernilai tambah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sik telah membangkitkan isu berkaitan usaha pihak kementerian bagi membangunkan lagi industri getah. Jawapannya ialah kementerian sentiasa berusaha ke arah membangunkan industri getah negara ini dengan:

- (i) kita menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menjamin kelestarian produk getah di samping meningkatkan nilai tambah produk getah serta meningkatkan permintaan dengan memperkukuhkan pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu;
- (ii) meningkatkan lagi penggunaan getah dalam negara termasuklah antaranya penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan juga penghasilan produk baharu dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearings*, sarung tangan getah perubatan dan lainnya;
- (iii) membangunkan piawai antarabangsa seperti ISO untuk memastikan kualiti dan keselamatan penggunaan produk;
- (iv) kita bergerak untuk memperkasakan industri tayar dalam negara. Pada tahun 2019, kita mengeksport tayar dengan nilai RM1.4 bilion. Namun, kita mengimport hampir dua kali ganda iaitu RM2.6 bilion. Dengan pemerksaan industri tayar domestik ini akan dapat meningkatkan pelaburan dan kandungan tempatan, peningkatan jumlah eksport, pembangunan vendor tempatan, peningkatan penggunaan getah hasil tempatan dan juga mengurangkan import tayar; dan

#### ■1730

- (v) kita juga mempertimbangkan perancangan untuk mewujudkan Koridor Lateks Negara di Pantai Timur Semenanjung seperti yang saya sebutkan tadi kepada Yang Berhormat Gerik. Di samping itu, ia dapat membantu meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil kerana harga lateks yang tinggi berbanding getah sekerap. Di peringkat antarabangsa, Malaysia komited dan terus bekerjasama dengan negara pengeluar utama getah yang lain seperti Thailand dan Indonesia di bawah kerangka ITRC bagi memperkukuh harga getah.



**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri, ada sikit persoalan dari Sik sini.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Okey Sik, sila.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat menyebut dalam satu kenyataan bahawa ramai di kalangan pekebun kecil tidak berminat untuk menghasilkan getah lateks berbanding getah sekerap. Jadi, di pihak kementerian, apakah halangan yang ada di pihak pekebun sendiri?

Kedua, berkaitan dengan getah juga iaitu daripada segi pelaksanaan IPG ini yang sudah pun kita berbincang panjang di sini. Sangat ramai pekebun yang masih belum berdaftar dengan IPG ini. Hanya 20 *percent* yang menuntut insentif pengeluaran getah (IPG) yang melibatkan dikatakan ada lagi RM60 juta yang belum dituntut. Jadi, adakah pihak kementerian melihat ini perkara yang serius untuk kita menyelesaikan masalah bersama agensi lain, termasuk RISDA dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Pertama, isu penoreh getah yang terlibat dengan penorehan untuk menghasilkan *cup lump* berbanding lateks. Puncanya kerana rata-rata mereka yang terlibat di bidang ini orang-orang yang berusia 50 tahun ke atas dan kemampuan fizikal mereka tidak membolehkan mereka atau tidak menyokong mereka untuk menghasilkan lateks kerana lateks memerlukan masa yang lebih panjang untuk dihasilkan.

Oleh sebab itulah kita bergerak untuk berkempen kepada anak-anak muda untuk kembali mengusahakan tanah-tanah terbiar getah yang ada di kampung masing-masing yang dimiliki oleh orang-orang tua mereka. Oleh sebab itulah kita bergerak juga untuk menggerakkan kaedah perladangan getah secara tersusun dengan satu projek baru kita yang kita panggil Ladang Getah Komuniti. Ini kita rancang bertujuan untuk menghasilkan pengeluaran lateks untuk melibatkan orang-orang muda bersama dengan sektor getah ini.

Adapun berkaitan dengan IPG, saya rasa pertama sekali, mereka yang mahu menoreh, mereka mesti ada lesen. Mereka berdaftar dengan Permit Autoriti Transaksi-Getah (PAT-G) yang mana dengan PAT-G ini, maka mereka boleh menoreh. Maka, tidak timbul isu mereka tidak berlesen kerana mereka telah ada permit itu, Permit Autoriti Transaksi-Getah (PAT-G).

Bila mereka sudah ada PAT-G dan mereka menoreh getah dan mereka menjual getah menerusi PAT-G tadi, kaedah yang lama ialah ada di antara pelesen atau pembeli getah, mereka ini hanya membeli secara manual sahaja. Adapun sekarang kita telah mula berkempen untuk para pelesen pembeli getah ini menggunakan kaedah yang kita panggil RRIMniaga. Dengan sistem ini, automatik segala transaksi jual beli getah akan sampai rekodnya kepada LGM dan tidak perlu lagi kepada penoreh membuat tuntutan secara manual.

Itu yang kita gerakkan bermula daripada Januari 2021, semua pelesen ataupun pembeli getah berlesen ini, mereka diwajibkan menggunakan aplikasi ini. Sesiapa yang tiada dan tidak menggunakan aplikasi ini, maka lesennya akan ditarik balik. Ini cara kita memastikan bahawa penoreh getah tidak perlu lagi mengisi borang dan menghantar borang secara manual untuk mendapatkan tuntutan IPG.

Adapun isu yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, isu tidak ramai yang membuat *claim* IPG. Saya berpandangan bahawa yang tidak buat *claim* bukan kerana tidak nak buat *claim* tetapi kerana mereka tidak menoreh sebenarnya. Realitinya yang menoreh adalah yang membuat tuntutan IPG. Maksudnya, saya melihat bahawa ramai daripada jumlah 450 ribu orang penoreh getah berdaftar yang ada PAT-G, yang benar-benar menoreh hanya sekitar 100 ribu orang penoreh getah.

Oleh sebab itu, saya mengarahkan LGM untuk membuat pemutihan, siapa sebenar yang masih lagi aktif untuk menoreh di ladang dan juga menuntut IPG berdasarkan data tadi. Oleh sebab itulah kita katakan bahawa kerja kita adalah untuk memotivasikan mereka turun ke ladang dan mendapatkan akhirnya kebaikan menerusi tuntutan IPG sebagai cara menstabilkan harga getah.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sikit?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bagi latar belakang sikit. Akan tetapi yang ini oleh sebab Yang Berhormat Menteri dah ulas tadi tentang usaha-usaha kerajaan berkaitan dengan pekebun kecil. Saya percaya kerajaan juga komited untuk membantu pekebun kecil di semua sektor. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, dahulunya ada cadangan daripada Kabinet yang lama berkaitan dengan *crop insurance*.

Kita tahu bahawa antara masalah yang penting untuk kementerian mempertimbangkan pekebun kecil ini apabila berhadapan dengan masalah pokok yang sakit dan sebagainya mereka bermasalah. Jadi, sudah pasti kalau semuanya hendak ditanggung oleh kerajaan, ia tentu akan membebankan kewangan negara. Saya percaya sekarang ini Menteri Kewangan pun ada, Perdana Menteri pun ada, jadi perkara ini saya ingat boleh kita pertimbangkan supaya satu kaedah *crop insurance* untuk membantu pekebun kecil yang bersifat *lasting* ini dapat kita laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Saya akan ambil perhatian apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk kita langunkan lagi apa yang telah dibuat pada masa yang lalu dan *insya-Allah* kita akan membuat yang terbaik untuk para pekebun kita, *insya-Allah*. Saya pergi pada topik seterusnya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Seputeh membangkitkan isu berkaitan Persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan MSPO sehingga 29 Julai 2020 sebanyak 99.64 peratus daripada 681,532 hektar kawasan tanaman sawit yang diusahakan oleh Pekebun Kecil Tersusun (PKT). Ini bersamaan dengan 231,576 orang PKT seluruh negara. Namun begitu, bagi kategori pekebun kecil persendirian, hanya 24.12 peratus sahaja daripada 986,331 hektar kawasan tanaman sawit mereka yang melibatkan pembabitan 63,480 orang pekebun kecil persendirian telah dipersijilkan MSPO.

Pihak kementerian akan terus menggesa pembabitan lebih ramai lagi PKP dalam skim pensijilan MSPO ini sama ada melalui keahlian dalam kluster minyak sawit mampan ataupun kelompok persijilan bebas di bawah pengurusan koperasi atau kilang buah sawit masing-masing. Kerajaan akan terus menanggung kos persijilan MSPO bagi para pekebun kecil ini.

Untuk makluman, sepanjang tahun 2020 sebanyak tujuh Program Jelajah MSPO telah dilaksanakan di Sabah, Selangor, Johor, Kelantan dan Terengganu, manakala lima lagi program akan dilaksanakan dalam masa terdekat di Pagoh minggu depan dan Tanjong Piai, Puncak Borneo, Beting Maro dan juga Sibuti, Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan isu berkaitan slogan kementerian. Ini barangkali Yang Berhormat hendak bangun nanti bertanya ya.

Kementerian akan terus memperkasakan dan akan membuat penambahbaikan ke atas dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini tetapi dengan slogan kempen yang berbeza mengikut acuan dan kaedah kerajaan yang ada pada hari ini. Kementerian berpendapat bahawa slogan "*Sawit Anugerah Tuhan*" ataupun "*Palm Oil is God's Gift*" adalah lebih bersifat universal dan boleh diguna pakai di seluruh dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kempen ini kempen yang kita yakin dapat meningkatkan lagi penglibatan dunia untuk menerima minyak sawit kita sebagai sebahagian makanan keperluan dunia. Melalui slogan baru ini, kementerian yakin akan dapat menembusi pasaran baru seperti rantau Timur Tengah, Asia Tengah dan juga negara-negara di Benua Afrika.

Untuk makluman, minyak sawit dan produk berasaskan sawit terdapat dalam enam daripada 10 barangan makanan dan bukan makanan yang dijual di pasar raya utama di lebih 160 buah negara di dunia. Pada masa yang sama, kita akan memperkukuhkan lagi pasaran-pasaran sedia ada dengan pendekatan yang lebih mantap.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang mana bukan *God's gifts*? Minyak jenis mana yang bukan anugerah Tuhan? *Olive oil is God's gift, sunflower oil is God's gift.*

Semua yang kita boleh nampak di dunia dan alam semesta ini anugerah Tuhan. Jadi, Yang Berhormat tukar nama kepada "*Palm Oil is God's Gift*", jadi orang akan tanya balik, bukankah *olive oil* itu *God's gift also*? Jadi pada pandangan saya, macam kita lihat Kementerian Pelancongan, "*Malaysia Truly Asia*".

Kita ada Menteri Pelancongan yang sudah tukar banyak tetapi logo, *tagline* dan slogan ini ia masuk akal. Pelancong di seluruh dunia dan juga Malaysia. Saya rasa tidak perlu kerana tukar Yang Berhormat Menteri, tukar kerajaan, kita hendak tukar satu kempen. Kempen itu adalah untuk mempromosi produk yang sangat penting bagi Malaysia. Jadi, kita perlulah ikut. Itu bukan slogan saya. Itu slogan "*Sayangi Sawitku*" kementerian...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Terima kasih.

■1740

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** "*Love My Palm Oil*", '*My*' adalah Malaysia. Jadi saya, ramai juga tidak faham kenapa Yang Berhormat Menteri....

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Bagi saya jawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Hanya kerana datang dari PAS. Jadi semua mesti kaitkan dengan Tuhan. Ini...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sawit tumbuh-tumbuhan ini dia datang ciplak dari Indonesia.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Tidak ada *original*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Menteri belum beri laluan. Beri laluan. Okey.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Ini kawan, kawan, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Dia bukan *original* kita. Jadi kalau kita hendak promosi minyak kita, minyak sawit Malaysia, apa beza dia minyak sawit Malaysia dengan minyak sawit yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tapi kalau kita hendak *argue*, Yang Berhormat, kalau kita hendak bahaskan perkara yang subjektif macam ini, sampai bila pun tidak habis sebab sebelah sini *prefer* yang macam itu, sebelah sana pula *prefer* yang macam ini.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, bagi saya jawab.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, nanti Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Tapi Tuan Yang di-Pertua ialah kita ada kempen yang mana *identik, identik* dengan kita punya minyak sawit kita. Oleh sebab itu tadi, dia sebut soal MSPO, minyak sawit kita berkualiti, 99 peratus, sekarang sudah dapat sijil. Jadi, ini maksud yang cuba kita *highlight*-kan di sini, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Okey, slogan yang diguna pakai oleh Yang Berhormat Seputeh ialah '*Sayangi Sawitku*'. Kenapa tidak gunakan '*Sayangi Kokoku*', '*Sayangi Getahku*', '*Sayangi Kenafku*'. Kenapakah hanya kelapa sawit? Cara fikir yang sama juga diajukan kepada Yang Berhormat Seputeh. Ini saya menggunakan sawit anugerah Tuhan. Adakah menafikan bahawa getah anugerah Tuhan? Adakah menafikan bahawa kenaf anugerah Tuhan? Adakah menafikan Yang Berhormat Seputeh anugerah Tuhan kepada DAP? Tidak menafikan. Bila mana kita menyatakan sebagai...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kita- kata menafikan, hanya kurang menarik...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Bila mana kita menyatakan sebagai contoh, saya katakan bahawa, sekejap, bagi saya jawab...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri tengah jawab ya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Saya katakan Yang Berhormat Seputeh baik. Adakah menafikan orang lain tidak baik? Menafikan baiknya Yang Berhormat Hang Tuah. Yang Berhormat Hang Tuah juga baik, Yang Berhormat Seputeh juga baik. Tapi saya bercakap tentang kebaikan yang ada pada Yang Berhormat Seputeh yang telah menjalankan polisi dan juga slogan, melancarkan slogan 'Sayangi Sawitku'.

Maka tugas saya pula ialah untuk ke depan sedikit lagi. Kita sayangi sawitku dan kita sayangi juga Yang Berhormat Seputeh, sama sayang juga semua orang. Tapi kita juga mahu bergerak ke hadapan lebih jauh, kita mengatakan bahawa sawit anugerah Tuhan dengan merujuk bahawa terlalu banyak keistimewaan yang ada pada sawit yang diberi oleh Allah Taala kepada kita.

Maka dengan cara mempromosikan kehebatan dan kebaikan sawit inilah kita mengharapkan agar pasaran sawit kita lebih global, lebih besar, menembusi pasaran-pasaran baru seperti Afrika, Timur Tengah lagi besar, negara China lagi besar dan India lagi besar dan kita boleh *skip* ataupun kita boleh kurangkan pergantungan kita kepada Eropah semata-mata. Ibarat seorang perempuan, seorang lelaki. Kalau seorang perempuan tidak berkenan pada dia, sebab dia *high taste*, cita rasa yang tinggi, kita cari lagi perempuan lain yang mempunyai cita rasa yang sama dengan kita. Itu kaedah dia lah.

Bagi saya, ini benda subjektif, bagi peluang untuk kementerian membuktikan bahawa dengan slogan ini, kita berjaya memperluaskan lagi promosi pasaran dan nanti datang Yang Berhormat Menteri baru pula yang pasti bukan daripada DAP, bukan Pakatan Harapan yang mungkin datangkan lagi slogan lagi baik untuk kita lagi maju di bidang sawit ini. *Insyallah... [Tepuk]*

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat, boleh tidak Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ataupun yang dikatakan oleh Yang Berhormat Hang Tuah Jaya tadi bahawa ini kita tiru Indonesia. Barang yang baik, barang yang baik, milik semua orang... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Ini kaedah Islam. Barang yang baik barang kecikiran milik orang Islam. Barang yang baik kita boleh kongsi. Kalau sekiranya Indonesia telah menggunakan kaedah atau slogan "Sawit Anugerah Tuhan" dan kita gunakan slogan yang sama, itu persamaan yang patut kita guna, kerana kita membawa misi yang sama iaitu sawit anugerah Tuhan untuk diguna oleh semua orang. Itulah kebersamaan kita dalam bidang slogan ini. Itu jawapan saya kepada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat, boleh tidak?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Sila, Yang Berhormat Subang.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri. Bagi Yang Berhormat Pontian sikit, boleh?

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Saya dulu, saya dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang dulu.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Subang dulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Bagi Yang Berhormat Pontian dulu kah Yang Berhormat Subang dulu?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang dulu sebab walaupun dia tidak bahas.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pontian...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Subang ada sawit kah dekat kawasan?

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Saya pemaju sawit ini [*Ketawa*] Okey, baik. Ya Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu. Walaupun kita ada slogan baru ya, sudah kah kita buat *market testing* atau tidak? Oleh sebab pembeli sawit yang terbesar ialah negara China, India, Pakistan dan yang paling banyak *problem* dari *European Union*. Betul atau tidak? *Can you do the market test?* Boleh tidak kita buat *market test* sana, sama ada slogan ini boleh pakai atau tidak? Oleh sebab bagi saya sebagai pemaju sawit ini, kita rasa slogan ini tidak cukup *kick* dia, untuk *convince* pembeli ya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, senang saja Yang Berhormat, tunggu lagi sampai hujung tahun. Tengok peningkatannya macam mana. Itulah *testing market* nya. Senang saja.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Bukan, bukan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Sekarang kita bergerak untuk besarkan lagi...

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, kita boleh cari...  
[Ketawa]

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman:** ...Bukan hanya kebergantungan kepada China tapi juga kepada benua Afrika yang mempunyai 1.4 bilion orang penduduk, India 1.3 bilion orang penduduk. Bererti kita menyasarkan lagi besar *market* daripada apa yang sedia ada. Maka bagi saya ini adalah *tagline* baru, slogan baru kita yang *insya-Allah* boleh memacu sawit jauh ke hadapan.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum kita buat *tagline* baru...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pontian.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ada pula Yang Berhormat boleh bangkit lagi bercakap dan berikan pandangan baru terhadap apa yang telah saya kemukakan untuk tempoh enam bulan.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, ini bukan roket sains Yang Berhormat Menteri. Ini biasa dan...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah menjawab. Silakan Yang Berhormat Pontian pula.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya bagi pihak rakan-rakan yang ada kawasan sawit dan ramai pekebun kecil sawit ingin merakamkan ucapan tahniah kerana harga sawit RM2,808 setan, MSM ini paras tertinggi dalam tempoh enam bulan... [Tepuk] *Alhamdulillah* dan kemudian buah tandan segar FFB RM580 satu tan semalam. Jadi, ada apa formula *magic* yang Yang Berhormat Menteri telah lakukan?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Formula kita doa kita semua. Doa kita semua untuk sawit kita mendapat perhatian dunia dan *insya-Allah*, kita akan lihat hasilnya lagi enam bulan atau lagi setahun, *insya-Allah*.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Menteri, boleh satu?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Bagi peluang kerajaan laksanakan dasar baru.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cuma tinggal tiga minit ya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya tiga minit. Sekejap ya, Yang Berhormat Gerik. Saya hendak jawab yang terakhir daripada Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan isu berkaitan kekurangan tenaga kerja di ladang sawit. Sektor perladangan satu sektor yang berintensifkan buruh dan sangat bergantung pada tenaga kerja asing. Sehingga 31 Julai 2020 dianggarkan lebih 500 ribu orang pekerja yang terlibat dalam sektor ini dan perladangan sawit merupakan subsektor yang paling bergantung kepada tenaga kerja asing iaitu sebanyak 77 peratus.

Sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, kerajaan akan membantu untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan kekurangan tenaga kerja asing ini melalui pelonggaran syarat bagi permohonan pertukaran majikan (PTM). Syarat baharu prosedur ini memberi kelonggaran kepada majikan-majikan yang terkesan dan tidak berkeupayaan untuk meneruskan penggajian pekerja asing untuk memindah atau menukarkan keseluruhan atau sebahagian pekerja asing mereka kepada syarikat lain yang mempunyai keperluan tenaga kerja. Untuk jangka masa sederhana panjang, pelbagai usaha telah dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah kebergantungan kepada tenaga kerja asing ini dan masalah kekurangan tenaga kerja yang melanda sektor ini.

Antaranya ialah pertama menetapkan gaji minimum oleh kerajaan iaitu sebanyak RM1,200 sebulan di wilayah bandar utama dan RM1,100 sebulan selain wilayah bandar utama. Majikan juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam karnival kerjaya seluruh negara yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Yang kedua melatih belia tempatan secara berterusan di bawah Institut Perladangan dan Kualiti (IMPAC) sebagai persediaan untuk menceburi industri agrikomoditi. Yang ketiga menggalakkan penggunaan mesin atau jentera di sektor perladangan terutamanya bagi aktiviti penuaian dan pemungutan BTS di bawah Skim Galakan Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS) yang telah yang diperuntukkan sebanyak RM4.5 juta di bawah RMKe-11.

Yang keempat, mendapatkan teknologi dan inovasi baharu berkaitan industri sawit secara berterusan dalam penyelidikan dalam penjenteraan industri sawit dengan mewujudkan Dana Mekanisasi Sawit berjumlah RM30 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan data MPOB, pengeluaran minyak sawit mentah pada tahun ini tidak mengalami sebarang kejatuhan mendadak dan mencatatkan pengeluaran dalam trend stabil serta meningkat dalam kebanyakan bulan. Kerajaan menjangkakan pengeluaran bulanan CPO pada bulan Julai hingga Disember 2020 adalah antara 1,700,000 tan hingga 1,850,000 tan.

Secara amnya, isu ketidakcukupan tenaga kerja sehingga mengganggu pengeluaran ladang timbul pada ketika ini. Pihak kementerian juga melalui MRC menyediakan dana khas berjumlah RM36 juta bagi menggalakkan industri hiliran terutamanya sektor pengeluaran sarung tangan getah untuk mengambil lebih ramai pekerja tempatan. Penyediaan dana ini sejajar dengan dasar baru kerajaan yang mengutamakan pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

#### ■1750

Melalui dana ini, subsidi upah sebanyak RM300 sebulan akan disediakan untuk seorang warga tempatan bagi tempoh 12 bulan yang diambil bekerja dalam sektor dana ini dan dianggarkan dana ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 10,000 rakyat Malaysia bagi menggantikan 10 ribu orang warga asing yang bekerja di sektor ladang getah terutamanya untuk sarung tangan getah. Yang Berhormat Seputeh tak nak bangun kali ini ya?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh mencelah sedikit?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Mungkin akur dengan dasar kerajaan terkini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh bertanya soalan sedikit? Boleh?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya dan penutupnya – Ya, boleh. Boleh ya Tuan Yang di-Pertua, sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat. Masalah tenaga kerja di ladang-ladang ini satu masalah yang tidak selesai-selesai. Saya rasa *mechanization* atau mekanisasi yang diuar-uarkan oleh kerajaan, sama ada Kerajaan BN atau PH atau pun kerajaan sekarang tidak akan berjaya kalau sekiranya kita tidak bersungguh-sungguh untuk melakukan inovasi dan *invention*, mencipta satu bentuk mesin yang boleh mengambil alih tenaga kerja dan tempat tenaga kerja memotong buah-buah di ladang-ladang.

Kenapa tidak kita mewujudkan satu jenis mesin yang berupa kren yang tinggi, kren itu boleh mencapai buah-buah kelapa sawit ini, memotong buah kelapa sawit ini. Kalau ada kren-kren yang boleh mengangkat barang-barang yang berat-berat, kenapa tidak kita buat kren-kren yang mempunyai tangan-tangan robotik untuk memotong buah-buah ini. Ini akan menyelesaikan masalah tenaga kerja, satu hal. Keduanya, menjimatkan pengaliran wang asing berbilion-bilion Ringgit sebulan, setahun berpuluh-puluh bilion. Saya rasa kerajaan seharusnya bersedia untuk membelanjakan wang dalam bidang *research and development* untuk mewujudkan mesin-mesin yang sedemikian.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya, terkini untuk makluman Yang Berhormat, MPOB juga membuat kerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk kita melihat peluang-peluang untuk kita mewujudkan lagi jentera-jentera baharu yang dapat digunakan di sektor perladangan sawit ini, *insya-Allah*.

Suka saya sebutkan berkaitan dengan pekerja warga asing tadi, kita juga sedang bergerak untuk mempromosi orang asal untuk bekerja di ladang sawit. Ini antara projek terkini kita yang kita bincangkan dengan Gerik terutamanya sebagai *pilot project*, *insya-Allah*. Jadi saya rasa itu sahaja.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Boleh saya beri pandangan sedikit?

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas, ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Minta Tuan Yang di-Pertua, iaitu fasal buruh asing. Orang asal sebenarnya sekarang ini sudah ada masalah duduk dalam hutan. *Depa* tidak cari buluh dengan rotan. Akan tetapi mereka mesti diberi latihan. Selepas diberi latihan, mereka kena ada peluang pekerjaan. Maka cadangan kementerian untuk melatih orang asal. Kemudian selepas dapat latihan untuk sawit ini, maka selepas ini mereka bukan sekadar boleh jadi buruh menggantikan buruh asing tetapi mereka juga boleh mengusahakan tanaman sawit di kawasan orang asal. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Di bawah kementerian kita ada PLASMA atau Pusat Latihan Sawit dan juga kita ada IMPAC atau Institut Komoditi untuk melatih mereka yang mahu terlibat di bidang sawit ini. Kita yakin bahawa dengan projek baharu kita untuk melatih orang-orang asal seluruh negara untuk terlibat di bidang perladangan ini kita yakin mereka akan dapat bersama mereka merencanakan lagi sektor sawit ini, *insya-Allah*. Kita akan jadikan kawasan Yang Berhormat Gerik sebagai *pilot project* kita, *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya yakin bahawa semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan ini.

**Puan Teresa Kok [Seputeh]:** Ada lagi, ada lagi Yang Berhormat. Kenapakah tukar nama kementerian? Dari 'Industri Utama' nama yang begitu cantik kepada 'Perusahaan Perladangan dan Komoditi' begitu sempit skop dia.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Kenapa ditukar dahulu daripada 'Kementerian Perusahaan Perladangan' kepada 'Industri Utama'? Soalan yang sama Yang Berhormat. Kongkalikung di situ sahaja.

**Puan Teresa Kok [Seputeh]:** Sebelum ini memang Industri Utama dari Tun Lim Keng Yaik sampai...

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Perubahan sentiasa berlaku. Yang Berhormat boleh berubah, biasalah. Cuma tempat bertanding sahaja yang tidak berubah. Itu pandangan terkini kerajaan semasa. Kena akur dengan apa yang berlaku. Kita memerlukan pandangan yang banyak berkaitan kenapa kita gunakan nama itu. Bagi saya nama itu lebih menarik merujuk kepada rakyat di kampung-kampung, perusahaan perladangan dan juga komoditi. Komoditi melibatkan orang-orang korporat, *business* dan sebagainya. Perladangan mesti kita wujudkan. Ini kerja orang kampung. Bagi saya ini nama yang terbaik yang kita pilih untuk zaman Kerajaan Perikatan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya yakin bahawa semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan ini menyentuh bidang kuasa kementerian saya telah saya jawab. Seterusnya, pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat agar industri agrikomoditi kita ini terus kukuh dan berdaya saing. Sekian, *wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyampaikan pengumuman beliau. Silakan.

### 5.55 ptg.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan ke atas Titah Diraja semasa istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020 yang lalu.

Ucapan terima kasih juga kepada 38 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini dari 13 Julai sehingga 3 Ogos 2020.

Beberapa perkara dan isu berkaitan portfolio Kementerian Kewangan akan saya cerakinkan. Manakala pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang telah dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amat dihargai. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan berdasarkan isu-isu tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan menyentuh isu berkaitan ekonomi dan kewangan negara. Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini ialah Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Ledang dan juga Yang Berhormat Bukit Bendera.

Antara persoalan yang berbangkit termasuk keadaan ekonomi semasa, unjuran KDNK bagi tahun 2020 dan tahun 2021, usaha kerajaan menangani cabaran ekonomi, kesan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi kepada KDNK, defisit belanjawan serta hutang negara dan juga usaha-usaha kerajaan untuk terus membangunkan ekonomi dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Pertama sekali, ingin saya menyatakan bahawa tiada siapa dapat menduga tahun 2020 menjadi tahun yang amat menguji kita dan juga komuniti global. Dengan izin, *we are facing unprecedented times*. Kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi ini merupakan krisis yang terburuk sejak era *the great depression* pada tahun 1930-an. Dengan lebih 150 buah negara di seluruh dunia dijangka merekodkan penguncupan ekonomi pada tahun 2020.

Menurut *World Bank* dan IMF, unjuran KDNK global adalah antara negatif 2.4 peratus ke negatif 5.2 peratus. Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia juga kurang memberangsangkan. Menurut Bank Negara Malaysia, unjuran pertumbuhan KDNK tahun 2020 adalah negatif dua peratus sehingga 0.5 peratus. Manakala menurut *World Bank*, IMF dan SMP pula, unjuran KDNK Malaysia adalah antara negatif dua peratus hingga negatif 3.8 peratus.

Walau bagaimanapun, kegiatan ekonomi negara dijangka meningkat secara beransur-ansur mulai suku ketiga, tahun 2020. Ini berikutan pembukaan semula sektor-sektor ekonomi serta langkah proaktif yang diambil kerajaan dalam melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS Tambahan dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Keseluruhannya pakej tersebut berjumlah RM295 bilion. Ini hampir 17 peratus daripada KDNK negara dan merupakan antara yang tertinggi di Asia Tenggara. Daripada jumlah ini, RM45 bilion merupakan suntikan fiskal langsung. Pakej PRIHATIN dan PENJANA dijangka menyumbang lebih tiga peratus kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 2020.

Ini bermaksud, pelan-pelan tersebut memberikan kekuatan dan daya tahan kepada ekonomi negara. *Insyah-Allah*, hasil usaha ini akan melihatkan pemulihan ekonomi pada tahun 2021. Agensi-agensi antarabangsa telah mengunjurkan KDNK Malaysia pada tahun 2021 akan berada dalam sekitar 6.3 peratus hingga 7.5 peratus.

#### ■1800

Walau bagaimanapun, pencapaian sebenar akan bergantung kepada kejayaan berterusan Malaysia dan komuniti global dalam memerangi penularan COVID-19 bagi memastikan ekonomi mampu berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu keberdayaan ekonomi negara untuk mengharungi pandemik COVID-19. Ingin saya menegaskan bahawa ekosistem kewangan negara amat berdaya tahan.

Pertama, institusi perbankan mempunyai kemapanan modal ataupun, dengan izin, *capital buffers* sebanyak RM121 bilion iaitu tiga kali-ganda berbanding ketika krisis kewangan global 2009.

Kedua, kita masih mempunyai ruang fiskal selepas pelaksanaan Pakej PRIHATIN dan PENJANA, defisit fiskal dijangka meningkat antara 5.8 peratus hingga 6 peratus. Ini masih kurang berbanding dengan kadar defisit fiskal 6.7 peratus yang direkodkan ketika Krisis Kewangan Global 2009. Dalam kata lain, ekonomi negara masih mempunyai ruang fiskal untuk mengharungi pandemik COVID-19.



Kerajaan juga akan terus memperkemas dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kemapanan perniagaan dan merangsang ekonomi melalui konsultasi Bajet 2021 yang telah pun bermula dan bakal dibentangkan pada bulan November 2020 ini.

Selain itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas yang dijadualkan untuk dibentangkan pada awal tahun hadapan akan terus memastikan ekonomi dapat disokong dan distrukturkan untuk menjamin kelestarian jangka panjang agar kekayaan negara dapat dikongsi bersama demi kesejahteraan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencekah?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa anggaran IMF ekonomi kita menguncup -2 peratus hingga 3.8 peratus tetapi jangkaan kita pada tahun 2021 akan meningkat 6.3 peratus ke-7 peratus. Ia kelihatan seperti ekonomi kita boleh pulih dengan apa yang dipanggil istilah *V Curve*.

Akan tetapi pada ketika yang sama, Yang Berhormat Menteri juga menyebut bahawa ia akan berada dalam keadaan beransur-ansur pemulihannya. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mewujudkan satu lagi pakej rangsangan seperti PENJANA dan PRIHATIN misalnya PENJANA 2.0 ataupun PRIHATIN 3.0? Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Buat masa ini kerajaan tengah memantau keadaan semasa. Belum ada lagi rancangan untuk melancarkan program baru tetapi pada masa ini Program PRIHATIN dan juga PENJANA sedang berjalan. Banyak inisiatif yang telah diumumkan. Sebanyak 80 inisiatif, *insya-Allah* kita akan memantau keadaan semasa dan jika perlu, kerajaan akan bersedia untuk memberi pertolongan kepada rakyat dan juga perniagaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Berkenaan isu kadar defisit negara dan kedudukan hutang negara. Pada tahun 2018 defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan mencatat RM53.4 bilion atau 3.7 peratus KDNK. Defisit fiskal menurun kepada 3.4 peratus KDNK pada tahun 2019. Bagi tahun 2020, anggaran asal defisit fiskal adalah pada 3.2 peratus KDNK. Walau bagaimanapun setelah mengambil kira krisis COVID-19 dan suntikan fiskal yang dibiayai sepenuhnya melalui pinjaman domestik bagi Pakej Rangsangan Ekonomi, defisit fiskal dijangka meningkat sehingga 5.8 peratus hingga 6 peratus daripada KDNK, seperti yang telah saya sebut tadi.

Apa yang ingin saya tekankan adalah bahawa kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal ke bawah paras 4 peratus dalam jangka masa sederhana. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan akan menumpukan fokus dalam memelihara disiplin fiskal.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, semua langkah yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) dan PENJANA adalah bersifat *one-off*, terikat masa dan bersasar. Justeru, ia tidak akan terus memberi kesan berpanjangan kepada kewangan Kerajaan Persekutuan. Pendekatan ini juga akan membolehkan kerajaan melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana bagi mewujudkan ruang fiskal untuk menghadapi krisis luar jangka pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cadangan supaya kerajaan mengemukakan usul bagi menaikkan had statutori hutang negara kepada 65 peratus. Ini disoal oleh Yang Berhormat Pekan. Berdasarkan Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima), nisbah jumlah hutang terkumpul berdasarkan had statutori 55 peratus daripada KDNK yang ditetapkan ini merangkumi MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan Islam.

Berdasarkan had statutori, nisbah hutang terkumpul kepada KDNK pada akhir Jun 2020- 53.2 peratus. Masih di bawah had 55 peratus KDNK yang ditetapkan. Pagi tadi Kementerian Kewangan telah membuat bacaan pertama Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019) yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan had statutori hutang daripada 55 peratus KDNK sehingga 60 peratus KDNK.

Peningkatan jumlah hutang ini adalah bagi membiayai defisit yang turut mengambil kira pelaksanaan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi dengan suntikan langsung fiskal. *Insyaa-Allah* kita akan membahaskan isu ini dengan lebih lanjut semasa rang undang-undang tersebut dibentangkan dalam sesi ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Pakej PRIHATIN dan PENJANA kerajaan telah memperkenalkan lebih 80 langkah dan inisiatif untuk rakyat, perniagaan dan ekonomi. Sehingga minggu ini, saya telah berkongsi 15 laporan. Silakan.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Menteri- *do you intend to* jawab soalan-soalan kita secara spesifik sebab kita dengar ini memang baguslah. *I don't know when to interject. Are you going to answer specific questions?*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ya, soalan ini mengenai isu, sekarang ini tajuk isunya ialah hasil negara dan juga Pakej Rangsangan Ekonomi.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Selepas ini Yang Berhormat Menteri akan jawab spesifiklah soalan-soalan kita ya?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ini soalan-soalan Yang Berhormat saya kumpulkan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Apabila dikumpulkan maknanya tidak spesifiklah kepada soalan saya sebab saya tanya dua, tiga soalan. Betul itu spesifik. Jadi saya tak nak kacau *floor* Yang Berhormat Menteri tetapi saya kena tahulah sama ada akan dijawab atau tidak. Kalau tidak saya kena *interject* sekarang.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya akan jawab soalan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan itu boleh dijawab secara am.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh Pasir Salak mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi kalau tidak diperlukan butir, maka boleh diberikan jawapan selebihnya secara bertulis dan akan dijawab secara spesifik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, hendak bagi laluan kepada...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ya, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah membentangkan bahawa keadaan ekonomi Malaysia ini nampaknya tidaklah begitu buruk sebagaimana yang digambarkan oleh orang-orang tertentu... [*Tepuk*] yang mengatakan kita ini hutang sampai RM1 trilion dan kemungkinan negara kita akan bankrap. Jadi saya minta kepastian sekali lagi daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah tuduhan-tuduhan itu merupakan tohmahan-tohmahan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab? Terima kasih.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini Yang Berhormat Menteri hendak tanya, hendak tambah. Yang Berhormat Menteri sama soalan, hendak tambah sedikit. Oleh sebab dahulu apabila Pakatan Harapan yang memerintah dia kata hutang trilion maka diperkenalkan Tabung Harapan. Kasihan, sampai budak sekolah pun diminta bagi sumbangan. Jadi, tiba-tiba apabila Perikatan Nasional memerintah tengok duit bilion-bilion boleh bagi kepada rakyat. Jadi mana satu yang betul ini? Ke manakah pergi duit Tabung Harapan itu?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, habis. Saya hendak sambung sebab saya betul-betul teruja kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini kali pertama untuk jawapan yang diberikan di Parlimen tetapi gambaran yang diberikan bahawa Malaysia ini sebenarnya negara yang makmur. Tidak mungkin negara ini boleh bankrap.

Jadi Yang Berhormat kena terangkan kepada kami, adakah sebenarnya tohmahan yang mengatakan negara ini bankrap yang dibuat oleh bekas Menteri Kewangan dan juga Menteri-menteri Pakatan Harapan dahulu bahawa sebenarnya itu pembohongan yang mutlak. Kami hendak tahu yang itu. Oleh sebab sekarang rakyat hendak mendengar bahawa satu demi satu pembohongan yang mereka buat itu, sebenarnya sekarang ini sudah menjadi kenyataan bahawa Malaysia negara yang makmur. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Secara umumnya ukuran sama ada kedudukan kewangan kerajaan masih *solvent* atau tidak bankrap dapat diukur berdasarkan keupayaan kerajaan dalam membuat bayaran hutang mengikut masa yang ditetapkan.

#### ■1810

Sehingga kini kerajaan tidak pernah gagal... *[Tepuk]* Dalam membiayai semula serta *refinance* ataupun membayar hutang. Jadi pada masa ini, kerajaan mempunyai dua kaedah pengurusan disiplin fiskal iaitu disiplin secara perundangan ataupun secara pentadbiran ataupun *self-discipline*, dengan izin.

Pertama, kawalan disiplin fiskal melalui akta yang seperti saya sebut tadi. Ini penetapan had *statutory* peratusan hutang kepada KDNK. Seperti mana yang saya sebut tadi ialah 55 peratus dan juga terimaan pinjaman hanya boleh digunakan untuk bayaran balik hutang dan juga perbelanjaan pembangunan, *which is development expenditure* (DE).

Kedua, kawalan secara pentadbiran. Ini *self-imposed* termasuk bayaran khidmat hutang tidak melebihi 15 peratus daripada hasil. Jadi sasaran konsolidasi defisit di bawah 400 pada KDNK dalam jangka sederhana akan diutamakan. Akan tetapi data yang saya ada sekarang *our debt-service coverage ratio* ialah sebanyak RM35 bilion iaitu 14.4 peratus *revenue* ataupun 2.4 peratus GDP.

Jadi jawapan saya ialah kedudukan kewangan kerajaan masih tidak bankrap kerana... *[Tepuk]*

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Ini yang hendak dengar.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Hal ini kerana... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Damansara, sudahlah. Cukup, cukup, cukuplah. Sudah lama sudah tidak cukuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Damansara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang mungkin perlu dijawab mengikut fakta ialah apabila kita mengambil kira hutang negara sebagai RM1 trilion ia termasuk hutang secara langsung. Hutang jaminan yang perlu dibayar oleh kerajaan dan juga hutang melalui projek-projek PPP yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. So, soalan saya senang. Soalan saya adalah..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kami tahulah. Tidak payah. Ajar budak sekolah lah... *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tipulah, tidak boleh tipu banyak kali. Satu kali sahaja boleh.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Masa Yang Berhormat Arau cakap kita tidak kacau, duduklah Yang Berhormat Arau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dipersilakan Yang Berhormat habiskan soalan dahulu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak kali kena sudah kita orang ini, cukup-cukuplah.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Duduklah Yang Berhormat Baling, mengacau sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu hak dia. Tolong, sudah petang ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya senang, adakah hutang-hutang yang saya sebut tadi jumlahnya lebih kurang RM1 trilion.

Kedua, tadi ada hujah bahawa sekarang Kerajaan BN banyak duit untuk belanja walaupun dahulu kita kata kerajaan hendak bankrap. Saya hendak tanya sama ada perbelanjaan yang besar yang dibuat sekarang yang akan dibentangkan dalam akta COVID-19 nanti, adakah ia berdasarkan pinjaman tambahan yang akan dibuat oleh Kerajaan BN? Datangnya daripada pinjaman dan bukan daripada sebarang penjimatan ataupun *saving* ataupun dana yang sedia ada dalam kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan pinjaman samurai, itu *confirm*.

**Datu Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bukan GST yang RM9 bilion itu sekali.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa biar Yang Berhormat Menteri Kewangan-hendak bagi laluan lagi satu?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Sekejap, biar saya jawab dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia jawab dahulu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jawab dahulu. Ini ada kena mengena sedikit Yang Berhormat Menteri fasal hutang ini. Ada kena mengena fasal hutang ini.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Biar saya jawab Yang Berhormat Damansara dahulu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jawab itu dulu.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Damansara. Mengenai isu bankrap tidak bankrap ini saya sudah jawab tadi sebenarnya. Sama ada sebuah kerajaan itu bankrap atau tidak itu bukan soalan yang patut difikirkanlah. Sebenarnya daripada segi hutang yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Damansara, buat masa sekarang hutang keseluruhan negara ialah dalam lingkungan RM854 bilion.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Hutang langsung, hutang yang lain?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Secara keseluruhannya tanggungan liabiliti kerajaan kalau dimasukkan *off-budget*, Kerajaan Perikatan Nasional tidak ada membuat *off-budget* ya- lebih kurang RM1.2 trilion tetapi ini tidak bermaksud negara kita...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...Tidak bermaksud negara kita bankrap kerana bankrap itu dapat diukur berdasarkan keupayaan kerajaan dalam membuat bayaran hutang mengikut masa yang ditetapkan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, ini Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini semasa mereka memerintah itu belum sampai RM1 trilion lagi, sekarang ini baru sampai RM1.2 trilion.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Arau hendak ajar Yang Berhormat Menteri macam mana hendak buat kerja dia.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia hutang RM140 bilion.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ini mana satu ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Eh! Jangan senyum dengan saya Yang Berhormat Damansara, saya banyak bukti.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Isunya soal kebangkrapan. *Are we bankrupt or not? Are we going to be bankrupt or not? We are not.*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *That is the issue.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelebu silakan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...Saya teliti jawapan Yang Berhormat Menteri kata hutang kita ada RM868 bilion sekarang. Saya hendak rujuk ini Yang Berhormat Menteri, kata Yang Berhormat Damansara tadi RM1 trilion atau berapa trilion ini, itu benar atau tidak Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

Ini saya hendak kepastian daripada Yang Berhormat Menteri dalam teks perbahasan saya. Pada tahun 2018 Yang Berhormat Menteri hutang baru sebanyak RM52 bilion, tahun 2019 sebanyak RM54.5 bilion sampai tahun 2020 sebanyak RM18 bilion *in total* RM124.5 bilion dalam tempoh 22 bulan daripada RM686 bilion pergi RM868 bilion hutang.

Saya hendak tanya pada pihak Yang Berhormat Menteri, RM124.5 bilion ini penggunaan wang kerajaan ke arah mana Yang Berhormat Menteri? Saya tanya ini fasal apa, dia kata dia bayar hutang. Boleh tidak pihak kerajaan jelaskan hutang apa yang dibayar daripada jumlah yang sebegini banyak? Itu satu Yang Berhormat Menteri.

Kemudian yang kedua Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya pendirian kerajaan tentang cadangan saya kerana banyak sangat persoalan tentang penyalahgunaan kalau betul, kalau betul- penyalahgunaan ataupun salah guna kewangan negara ataupun pinjaman yang melangkaui akal fikiran manusia. Saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kerajaan menubuhkan RCI bagi perbelanjaan bagi tempoh 22 bulan yang berkenaan.

Saya minta penjelasan dan pendirian daripada pihak kerajaan terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit, sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Kita cerita fasal hutang, hutang ini RM854 bilion ke berapa. Berapa aset kerajaan yang kita ada? RM1 trilion? RM2 trilion? RM3 trilion? Kenapakah aset ini kita tidak pernah nyatakan kepada rakyat?

Pada saya aset negara kita cukup banyak sama ada aset alih, aset tidak alih. Aset bangunan, aset tanah. Macam-macam aset kerajaan ada. Apa yang penting aset itu berapa saya hendak tanya. Adakah kita pernah kita atau sedang dikira? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Damansara mengatakan bahawa RM1 trilion. Kita kena asingkan hutang jaminan kerajaan maknanya ada *asset backing*. Ada *asset backing*. Jaminan kerajaan maknanya hutang itu kalau hutang itu tidak dibayar barulah kerajaan akan jamin tetapi hutang itu ada *asset backing* yang kuat. Jadi macam itulah.

Jadi tidak boleh kita himpulkan hutang RM860 juta dengan RM1 trilion, itu tidak benar. Ia mengelirukan rakyat sebenarnya. Kalau kita *highlight* benda ini rakyat akan keliru. Jadi, Yang Berhormat Menteri kena sahkan ini jaminan kerajaan punya ada *asset backing* yang kuat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Banyak soalan itu, saya hendak cuba ingat ini. Pertamanya mengenai jumlah hutang. *Maybe saya give a clarification here* dengan izin.

Jadi pada *quarter* pertama, suku pertama tahun 2020 jumlah hutang Kerajaan Persekutuan ialah RM823.8 bilion.

Jaminan komited seperti Yang Berhormat beritahu tadi. Yang Berhormat Rompin, jaminan komited itu ialah RM166.9 bilion iaitu *basic* projek-projek yang diberi *guarantee* oleh pihak kerajaan dan juga lain-lain liabiliti sebanyak RM166 bilion yang selebihnya. Jadi, jumlahnya kalau campur hutang kerajaan dan jaminan komited ialah RM1.264 bilion. Itulah hutang sekaranglah. *Sorry* RM1.264 trilion.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi pada masa kami ambil alih RM800 *million* lebih tapi PH beritahu... [Disampuk] *Shut up!*

■1820

Saya tanya soalan, semasa PH memerintah- saya hendak cakaplah! Saya bercakap ini hak saya bercakap, *you* duduk!

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Kalau *you* cakap *shut up*, saya pun...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah, Yang Berhormat Kuala Langat, duduk.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** So, Yang Berhormat, biar saya habis sikit lagi. Sikit Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tak, saya tak mahu, sikit sahaja? Okey.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Sikit sahaja, saya belum sebut lagi hutang Kerajaan Persekutuan pada tahun sebelumnya. Jadi, tahun 2017, hutang kerajaan ialah RM686.8 bilion. Tahun 2018, hutang kerajaan ialah RM741 bilion. Tahun 2019 ialah RM793 bilion. Ini kerana hutang kerajaan naik mengikut defisit KDNK... [Dewan riuh]

Daripada segi aset, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kita sekarang menggunakan *modified cashflow*, bukan akrual lagi. Jadi, kita tidak ada *information assets*, kita bukan macam syarikat-syarikat lain.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Baik, terima kasih. Saya tertarik dengan kenyataan tentang *modified cashflow*, Tuan Yang di-Pertua. Adakah sistem akrual ini akan diteruskan supaya kita boleh dapat satu gambaran yang lebih tepat dan menyeluruh? Ini kerana kononnya dikhabarkan bahawa sistem pengakruan ini kalau tidak dihentikan, akan ditangguhkan. Bolehkan saya dapat penjelasan tentang perkara ini supaya kita dapat satu gambaran yang holistik.

Berkaitan dengan apa Yang Berhormat sebut tadi tentang komitmen dan liabiliti sebanyak RM1.2 trilion. Kita hendak tahu, apakah kedudukan sekarang? Oleh sebab kalau kita lihat daripada segi pendapatan daripada LHDN, perolehan telah jatuh lebih 30 peratus. Adakah ini benar? Sejauh manakah ini akan memberi kesan ke atas *current account deficit*? Saya sebut tentang daripada segi kewangan. Juga akhirnya, adakah ada kemungkinan Malaysia hadapi *twin deficit*, dengan izin? Sekian, terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, saya jawab *twin deficit* dahulu. Pihak kerajaan sekarang ini telah mengumumkan defisit akan dijangka naik di antara 5.8 peratus hingga enam peratus. Ini disebabkan suntikan fiskal yang diperlukan untuk merangsang ekonomi kita, pakej PRIHATIN dan PENJANA, ini sebanyak RM45 bilion. Oleh itu, hutang kita akan naik sebanyak RM45 bilion dan defisit kita pun akan naik.

Sama ada kita ada *twin account deficit* ini, jawapannya tidak. Ini kerana *current account* kita masih lagi dalam positif. Kita dalam masa depan juga ada akta, *we have an act* yang tidak membenarkan kita meminjam untuk *finance our operating expenditure*. So, *we would not be*, dengan izin, *in current account deficit position*.

Daripada segi hasil, memang oleh sebab penularan wabak COVID-19, hasil kerajaan memang terkesan. Jadi, kita pada mulanya hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung dan jumlahnya adalah lebih kurang RM244.5 bilion dalam bajet mantan Menteri sendirilah. Akan tetapi oleh sebab penularan wabak COVID-19 ini mungkin turun, saya tidak ada nombor- *the latest number* lagi. Akan tetapi dalam lingkungan, *within the range* 20 peratus hingga 30 peratus. Terima kasih.

Oh! Akrual dan *modified cashflow* ini masih lagi dikaji tetapi sistem memang dua-dua boleh, memang rancangannya tidak ditangguhkan lah. Buat masa ini tak ditangguhkan. Teruskan? Okey, sekejap.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya Tabung Harapan tadi tidak jawab lagi. Tabung Harapan yang menimbulkan kerajaan dahulu.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tabung Harapan telah digunakan untuk membayar hutang 1MDB... [*Dewan tepuk*]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Dengar itu betul-betul.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Berapa banyakkah tu?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tabung Harapan ini RM2 bilion, kah RM200 juta sahaja?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini merunsingkan saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan duit Yang Berhormat Pasir Salak lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat beritahu berapa banyak digunakan untuk bayar hutang? Kalau betul, sebab apa ini yang dimomokkan kepada rakyat, pembohongan-pembohongan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Jelutong apa ada?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Berapa banyak yang digunakan untuk bayar hutang, Yang Berhormat Menteri? Supaya rakyat dengar ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan duit Yang Berhormat Arau lah!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya pun bayar RM1.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, soalan, boleh?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Boleh saya jawab?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tak malu lah, tak malu. Malu lah sikit... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Baik, jawab dulu.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Jadi, kalau lihat daripada segi hutang kerajaan, saya sebut tadi. Pada tahun 2018, mengikut data yang saya ada di sini- dan tahun 2019, hutang kerajaan ialah lebih kurang RM793 bilion tahun 2019 dan RM741 bilion tahun 2018. Hasil kerajaan buat pada masa itu lebih kurang RM244.5 bilion pada tahun 2019 dan RM232.9 bilion pada tahun 2018. Perbelanjaan operasi ialah lebih kurang RM263 bilion pada tahun 2019 dan RM231 bilion untuk tahun 2018. Jadi, penggunaan hutang itu dibayar untuk perbelanjaan operasi. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab Yang Berhormat Menteri tadi kata bahawa hasil kita mungkin kekurangan 20 peratus, ya? Sebanyak 20 peratus hingga 30 peratus. Ini bermakna, hasil kita akan jatuh sebanyak RM50 bilion sampai ke RM75 bilion, lebih kurang. Betul tidak? Ya.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** *Depends* kepada, terpulung kepada GDP kitalah, hasil.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Ya, betul. Jadi, kalau kita hendak RM45 bilion lebih kurang untuk COVID-19 ini dan hasil kita turun, tidakkah kita perlu membuat satu *bond issuance* yang besar sekali? Lebih kurang RM100 bilion sampai ke RM130 bilion, lebih kurang, pada fikiran sayalah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri pencerahan tentang isu ini?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Seperti yang sebut tadi, suntikan fiskal ialah RM45 bilion ini akan di-*finance*, dibiayai melalui pinjaman domestik, RM45 bilion. *So, borrowing will be up by RM45 bilion.*

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Maknanya, bolehkah beri pencerahan tentang isu *domestic borrowing* ini? Adakah kita buat *short-term borrowing* dari bank ataupun kita *issue bond* ataupun macam mana? Bond itu bukan domestik, *short-term* lah, ya?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Itu akan dibuat melalui MGS lah. Boleh saya sambung?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pasir Mas.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** So, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Menteri, boleh dapatkan laluan? Yang Berhormat Pasir Mas.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ya.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Menteri, saya tertarik bila Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa duit dari Tabung Harapan Negara itu dibayar kepada hutang 1MDB. Saya merujuk kenyataan bekas Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan menyebut bahawa kalau dalam isu Goldman Sachs, kalau kerajaan tidak gopoh membawa tindakan sivil, kerajaan boleh dapat banyak lagi dana dan boleh bayar lagi banyak hutang ini. Jadi, boleh saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri dalam isu ini? Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Ini mengenai isu pembayaran semula, isu *settlement* 1MDB dengan Goldman Sachs ya.

Saya sebenarnya ingin berterus terang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini sebenarnya *statement* yang dibuat oleh mantan Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas. Kita mempunyai rekod yang menunjukkan bahawa 13 Disember 2019, kerajaan terdahulu telah menawarkan penyelesaian sebanyak USD4 bilion kepada Goldman Sachs. Akan tetapi tawaran ini ditolak oleh Goldman Sachs. Sebaliknya, mereka telah memberi tawaran balas, *counter offer* iaitu hanya USD1.5 bilion.

Terkini dan belum pernah dikongsi sebelum ini ialah surat bertarikh 11 Februari 2020. Tan Sri Tommy Thomas, telah memaklumkan kepada mantan Perdana Menteri bahawa Goldman Sachs bersetuju menaikkan tawaran mereka kepada USD1.75 bilion. Jumlah ini termasuk juga bayaran cukai sebanyak USD164 juta dan pemulangan—*the fees, Goldman Sachs fees*, yuran sebanyak USD567 juta.

Syor yang diberikan oleh mantan Peguam Negara dalam surat tersebut adalah untuk mencari penyelesaian di luar mahkamah... [*Dewan riu*] Ini bercanggah dengan dakwaan beliau bahawa Kerajaan Perikatan Nasional tidak seharusnya menerima penyelesaian luar mahkamah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya tentang perkara ini. Dengan lain-lain perkataan, mantan Peguam Negara, mantan Perdana Menteri juga tidak bercakap benar kepada rakyat dalam hal ini. Mereka kata patut diteruskan pendakwaan tetapi mereka bersetuju pada *settlement* yang lebih rendah. Ada surat yang berkaitan kah, Yang Berhormat Menteri?

■1830

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Ada surat yang tadi saya sudah sebutkan, surat itu bertarikh 11 Februari 2020, Tan Sri Tommy Thomas telah memaklumkan kepada mantan Perdana Menteri bahawa Goldman Sachs bersetuju menaikkan tawaran dan jumlah itu termasuk juga bayaran cukai yang saya sebut tadi USD164 bilion.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** [*Bangun*]

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Mungkin saya habiskan dahulu, Yang Berhormat Damansara. Melalui rundingan terkini seperti Yang Berhormat tahu, kerajaan akan menerima amaun tunai sebanyak USD2.0 bilion tanpa menolak jumlah cukai tadi. Jumlah ini 42 peratus lebih tinggi daripada tawaran terakhir yang diterima oleh Tan Sri Tommy Thomas... [*Tepuk*]

Tambahan, kerajaan kini menerima jaminan sekurang-kurangnya USD1.4 bilion daripada jualan aset... [*Tepuk*] Dan juga telah menerima bayaran cukai. Dengan penyelesaian ini dan jumlah yang telah diterima daripada DOJ lebih daripada USD4.5 bilion akan dikembalikan kepada rakyat Malaysia... [*Tepuk*]

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Oh! Baru tahu... [*Tepuk*]

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Akan tetapi kerajaan terus komited untuk mendapatkan semula aset-aset lain yang masih belum dikembalikan.



Penyelesaian ini juga tidak menjejaskan tuntutan kerajaan terhadap mana-mana individu dan syarikat yang terlibat dengan skandal. Jadi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua untuk jawab soalan Yang Berhormat Pontian, dengan izin, "*At all material times, the former AG was also seeking a settlement with Goldman Sachs. It is therefore disingenuous of him to say we should not have done exactly what he wanted to do in the first place*"... [Tepuk] [Dewan riuh]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Bagan lah jawab. Apakah fasal Yang Berhormat Subang mahu jawab? Yang Berhormat Bagan lah bangun cakap, ini Yang Berhormat Subang, eh! Yang Berhormat Damansara.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Diamlah, Yang Berhormat Baling. Duduklah, Yang Berhormat Baling. Bising. [Pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan Yang Berhormat Damansara... [Dewan riuh]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada rakan-rakan yang di sebelah sana. Bila rakan-rakan berucap, saya tidak bising, so...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekarang terbukti bahawa Yang Berhormat Damansara *was controlling* mantan Menteri Kewangan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat Damansara.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Damansara.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *He controlled the* Menteri Kewangan dahulu.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tarik balik, Yang Berhormat Pasir Salak. Tarik balik...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Damansara.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Betul, tarik balik apanya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuduhan daripada Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Damansara *run everything including GST*.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Takkanlah tidak dengar.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *We know now...*

[Sistem pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong, tolong. Bertenang semua, bertenang semua. Yang Berhormat Damansara, sila... [Dewan riuh]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih. Tiga soalan. Nombor satu dalam surat yang baru dibangkitkan tadi yang bertarikh 11 Februari. Nombor satu, adakah syor dalam surat tersebut untuk menerima tawaran USD1.75 bilion itu? Apa yang saya tahu PH telah pun tolak tawaran tersebut.

Nombor dua, dalam kenyataan yang telah pun dibuat oleh bekas AG, Tan Sri Tommy Thomas, beliau tidak menyebut bahawa kerajaan tidak patut membuat penyelesaian di luar mahkamah. *That's also disingenuous of you to say that he said, no settlement outside of the courts.*

Disebut, penyelesaian luar mahkamah masa yang paling baik untuk berbuat begitu adalah selepas pihak Goldman Sachs dibawa ke mahkamah dan pengarah-pengarah mereka kena masuk ke mahkamah untuk menghadapi tuduhan. "*That gives us the maximum leverage*", *I quote from his statement, "The maximum leverage to obtain the highest compensation from Goldman Sachs"...* [Tepuk]

Nombor tiga, dalam isu USD1.4 bilion nilai aset yang akan dipulangkan ke Malaysia yang dijamin nilainya yang dijamin oleh pihak Goldman Sachs. Goldman Sachs telah pun membuat pengumuman di *New York Stock Exchange* bahawa USD1.4 bilion ini mereka mempunyai keyakinan bahawa mereka- setelah membuat segala penilaian dan pengiraan, mereka tidak akan mengeluarkan satu sen pun untuk membiayai jaminan tersebut.

Maksudnya, USD1.4 bilion ini aset yang akan dipulangkan ke Malaysia memang kita akan terima pun walaupun tidak ada jaminan daripada Goldman Sachs... [Tepuk] Maksudnya kita tidak ada tambahan USD1.4 bilion daripada Goldman Sachs. So, minta penjelasan daripada- ah! Satu lagi soalan. Minta maaf Yang Berhormat Menteri.

Saya juga hendak tanya USD1.4 bilion ini adakah ia aset yang hanya berkait dengan bon USD6.5 bilion yang telah pun diumumkan ataupun diterbitkan oleh Goldman Sachs ataupun semua aset, tidak kira sama ada dibeli dengan wang daripada USD6.5 bilion ini atau wang 1MDB yang dijana daripada pinjaman yang lain.

Oleh sebab penjelasan yang telah pun dibuat oleh pihak kerajaan dengan pihak Goldman Sachs adalah bercanggah. Setahu saya pihak kerajaan kata hanya daripada dana USD6.5 bilion, bon tersebut akan masuk dalam jaminan ini. Akan tetapi mengikut pengumuman Goldman Sachs, macam semua pulangan aset ke Malaysia, tidak kira sama ada daripada USD6.5 bilion bon ataupun pinjaman lain akan termasuk dalam USD1.4 bilion tersebut. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat Damansara. Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Damansara, kerajaan terdahulu telah pun mendaftarkan- betul? Mendaftarkan kes jenayah terhadap Goldman Sachs dan 17 orang pengarahnya seperti yang disebut. Akan tetapi sehingga kini, tiada seorang pun pengarah tersebut dihadapkan ke mahkamah... [Dewan riuh] [Tepuk]

Proses penyerahan pertuduhan tersebut masih belum terlaksana. Sekiranya pendakwaan dibuat di Malaysia, kesemua 17 orang pengarah perlu diekstradisi untuk dibicarakan di Malaysia. Proses ini tidak pernah pun dilaksanakan semasa beliau menjadi Peguam Negara... [Tepuk] [Dewan riuh]

Sekiranya proses ekstradisi ini dimulakan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Politik sahaja.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** ...Ia tentunya ditentang oleh 17 orang pengarah tersebut yang tiada kepastian sama ada mereka berjaya diekstradisi ke Malaysia. Pada masa yang sama, denda ke atas syarikat mungkin tidak akan mencukupi untuk menanggung liabiliti daripada bon yang akan matang pada tahun 2022 dan 2023.

Soalan kedua yang mengenai sama ada USD1.4 bilion *guarantee* yang diberi oleh Goldman Sachs. Jadi seperti mana Yang Berhormat Damansara tahu aset yang dibekukan, tidak semestinya akan diterima pada nilai yang sama. Betul tidak? Perkara ini jelas ketika Malaysia berusaha mendapatkan semula bot *Equanimity* dari harga pembelian USD250 juta, Malaysia hanya memperoleh semula USD125 juta dan ini juga sebelum ditolak kos pemulihan dan penyelenggaraan... [Tepuk]

Begitu juga dengan kes jet *bombardier*. Jet *bombardier* ini bernilai USD35.37 juta yang dirampas di Singapura dan dijual oleh pihak berkuasa Singapura dengan hanya USD137,615. Akhirnya Malaysia hanya menerima USD136,500... [Dewan riuh]

So, ringkasnya tiada kepastian kita akan dapat merealisasikan dan mendapatkan semula nilai sepenuh, nilai penuh aset yang telah dibeku dan dirampas di seluruh dunia. Dalam penyelesaian ini jumlah yang dipersetujui jumlah yang sebenar yang akan diterima oleh Malaysia. Bukan hanya sekadar nilai yang diisytiharkan daripada aset yang disita.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Menteri, sama ada penyelesaian USD2.5 bilion *cash*, wang tunai dan USD1.4 bilion dalam bentuk jaminan untuk aset-aset yang akan dikembalikan, adakah ia mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri? Adakah ini keputusan oleh satu atau dua orang ataupun oleh Jemaah Menteri? Ini kerana bila disebut tentang cadangan oleh bekas Peguam Negara, saya kena sebut bahawa *I'm not being briefed* tentang utusan surat di antara Peguam Negara dan juga Perdana Menteri kerana akhirnya yang penting adalah apabila satu penyelesaian yang begitu penting ini, ia harus diluluskan oleh pihak Kabinet.

Di sini saya pun ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang kenyataan Goldman Sachs pada 24 Julai yang mana mereka menyatakan dengan izin, “*There is no significant risk exposure to the guarantee for USD1.4 billion in assets seized by government authorities throughout the world.*”

Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, bahawa Goldman Sachs daripada segi komitmennya ialah sekadar pembayaran wang tunai USD2.5 bilion sedangkan USD1.4 bilion yang disebut tadi aset yang telah pun dirampas. Dalam kaca mata ataupun dalam pandangan Goldman Sachs sendiri, ia tidak menimbulkan tanggungan risiko yang tinggi untuk memerlukan mereka membuat komitmen yang lebih besar. So, dengan ringkasnya Goldman Sachs hanya perlu membayar USD2.5 bilion. Terima kasih.

**YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Jumlah USD2.5 bilion ialah secara tunai, USD1.4 bilion ialah *bank guarantee*.

■1840

Seperti mana semua Yang Berhormat tahu bank *guarantee* itu macam tunailah. Kalau dia tidak dapat- kita tidak dapat balik RM1.4 bilion, dia akan bayar kita RM1.4 bilion. *In fact* dalam masa dua tahun, kalau dia tidak dapat RM500 juta daripada mereka, daripada segi aset, dia akan bayar kita dahulu RM250 juta itu tunai, ya. So, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua saya hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Boleh sini Yang Berhormat Menteri, Subang.

**YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Masa *your time*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ada keputusan Kabinet tidak tentang penyelesaian sebanyak RM3.9 bilion, sebanyak RM2.5 bilion *cash*, sebanyak RM1.4 bilion dalam bentuk jaminan. Adakah dapat kelulusan daripada Kabinet?

**YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya, ini kelulusan masa Pakatan Harapan ya?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bukan, bukan. *The deal that you announced. Is it approved by Cabinet- no? Is it approved by Cabinet?*

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu jawablah bila kerajaan jawab ini hak kerajaan. Kabinet tarik balik hak kerajaan... [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** No, kerana kononnya...

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Depan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanya keputusan Kabinet?... [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini macam keputusan yang dibuat oleh beberapa orang, bukan oleh Kabinet.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Mestilah keputusan Kabinet. Ini kerajaan jawab.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Untuk perkara sebesar ini dan sepeenting ini, ia harus diluluskan oleh Kabinet... [*Dewan riuh*]

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kerajaan jawab.

**Seorang Ahli:** Duduk Yang Berhormat Arau.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ada pula tanya ini keputusan Kabinet ataupun tidak... [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Adakah ia diluluskan oleh Kabinet?

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini mengikut...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini semua takut kebenaran... [*Dewan riuh*]

[*Sistem pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, sila duduk. Saya rasa ini keputusan Kementerian Kewangan dan semestinya akan dibawa di Kabinet.

**YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey. *Is it, the...*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Is it approved by Cabinet?*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey saya akan jawab, saya akan jawab. Saya ingat saya salah faham tadi, saya ingat surat itu sama ada disetujui oleh Kabinet. Akan tetapi soalan Yang Berhormat Bagan sama ada 'RM3.9 juta' ini disetujui oleh Kabinet? Jumlah RM3.9 bilion ini disetujui oleh Kabinet. Saya hendak maklumkan di sini di mana Kabinet telah memberi kuasa kepada *Attorney General* dan pasukannya untuk berunding dengan untuk cari penyelesaian.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini luar biasa Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, tidak.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini kerana untuk satu jumlah sebanyak...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kalau luar biasa, dia kerajaan luar biasa lah... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak ada lah. Yang Berhormat Bagan mengelirukan rakyat, Yang Berhormat Bagan mengelirukan Dewan banyak kali cukuplah Yang Berhormat Bagan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Janganlah kata... *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sepatutnya ia diluluskan oleh Kabinet.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Habis, itulah Kabinet kongkalikung.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Boleh ada pandangan berbeza tetapi you ungkit jumlah sebesar ini? Jumlah USD3.9 bilion... *[Dewan riuh]*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kabinet kongkalikung.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tidak boleh diputuskan oleh satu atau dua orang. *We are talking about more than RM10 billion. It should be approved by Cabinet.* Ini sama dengan kes 1MDB dengan kes ini yang dikaitkan dengan mahkamah di mana satu orang buat keputusan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Maksud..

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ia harus diputuskan di Kabinet. Mengapakah tidak diputuskan oleh Kabinet?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh..

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini satu isu akauntabiliti dan transparensi Tuan Yang di-Pertua. Ia tidak boleh dibiarkan begitu sahaja... *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan... *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan! Saya rasa- Yang Berhormat, Yang Berhormat semua. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menjawab bahawa pasukan perundangan itu diberikan mandat oleh Kabinet dan apabila sesuatu itu telah dicapai oleh pasukan itu maka sudah tentu Kabinet nanti akan meratifikasi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya akan- itu prosedurnya, itu prosedurnya.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya rasa telah pun diterangkan bahawa mandat diberikan sepenuhnya kepada pasukan tersebut dan apa-apa keputusan yang dicapai sudah tentunya akan dibawa ke Kabinet untuk diratifikasi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *That means it was not approved by Cabinet before you made the announcement.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu prosedur biasa.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *That is extraordinary.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Announcement.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau kita pergi bank-bank, *board of directors...*  
*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Announcement nya, announcement...* *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya tahu! *Of course.* Saya faham!

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Bagi Yang Berhormat Menteri jelaskan dahulu Yang Berhormat Bagan. Bagi Yang Berhormat Menteri jelaskan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini *floor* Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey saya rasa telah diterangkan. Sila teruskan ke hal yang lain.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pun sudah tamat sebenarnya. Masa pun sudah tamat tetapi tolong ke perkara yang lain.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ingat Yang Berhormat Menteri Kewangan terus menjawab...

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Untuk kami dengar pembohongan yang telah dibuat oleh Kerajaan PH dulu.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Tidak payahlah itu, *brother*, duduklah... *[Dewan riuh]*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk, sila duduk. Tolong, tolong. Masa pun sudah tamat, masa pun sudah tamat. Saya rasa Yang Berhormat Menteri banyak lagi benda yang hendak diperkatakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong teruskan, tolong teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh Yang Berhormat Menteri. Sini yang...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri. Ini yang GST *refund* ini betul ke RM19.4 bilion ini dirompak? Betul atau tidak? Saya hendak jawapan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada GST...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana itu, yang mana...?

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dirompak atau tidak? Jumlah RM19.4 bilion itu. Itu saya hendak tanya rompak atau tidak? Sepatah sahaja.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** So, Yang Berhormat..

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya... *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Peraturan yang mana itu? Peraturan yang mana?

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Pembohongan oleh saya. *Let him, let him* tarik balik.

**Beberapa Ahli:** ...Tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan? Tidak, *point of order?*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tarik balik... *[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Ahli-ahli Yang Berhormat semua, kalau kelam kabut macam ini saya tangguh sahaja mesyuarat. Okey, kita hendak habiskan atau tidak? *Point of order number* berapa?

**Seorang Ahli:** 36(6)... *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan bentang lagi bagi buka semua senang.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tidak boleh buat *unparliamentary language*. Itu ialah...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu ialah *unparliamentary language*. Pembohongan tidak boleh disebut. Saya tadi tidak sebut bohong.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apakah dia?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya cakap *this is not in compliance with good governance and good administration* kerana tidak diputuskan oleh Kabinet. Dia pula cakap saya bohong? Minta Yang Berhormat Arau tarik balik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sebenarnya tadi yang kelam kabut itu saya pun tidak dengar. Boleh saya *check Hansard* dahulu? Boleh saya *check Hansard*? Saya *check Hansard*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Bagan kata dahulu perompak...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Lagi teruk daripada itu Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Check Hansard* sahaja Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** *All right*, baik, baik, baik semua. Biar saya *check Hansard*, biar saya *check Hansard* kemudian saya akan tangani perkara itu. Yang Berhormat Menteri hendak teruskan atau hendak beri Yang Berhormat Pontian jalan?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya teruskan, saya akan jawab soalan... *[Rakaman kurang jelas]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Check Hansard*, sikit saja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak... *[Rakaman kurang jelas]* Patut jawab.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Jumlah RM19.4 bilion GST *refund* itu dirompak atau tidak? Itu sahaja.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, saya terima kasih Yang Berhormat. Biar saya jawab, saya hendak jawab Yang Berhormat Bagan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat jawab, kalau tidak betul tidak payah tarik.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Daripada segi *governance*-Yang Berhormat Bagan saya faham apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan. Saya pun hendak tanya juga keputusan *zero rate* GST ini. Keputusan *zero rate* GST ini tidak pernah pula pergi ke Kabinet oleh mantan Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** *Then?* Habis? Tengok siapa punya keputusan?... *[Rakaman kurang jelas]* *[Dewan riuh]*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Wah itu Kementerian Kewangan boleh buat kah?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, *zero rating* GST... *[Rakaman kurang jelas]* *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak beri laluan lagi ke atau hendak teruskan?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya hendak *continue*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab sudah habis masa.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya beri banyak laluan sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis masa.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tapi saya mungkin hendak jawab soal..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong sambung.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya hendak jawab soalan. *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan, laluan tidak diberi.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya ingin menarik, Saya ingin menjawab soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan... *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada PAC tahun 2019. Ini mengenai GST.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *No* tetapi ini...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat amaran satu! Amaran dua! Duduk. Tolong duduk... *[Dewan riuh]* Amaran dua. Tolong duduk! Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya ingin juga menarik perhatian kepada jawapan untuk Yang Berhormat Pontian. *Sorry*, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan pula, Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan. Tolong, tolong. Saya sudah amaran dua ini. Saya sudah amaran kedua. Silakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Amaran ketiga gantung satu bulan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi satu saya- okey.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey terima kasih Yang Berhormat Pontian mengenai soalan GST itu. Ini saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada tahun lepas yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini di mana PAC pun telah pun menjalankan siasatan ke atas tuduhan yang dibuat tadi. Ini saya hendak rumuskan antara lain bahawa tidak ada kehilangan hasil dalam kutipan hasil GST... *[Dewan tepuk] [Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ini Yang Berhormat Bagan pembohong besar.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Bagan pembohong, Yang Berhormat Bagan pembohong

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Saya rasa masa pun sudah tiada. Kita berikan lantai percakapan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Dalam Laporan PAC tersebut dia ada mengatakan bahawa Yang Berhormat Pekan pecah amanah...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya mengucapkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...itu juga ada dalam Laporan PAC.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Pecah amanah. Wang tidak hilang tetapi wang diselewengkan oleh kerajaan...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan! Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan! Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Tidakkah Yang Berhormat Menteri tidak jawab macam itu... *[Dewan riuh]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolonglah kita ada *decorum* sedikit. Masa pun sudah tamat sebenarnya. Saya pun tidak hendak halau orang keluar daripada Dewan ini. Tolong, Yang Berhormat Menteri Kewangan teruskan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** So, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tidak, saya hendak tutup sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya ingin, saya rasa setakat ini sahajalah jawapan saya.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri jangan, jangan. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya akan berikan jawapan bertulis untuk soalan-soalan lain. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Rakaman kurang jelas] [Dewan riuh]*



**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti yang lain-lain...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang hebat yang telah memberi keterangan fakta kepada rakyat harus disetujukan. Tahniah Yang Berhormat Menteri Kewangan, tahniah.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *how can you allow this- go on and on?* Yang Berhormat Arau selalu kacau Dewan. *Manage the House better* Tuan Yang di-Pertua. *Manage the House better.*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Seorang penipu, seorang 'punahsihat'.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *We need answers in the Dewan and you didn't allow that to happen... [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan pada jam 10 pagi, hari Isnin 10 Ogos 2020.

Terima kasih. *Assalamualaikum.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.51 petang]**